

Kehidupan berkeluarga bukanlah satu program komputer yang beroperasi dengan sendiri, ia memerlukan input berterusan daripada semua orang.



wanita berdaya harapan negara

Sesungguhnya keluarga itu tempatnya yang aman dan selesa dalam berkongsi suka dan duka. Apabila setiap ahli keluarga saling menyayangi dan saling mengalah, nescaya seluruh masyarakat akan menjadi baik, aman dan damai.

HENDAKLAH SENTIASA MENJAGA DAN MENGERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM DI KALANGAN ANGGOTA KELUARGA DENGAN MEMASTIKAN SUASANA SENTIASA CERITA, MESRA, SALING HORMAT MENGHORMATI DAN SELAMAT

Wanita
Sumber inspirasi

MENCINTAI
KELUARGA
ADALAH AMANAH
BAGI SETIAP MANUSIA



bermula denganmu

Apabila anda melihat pada kehidupan anda kebahagiaan terbesar adalah kebahagiaan berkeluarga

Berkat Berjasa

Keluarga adalah nadi negara



Akhlaq Mulia Masyarakat Layak • Syurga Di Bawah Tapak Kaki Ibu •

Wanita Suara Perubahan

TALIAN NUR 15999
Kasih Sayang

Sebahagian
dari kesempurnaan
kebahagiaan di dunia adalah
memiliki keluarga yang
bahagia.



Masyarakat
Menjana
Kemajuan
Sejagat

1AZAM
Akhir Zaman Miskin

Orang-orang yang paling
berbahagia tidak selalu
memiliki hal-hal terbaik,
mereka hanya berusaha
menjadikan yang terbaik
dari setiap hal yang hadir
dalam hidupnya

kami prihatin

Laporan Tahunan

2011

Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

No 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya.
MALAYSIA.

www.kpwkm.gov.my
info@kpwkm.gov.my

twitter.com/kpwkm
www.facebook.com/kpwkm

©KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

All rights reserved. No part of this annual report may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or by any information retrieval system, without the permission in writing from the copyright owner.



KANDUNGAN



PENCAPAIAN KPWK

KPWKM

2004

Kerajaan bersetuju supaya dilaksanakan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam. Kerajaan berharap sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan melaksanakan dasar yang sama.

4 Mac

Bagi meningkatkan kesihatan wanita dan ahli keluarga, Klinik Nur Sejahtera dan Pusat Informasi Nur & Keluarga telah dilancarkan pada 4 Mac 2004. Klinik ini menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif, kesejahteraan wanita, kesejahteraan lelaki, saringan kanser wanita, eramas untuk wanita warga emas dan pengurusan berat badan selamat untuk lelaki dan wanita. Pusat informasi adalah sebagai pusat rujukan berhubung institusi keluarga dan kesihatan wanita.

8 Oktober

Bagi meningkatkan kesedaran dan memberi panduan penjagaan kesihatan kepada kaum wanita, satu program Wanita: Kesihatan dan Gaya Hidup 2004 telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 8 Oktober 2004. Program ini diteruskan pada tahun 2005.

2001

23 Julai

Pengumuman Cadangan Pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Malaysia – Hak Sama Rata Antara Lelaki Dan Wanita

1 Ogos

Parlimen Sebulut Suara Meluluskan Pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Tiada Lagi Diskriminasi Gender

1 September

Pindaan Peraturan Imigresen yang tidak mendiskriminati wanita Malaysia yang berkahwin dengan rakyat asing. Lelaki warga negara asing yang berkahwin dengan wanita Malaysia dibenarkan membaharu pas lawatan sosial secara tahunan

19 Oktober

Pengumuman Balu Yang Berkahwin Semula Tetap Menerima Pencen Suami

2005

► Bagi membantu ibu bapa berpendapatan rendah mendapat khidmat penjagaan anak secara lebih teratur dan berkualiti, Kerajaan bersetuju supaya sepuluh buah TASKA Komuniti perintis ditubuhkan di bawah kawal selia JKMK. TASKA ini berdasarkan prinsip perkongsian bijak Kerajaan-NGO di mana pihak NGO dan komuniti akan mengendalikan TASKA dengan bantuan daripada Kerajaan.

► Bagi membantu wanita yang tidak bekerja atau terpaksa berhenti kerja kerana komitmen terhadap rumah tangga menjana pendapatan sendiri, Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan konsep kerja "Home Office". Melalui konsep ini wanita boleh memulakan perniagaan atau perusahaan secara kecil-kecilan di rumah. Peraturan dan prosedur mengenai konsep kerja ini sedang diselaraskan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

25 Julai

Bagi memperbaikkan orang awam terutama wanita mengenai kesihatan serta kepentingan pengesanan awal penyakit, Klinik Nur Sejahtera telah menyediakan Call Centre yang dinamakan Healthline LPPKN. Ia telah dilancarkan oleh YB, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 25 Julai 2005.

29 Oktober

Bagi membantu warga emas, golongan kurang upaya, golongan miskin dan daif, serta mangsa-mangsa bencana di peringkat akar umbi, Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MKPM) telah ditubuhkan di setiap negeri dan kawasan parlimentar. Majlis ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Oktober 2005.

2002

► Bagi mengerakkan program dan aktiviti kerajaan di peringkat akar umbi, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri (MPWKN) telah ditubuhkan di setiap negeri dan kawasan Parlimentar. Majlis ini berperanan sebagai jentera pelaksana program dan aktiviti pembangunan wanita di peringkat akar umbi dijalankan dengan cekap dan berkesan.

2003

► Program Latihan Mentor-mentee bagi Skim Kredit Mikro Bank Simpanan Nasional telah dilaksanakan oleh KPWK dengan kerjasama Pertubuhan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia (NAWEM). Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil wanita mendapat pinjaman secara lebih teratur di samping memberi latihan dan menggalakkan perwujudan jaringan perniagaan di kalangan usahawan wanita.

2006

► Bagi memastikan aspek kesaksamaan gender diintegrasikan dalam semua program dan projek kerajaan, projek perintis bajet gender telah dilaksanakan di lima buah kementerian iaitu, Pelajaran, Pengajian Tinggi, Kesihatan, Sumber Manusia dan Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kelima-lima kementerian perintis ini telah mula melaksanakan bajet gender dalam bajet mengurus masing-masing mulai bajet tahun 2006/2007.

2009

4 Oktober

KPWKM telah berjaya mencapai tahap cemerlang dalam Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara.

4 Disember

KPWKM telah mendapat persijilan MS ISO 9001 : 2008 daripada SIRIM Berhad bagi proses Penggubalan Dasar dan Perkhidmatan Sokongan Berkaitan.

2010

23 April

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mendapat kelulusan dari Kabinet dalam usaha dan inisiatif untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang kerja sosial

27 September

Penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2010 (tempat ke-3) di Akademi Audit Negara, Nilai.

6 Julai

Penerima Anugerah Keluarga ECOSOC UN/WFO daripada Majlis Ekonomi & Sosial PBB dan World Family Organisation (WFO)

2011

31 Julai

Program Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri.

Belanjawan 2003

Program pemilikan rumah kos rendah kepada ibu tunggal yang berpendapatan rendah telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Paket Rangsangan Ekonomi. Di bawah program ini, ibu tunggal seperti balu kakitangan Kerajaan, termasuk polis dan tentera diberi keutamaan untuk memiliki rumah kos rendah dengan kadar diskain 20% melalui kaedah sewa beli yang rendah di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad.

31 Mei

Bagi memantapkan institusi keluarga pakej SMARTSTART telah dilancarkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 31 Mei 2003. Pakej ini mengandungi bahan mengenai persediaan perkahwinan, komunikasi dalam keluarga, kesihatan dan keibubapaan sebagai panduan yang komprehensif kepada pasangan yang akan atau baru berkahwin. Jemaah Menteri pada 15 Februari 2006 telah bersetuju supaya KPWK melaksanakan Kursus Praperkahwinan (Kursus SMARTSTART) bagi bakal pengantin yang berminat untuk menyertainya.

► KPWKM bekerjasama rapat dengan NGO melalui konsep perkongsian bijak. Pihak NGO akan diperuntukkan bantuan kewangan untuk menjalankan program-program seperti literasi undang-undang, latihan kemahiran, kempen kesedaran dan sebagainya. Pada tahun 2005, sebanyak RM 2.9 juta telah diagihkan kepada NGO dan RM 4.4 juta kepada Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri (MPWKN) untuk melaksanakan program pembangunan wanita dan keluarga. Ini telah memberi manfaat kepada 448,273 orang peserta.

Belanjawan 2006

Tidak seperti sebelum ini di mana Cukai Keuntungan Harta Tanah ke atas sebuah rumah diberikan kepada pemilik rumah, sama ada suami atau isteri. Bajet 2006 membentarkan suami dan isteri membuat tuntutan berasingan sekali seumur hidup.

PROFESIONAL

► Talian Nur 15999 memperoleh Prestige Award bagi kategori Community Outreach Recognition 2011 dari Customer Relationship Management and Contact Centre Association Malaysia (CCAM).

► Pencapaian "Sangat Melepasi Sasaran" (Significantly Exceed Target) bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Sistem HRMIS Tahun 2011 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Asalamualaikumwrt.wbt Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan KPWKM 2011.

Laporan ini adalah amat penting kerana tahun 2011 merupakan sambutan Ulangtahun ke-10 Kementerian ini. Saya berasa bangga melihat pencapaian Kementerian sepanjang sepuluh tahun ini apatah lagi atas segala usaha dalam memperjuang dan mengurus isu-isu pembangunan dan kepentingan kaum wanita yang sememangnya menjadi agenda kerajaan sejak sekian lama.

Kementerian berperanan besar bagi memperkasa peranan serta penyertaan wanita, keluarga dan masyarakat dalam pembangunan Negara selaras dengan impian kita untuk mewujudkan satu masyarakat seimbang, adil, saksama serta bertimbang rasa, selain prihatin kepada golongan susah, yang menghadapi tekanan hidup, yang mengalami masalah kekeluargaan serta mereka yang kurang berkemampuan.

Alhamdullillah, Kementerian dan agensi di bawahnya telah mengambil pelbagai inisiatif prihatin bagi memastikan keupayaan kesejahteraan negara tidak menjadi milik mereka yang kaya dan berkemampuan sahaja. Malah Kementerian meletakkan ia sebagai suatu kewajipan untuk menghulurkan bantuan serta sokongan kepada golongan kurang bernasib baik.

Saya juga bersyukur dan gembira, usaha Kementerian memperkasakan wanita telahpun memperlihatkan pencapaian yang sangat positif. Sejak tahun 2004 apabila Kerajaan mengumumkan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus pegawai di peringkat pembuat keputusan di sektor awam mesti terdiri dari wanita, penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam telah meningkat kepada 31.7% pada tahun 2011 berbanding 18.8% pada tahun 2004.

Perjuangan Kementerian diteruskan bagi memastikan perkara yang sama di sektor korporat juga berhasil dengan keputusan Kerajaan meluluskan Dasar Sekurang-Kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada 24 Jun 2011. Dasar ini berhasrat untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan di peringkat keputusan atasan dan Lembaga Pengarah dalam syarikat korporat.

Sejajar dengan Inisiatif Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah atau NKRA LIH, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah. Selain menyalurkan bantuan kepada golongan ini, usaha-usaha juga diambil untuk memberi mereka pelbagai peluang untuk menambah pendapatan dan meningkatkan produktiviti melalui program 1AZAM. Sukacita dimaklumkan, Kementerian telah berjaya membantu seramai 15,421 orang peserta program AZAM Niaga dan AZAM KhidmatNiaga KPWKM pada tahun 2011.

Tambahan lagi, Kementerian menerusi kerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia dan Jabatan Pembangunan Wanita berjaya melatih dan membangunkan 1,100 orang usahawan wanita daripada isi rumah berpendapatan rendah yang membolehkan mereka menceburi bidang-bidang

keusahawanan seperti pertanian, perkhidmatan, perikanan, perlilangan, penternakan dan perniagaan.

Pada tahun 2011 juga, isu kekeluargaan yang diperjuangkan oleh Kementerian turut meliputi pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember tahun itu. Pindaan kepada Akta ini meluaskan takrifan keganasan rumah tangga bagi meliputi kecederaan emosi, penderaan mental dan psikologi, membolehkan tuntutan pampasan bagi penderaan psikologi dan kecederaan emosi serta memudahkan permohonan perintah perlindungan.

Selain itu, dengan pindaan yang dibuat, kini keganasan rumah tangga adalah kesalahan yang boleh tangkap. Ini memperlihatkan keperihatinan pihak Kerajaan terhadap isu-isu melibatkan kesejahteraan masyarakat.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada usaha padu warga Kementerian dalam melaksanakan program-program sepanjang dekad ini. Peranan dan jasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada transformasi sosial di Malaysia amat bermakna.

Saya berharap Kementerian ini akan terus berperanan membangunkan kelompok sasar khususnya melalui pengenalan polisi serta program yang dapat menyokong usaha memperkasakan wanita, menambahnilai kebahagiaan keluarga dan rumah tangga serta membina sebuah sistem hidup masyarakat Malaysia yang lebih mantap dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.



Saya berasa bangga melihat pencapaian Kementerian sepanjang sepuluh tahun ini apatah lagi segala usaha Kementerian memperjuang dan mengurus isu-isu pembangunan dan kepentingan kaum wanita yang sememangnya menjadi agenda kerajaan sejak sekian lama.



Shahrizat

**YB. SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT
ABDUL JALIL**

Assalamualaikum, Salam 1Malaysia

Syukur Alhamdulillah, Laporan Tahunan ini dapat diterbitkan sebagai rujukan mengenai pencapaian serta sumbangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sepanjang tahun 2011.

Banyak pencapaian dalam memperjuangkan hak wanita serta institusi keluarga dilaksanakan sepanjang tahun 2011 yang telah memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan wanita di mana pelaksanaan program-program adalah selaras dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita serta obligasi terhadap Konvensyen bagi Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW).

Sukacita saya nyatakan Kementerian sentiasa proaktif memberikan tumpuan dan sokongan kepada peningkatan kemahiran dan pendapatan wanita. Menerusi 13 pejabat negeri Jabatan Pembangunan Wanita di seluruh Negara, KPWKM telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi wanita khususnya yang berpendapatan rendah dengan menggalakkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk perniagaan mikro supaya mereka mampu berdikari dari segi ekonomi.

Sehingga tahun 2011, menerusi Imarah Rumah Nur dan Dewan Nur, Kementerian telah berjaya melatih 920 orang ibu tunggal di bawah program peningkatan kemahiran serta pendapatan yang dilaksanakan untuk wanita di peringkat negeri dan kawasan Parlimen. Di bawah program ini, latihan kemahiran asas ditawarkan kepada ibu tunggal dan suri rumah berpendapatan rendah bagi menambah pendapatan keluarga di dalam bidang-bidang seperti kecantikan; pembuatan pakaian, dandan rambut, penyediaan pastri, penyediaan roti dan makanan serta kraf tangan. Selain usaha ini, isu perlindungan kanak-kanak turut diberikan perhatian sepanjang tahun 2011. Sukacita saya nyatakan KPWKM telah pun melancarkan Sistem Amaran Awal Kehilangan Kanak-kanak atau dikenali Nur Alert dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia pada bulan Januari 2011.

Tahun 2011 juga mencatat sejarah manis bagi Kementerian di mana ia telah meraih beberapa pengiktirafan di dalam negara dan bertaraf antarabangsa.

Pada 5 Julai 2011, YB Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri KPWKM dipilih menerima Anugerah Keluarga United Nations Economic and Social Council/ World Family Organisations daripada UN ECOSOC/WFO di Geneva, Switzerland sebagai mengiktiraf sumbangan beliau menerusi LPPKN dalam memartabatkan dan melaksanakan polisi awam untuk manfaat wanita serta keluarga selain memperkuuh kerjasama serantau dalam memperbaiki mutu pendidikan.

Selain itu, inisiatif KPWKM menerusi pelancaran TALIAN NUR 15999 pada 5 Disember 2007 untuk meningkatkan akses kanak-kanak di talian bagi membantu menangani isu dan krisis keganasan rumahtangga dan permasalahan sosial remaja berjaya memperoleh Prestige Award bagi kategori Community Outreach Recognition 2011 dari Customer Relationship Management and Contact Centre Association Malaysia.

Di peringkat pengurusan, antara pengiktirafan yang diterima oleh Kementerian adalah penerima tempat ketiga Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2010

pada 27 September 2011, pengiktirafan 5 Bintang bagi portal rasmi KPWKM di bawah Laporan Penilaian Portal & Laman Web Kerajaan Malaysia 2011 / Malaysia Government Portals and Websites Assesment (MGWPA) 2011 serta Pencapaian "Sangat Melepas Sasaran" (Significantly Exceed Target) bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Sistem HRMIS Tahun 2011.

Akhir kata, saya mewakili KPWKM berharap semua pihak, agensi, sektor awam dan korporat serta masyarakat dapat memainkan peranan yang sewajarnya bagi menyokong program dan aktiviti Kementerian supaya kumpulan sasar dapat dibantu sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.



Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd Nur



... Kementerian sentiasa proaktif memberikan tumpuan dan sokongan kepada peningkatan kemahiran dan pendapatan wanita.

Seulas Pinang

KETUA SETIAUSAHA
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat


Pengurusan Tertinggi

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)

YB. Senator Pn. Heng Seai Kie
Timbalan Menteri



Y. Bhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd Nur
Ketua Setiausaha



Encik Harjeet Singh a/l Hardev Singh
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategi)



Y. Bhg. Dato'Sabariah Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)



En. Fauzi Elham
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

En. Juhari Jani
Ketua Unit Lembaga Kaunselor

En. Ismail Jawahil
Ketua Unit Audit Dalam

En. Khairul Azreem Hj. Mamat
Penasihat Undang-undang



En. Mohd Yusri Mohd Yusoff
Setiausaha Bahagian Kewangan

Pn. Alice Suriati Mazlan
Ketua Unit Komunikasi Korporat

En Hazmi Samsudin
Ketua Unit NKRA

En. Sallih Salimin
Setiausaha Bahagian Pembangunan

(Kosong)
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

En. Harsol Yusoff
Setiausaha SENADA

En. Firdaus Baharuddin
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Cik Zuraidah Amiruddin
Setiausaha Bahagian Dasar

LATAR BELAKANG PENUBUHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

"Pewujudan sebuah Kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini"

- manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat di Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam dokumen Landasan Tindakan bagi memajukan wanita ke tahun 2000.

2001

HAWA
JPW
LPPKN

Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2001. Fungsi Kementerian kemudiannya telah diperluaskan dan ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Transformasi ini juga menempatkan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian. HAWA kemudiannya distruktur semula dan dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Pada 27 Mac 2004 fungsi Kementerian Perpaduan Negara serta Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan dan telah dipindahkan ke KPWK. Selaras dengan perubahan ini, KPWK telah ditukar nama menjadi **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)**.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) kini mempunyai enam (6) buah agensi di bawahnya iaitu :

- Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- Institut Sosial Malaysia (ISM)
- Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW)
- Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

8 kumpulan sasar KPWK



MENJADI PENERAJU UTAMA

untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.



KPWKM

masyarakat
penyayang



pembangunan
keluarga

kesaksamaan
gender



VISI

MISI



MENGINTEGRASIKAN PERSPEKTIF

wanita dan masyarakat yang memerlukan ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkuatkukan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.



PIAGAM PELANGGAN

{ KPWK dengan penuh tekad dan iltizam berjanji untuk melaksanakan semua dasar dan program yang telah ditetapkan melalui agensi di bawah Kementerian ke arah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan iaitu:

1* MEMASTIKAN dasar-dasar dan undang-undang mengenai pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sentiasa relevan, berkualiti dan praktikal untuk dilaksanakan.



2* MENENTUKAN perancangan dan pelaksanaan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat dengan baik dan berkesan serta mengikut jadual yang ditetapkan.



3* MENJALANKAN penyelidikan dan penilaian yang berterusan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas bagi perancangan yang baik dan pelaksanaan yang berkesan



4* MELAKSANAKAN pengurusan yang cekap dan peka kepada isu, kualiti dan produktiviti



5* MEMBUAT penyelaras yang lebih berkesan terhadap semua program Kementerian dan agensi di bawahnya serta penglibatan masyarakat am dan pertubuhan - pertubuhan bukan kerajaan (NGO's)



6* MEMBERI perkhidmatan yang cekap, saksama dan mesra




7* MENERAPKAN budaya ilmu melalui usaha penambahbaikan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran ICT dan lain-lain kemahiran serta mewujudkan etika kerja yang positif dan dinamik di kalangan semua anggota Kementerian dan Jabatan serta agensi di bawahnya.

STRATEGI



Carta Organisasi

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT





Bahagian/Unit KPWKM

- BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)
- BAHAGIAN KEWANGAN
- BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- BAHAGIAN DASAR
- BAHAGIAN DASAR SOSIAL NEGARA
- BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN
- BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
- UNIT AUDIT DALAM
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- UNIT URUSETIA LEMBAGA KAUSELOR
- SEKRETARIAT PEMBELAAN DAN PEMERKASAAN WANITA ISLAM
- UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG



Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Pengenalan

Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan yang luar biasa dalam membasmi kemiskinan sejak pelancaran Rancangan Malaysia pertama pada tahun 1970. Namun, masih terdapat 4% rakyat yang diklasifikasikan sebagai penduduk miskin. Menerusi Program Transformasi Kerajaan, satu daripada teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) adalah mengenalkan keperluan meningkatkan taraf hidup golongan rakyat yang mempunyai isi rumah berpendapatan rendah (low income households).

Sejajar dengan Inisiatif Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah atau NKRA LIH ini, usaha-usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama kementerian dan agensi lain bagi menetapkan beberapa sasaran untuk dicapai pada tahun 2011.

Objektif Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) 2011

Pada tahun 2011, bersandarkan kepada objektif keseluruhan NKRA LIH untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, KPWKM telah berlitzam untuk mencapai beberapa sasaran Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI).

KPWKM memperuntukkan bantuan kepada isi rumah berpendapatan rendah selain memberi mereka pelbagai peluang untuk menambah pendapatan dan meningkatkan produktiviti melalui program 1AZAM. Di samping itu, Kementerian dengan kerjasama jabatan dan agensi melatih usahawan wanita dan memperuntukkan bantuan perumahan. Sasaran Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) yang ditetapkan sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

- Memastikan 57,793 isi rumah miskin yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih menyertai program 1AZAM sebelum 31 Disember 2011
- Melengkapkan pemprosesan 100% daripada 242,945 kes tertunggak eKasih yang didaftarkan sebelum 31 Disember 2010 sebelum Mac 2011 dan kesemua 81,930 kes tertunggak eKasih yang didaftarkan sebelum 31 Mei 2011 pada 31 Disember 2011
- Melatih dan membangunkan 1,000 usahawan wanita sebelum 31 Disember 2011 bagi mencapai sasaran untuk memajukan 4,000 usahawan wanita antara tahun 2010 hingga 2012.
- Menawarkan bantuan perumahan dengan membaik pulih 2,465 rumah terbengkalai dan membina 2,500 Rumah Mesra Rakyat di bawah program Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebelum 31 Disember 2011.

Pencapaian NKRA LIH Bagi Tahun 2011

INISIATIF PERTAMA

PROGRAM 1AZAM

Pada tahun 2011, KPWK menetapkan sasaran untuk memastikan penyertaan 57,793 isi rumah miskin daripada jumlah yang telah berdaftar dalam pangkalan data eKasih di dalam Program "Akhiri Zaman Miskin" atau 1AZAM sebelum 31 Disember 2011. Program 1AZAM berfungsi mengimbangi polariti antara penghuluran bantuan secara terus kepada golongan miskin tegar bagi meningkatkan taraf hidup mereka menerusi peluang ekonomi yang tersedia. Program ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada belenggu kemiskinan melalui pekerjaan, keusahawanan, penglibatan dalam aktiviti pertanian dan perkhidmatan.

Program 1AZAM merangkumi:

- **AZAM Kerja**
membantu memadankan golongan miskin dan miskin tegar dengan peluang pekerjaan yang ada dan menggalakkan mereka mengambil peluang pekerjaan dalam sektor yang kekurangan tenaga rakyat Malaysia seperti pekerja hotel, pengawal keselamatan, dan pelayan

restoran francais. Program ini diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

▪ AZAM Niaga

menggalakkan keusahawanan dan penubuhan perniagaan kecil seperti makanan, masakan dan perniagaan dalam talian menerusi penyediaan latihan dan dana. Projek ini diuruskan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia.

▪ AZAM Khidmat

memberi kemudahan menuhubkan perniagaan perkhidmatan kecil termasuk perniagaan berasaskan inovasi seperti kantin bergerak, pusat mencuci kereta bergerak, pusat penjagaan harian untuk warga tua dan kanak-kanak dan perkhidmatan penjagaan selepas bersalin. Program ini dikendalikan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia.

▪ AZAM Tani

menyediakan dana dan latihan kepada golongan miskin dan miskin tegar yang terabit dalam perniagaan berasaskan pertanian secara kecil-kecilan yang mendatangkan hasil yang cepat, misalnya peternakan ayam itik dan akuakultur. Projek ini dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

INISIATIF KEDUA

VERIFIKASI eKASIH

KPWKM telah menetapkan sasaran memastikan kesemua 242,945 kes berdaftar tertunggak yang belum diverifikasi di bawah program eKasih sebelum 31 Disember 2010 dilakukan pada bulan Mac 2011, dan juga 81,930 kes yang didaftarkan dalam eKasih sebelum 31 Mei 2011 diverifikasi pada akhir tahun 2011 (secara keseluruhan 324,875 kes perlu diselesaikan pada akhir 2011). Menerusi pengemasakinian pangkalan data tersebut, Kementerian berjaya mengumpul maklumat penting bagi membantunya membuat perbezaan kategori terhadap peserta yang berdaftar di dalam sistem eKasih dan seterusnya dapat menawarkan program dan bantuan yang sesuai untuk mereka.

Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 317,359 daripada 324,875 (98%) kes berjaya diverifikasi dengan kerjasama Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

INISIATIF KETIGA

USAHAWAN WANITA

Selaras dengan sasaran untuk melahirkan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012, KPWK dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengorak langkah melatih dan memajukan 1,000 usahawan wanita tambahan daripada isi rumah berpendapatan rendah sepanjang tahun 2011.

Sehingga 31 Disember 2011, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang merupakan salah satu agensi pelaksana di bawah KPWK telah berjaya melatih dan membangunkan 1,100 orang usahawan wanita. Usahawan wanita ditakrifkan sebagai mereka yang memperoleh pendapatan bersih sebanyak RM3,500 sebulan atau lebih selama tiga bulan berturut-turut. Golongan usahawan wanita ini diberi latihan dan peluang-peluang lain

yang membolehkan mereka menceburi bidang-bidang keusahawanan seperti pertanian, perkhidmatan, perikanan, perkilangan, penternakan, dan perniagaan.

Pecahan bidang yang diceburi oleh usahawan wanita :

- Perniagaan (74%)
- Perkhidmatan (14%)
- Perkilangan/Pemprosesan (6%)
- Pertanian (5%)
- Industri Perikanan (1%)

INISIATIF KEEMPAT

PENAWARAN PERUMAHAN

Tahun 2011 menyaksikan KPWK bekerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) membuat usaha susulan untuk menyediakan bantuan perumahan kepada isi rumah berpendapatan rendah. Kementerian menetapkan sasaran untuk membaik pulih sebanyak 2,465 rumah terbengkalai dan membina 2,500 Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB sebelum 31 Disember 2011.

Sebanyak 2,465 unit rumah terbengkalai berjaya dibaik pulih manakala sebanyak 2,400 unit Rumah Mesra Rakyat berjaya dibina oleh SPNB sehingga 31 Disember 2011.



TERNAKAN IKAN TALAPIA OLEH PESERTA AZAM TANI

Jumlah peserta Program 1AZAM bagi tahun 2011

Program	Agensi Pelaksana	Jumlah (KIR)
AZAM Niaga dan AZAM Khidmat KPWK	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	15,241
AZAM Tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	7,590
AZAM Niaga dan AZAM Khidmat	Amanah Ikhtiar Malaysia	12,578
AZAM Kerja	Kementerian Sumber Manusia	4,365
AZAM Sabah	Kerajaan Negeri Sabah	12,067
AZAM Sarawak	Kerajaan Negeri Sarawak	11,306
JUMLAH		63,147

INISIATIF KELIMA

INISIATIF LAIN

Selain Program 1AZAM, inisiatif lain yang dilaksanakan di bawah KPWKW dan Kementerian serta agensi lain sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

- 490 sekolah dan asrama daif seluruh Malaysia dibaiki dan dinaik taraf dengan kerjasama Kementerian Pelajaran
- 35,245 kanak-kanak meraih manfaat daripada Program Bakul Nutrisi (Nutritional Basket) yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan
- 11,879 isi rumah berpendapatan rendah meraih manfaat daripada yuran penyelenggaraan berjumlah RM5 juta yang diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- RM2.32 juta diperuntukkan kepada Majlis AIDS Malaysia untuk membangunkan Anjung Damai, projek rumah perlindungan untuk 354 penghuni di seluruh Malaysia
- 48,509 pasang pakaian seragam sekolah (baju dan kasut) diagihkan kepada pelajar sekolah yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)



PESERTA AZAM NIAGA YANG MELAKUKAN PERNIAGAAN KEDAI MAKAN

Sasaran NKRA Tahun 2012

- i. Memastikan agar 33,600 peserta miskin eKasih baru menyertai program 1AZAM menjelang 31 Disember 2012.
- ii. Memastikan agar 14,837 peserta yang telah menyertai program 1AZAM meningkatkan pendapatan per kapita melebihi paras garis kemiskinan.
- iii. Memastikan agar 7,480 peserta yang telah menyertai program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di bawah KPWKW berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM200 sebulan.
- iv. Memastikan 100% pengemaskinian data secara bulanan di dalam sistem eKasih bagi semua peserta yang berdaftar di bawah program 1AZAM.
- v. Memastikan 1,000 orang usahawan wanita dilatih dan dibangunkan menjelang 31 Disember 2012.
- vi. Meningkatkan pemilikan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah menerusi pembinaan 10,000 Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara menjelang 31 Disember 2012.



JUALAN PULUT PANGGANG OLEH PESERTA AZAM TANI

Kewangan

Pengenalan

Bahagian Kewangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbahagi kepada tiga (3) unit iaitu Unit Belanjawan, Unit Pengurusan Perolehan dan Unit Bayaran dan Perakaunan.

Unit Belanjawan bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau keseluruhan peruntukan mengurus serta prestasi perbelanjaan Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya manakala Unit Pengurusan Perolehan bertindak sebagai penyelaras semua urusan perolehan di Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya berpandukan kepada tatacara kewangan dan kaedah perolehan semasa yang berkuat kuasa.

Semua bayaran bil dan tuntutan diuruskan oleh Unit Bayaran dan Perakaunan dan disempurnakan dalam tempoh 14 hari seperti mana yang digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006. Unit ini juga bertanggungjawab dalam memastikan semua bayaran dan terimaan telah diperakaunkan dan diselenggara dengan teratur. Selain itu, semua penyata penyesuaian bagi terimaan/bayaran/amanah disediakan secara berkala mengikut jenis vot masing-masing.

Fungsi

Perkhidmatan teras yang dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah:

i. PENGURUSAN BELANJAWAN


- Anggaran Belanjawan Tahunan
- Pemeriksaan Belanjawan
- Penilaian Program
- Pengurusan Waran
- Permohonan Peruntukan Tambahan
- Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan
- Laporan - Laporan Kewangan

ii. PENGURUSAN PEROLEHAN

- Perolehan di Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya
- Pengeluaran Pesanan Kerajaan
- Sebut harga, tender dan eBidding
- Pelantikan perkhidmatan perunding
- Perolehan secara rundingan terus
- Pelaksanaan Sistem e-Perolehan
- Permohonan kelulusan Pegawai Pengawal bagi program/aktiviti dan perolehan bekalan/perkhidmatan Kementerian dan Jabatan/Agensi
- Permohonan mengenai perolehan ke Kementerian Kewangan

iii. PENGURUSAN BAYARAN DAN PERAKAUNAN

- Pembayaran
- Terimaan
- Penyata Penyesuaian
- Penyelenggaraan Wang Panjar
- Penyediaan Akaun Pendahuluan Diri
- Pinjaman Kenderaan dan Komputer
- Laporan Audit dan
- Akaun Amanah



Pencapaian Bahagian Kewangan Bagi Tahun 2011

PENGURUSAN BELANJAWAN

Bahagian Kewangan bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau keseluruhan peruntukan mengurus serta prestasi perbelanjaan Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya.


Bagi tahun 2011, KPWK menerima peruntukan sebanyak RM1,810,312,000 bagi Belanja Mengurus KPWK termasuk peruntukan tambahan sebanyak

RM733,750,000 khusus untuk bantuan dan kos operasi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan ini juga merangkumi peruntukan Belanja Mengurus bagi pelaksanaan program dan projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara – *Low Income Household (LIH)* bagi tujuan meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah berjumlah RM84,436,000.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2011 KPWK mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM1,806,723,952 atau 99.8% daripada jumlah keseluruhan peruntukan iaitu RM1,810,312,000. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan di KPWK dan Jabatan/Agensi di bawahnya adalah seperti di Graf 1:

Graf 1: Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan KPWK Bagi Tahun 2011



Selaras dengan inisiatif Kerajaan dalam memastikan peruntukan yang diagihkan dimanfaatkan sepenuhnya, pengurusan tertinggi KPWK komited dalam memastikan *outcome* dan program disusun, dirancang dan dijana sejajar dengan program yang dilaksanakan di peringkat nasional.

PENGURUSAN PEROLEHAN

Bahagian Kewangan bertindak sebagai penyelaras semua urusan perolehan di Kementerian dan Jabatan /Agensi di bawahnya berpandukan kepada tatacara kewangan dan kaedah perolehan semasa yang berkuatkuasa. Sebanyak 20 perolehan menerusi sebutharga dan 4 perolehan melalui tender telah diproses pada tahun 2011.

Perolehan secara *eBidding* merupakan satu modul tambahan di bawah Sistem ePerolehan yang memberi pilihan kepada Kementerian untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang eP *enabled*. Sehubungan itu, sebanyak 3 perolehan *eBidding* telah dilaksanakan pada tahun 2011.

Selaras dengan inisiatif baru dalam perolehan Kerajaan, KPWK telah memproses penyediaan Pesanan Kerajaan secara elektronik sebanyak 1216 Pesanan Tempatan Kerajaan telah diproses melalui sistem ePerolehan pada tahun 2011. Manakala sebanyak 24 Pesanan Kerajaan lagi telah diproses melalui Sistem eSPKB.

Selaras dengan langkah Kementerian Kewangan membangunkan *Government Procurement Information System (GPIS)* bagi meningkatkan kecekapan pengumpulan dan pengurusan maklumat perolehan, semua maklumat perolehan Kementerian bagi tahun 2011 telah dimasukkan ke dalam Sistem


GPIS meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan/projek sehingga perolehan/projek selesai.

PENGURUSAN BAYARAN DAN PERAKAUNAN

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab bagi memastikan semua bayaran bil dan tuntutan disempurnakan dalam tempoh 14 hari seperti mana yang digariskan dalam Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006. Pada tahun 2011, semua bayaran dan terimaan telah diperakaunkan dan diselenggara dengan teratur. Semua penyata penyesuaian bagi terimaan/bayaran/amanah telah dibuat secara berkala mengikut jenis vot masing-masing.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun KPWK Suku Ketiga Tahun 2011 Bil. 4 2011 pada 11 November 2011, Ketua Setiausaha KPWK telah memutuskan supaya pembayaran bil dibuat dalam tempoh 7 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima. Secara keseluruhan, prestasi pembayaran bil Kementerian pada tahun 2011 bagi tempoh tujuh (7) hari adalah 96.49% dengan bil sebanyak 5,712 bil. Manakala prestasi bil bagi tempoh 14 hari adalah 99.97% dengan bil sebanyak 5,918. Pecahan pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari dan 14 hari bagi tahun 2011 adalah seperti di Graf 2:

Graf 2: Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan KPWK Bagi Tahun 2011



Program Latihan Pengurusan Kewangan

Sejajar dengan matlamat Kerajaan, beberapa program latihan pengurusan kewangan telah dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan aspek pengurusan kewangan dan kualiti perkhidmatan KPWK. Latihan dan pendedahan mengenai pengurusan kewangan kepada pegawai dan kakitangan di KPWK dan Jabatan/Agensi di bawahnya dapat mempertingkatkan kesedaran mereka mengenai akauntabiliti pengurusan kewangan serta prosedur kewangan Kerajaan. Bahagian Kewangan bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau keseluruhan peruntukan mengurus serta prestasi perbelanjaan Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya.

Program latihan pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Penganjuran Program Latihan Pengurusan Kewangan Tahun 2011

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
1	Bengkel Khas Pembangunan Arkitektur Program-Aktiviti (PAA) Outcome Based Budgeting (OBB)	22 - 24 Februari 2011
2	Taklimat Pengurusan Pusat Tanggungjawab (PTJ)-Siri 1	19 - 21 April 2011
3	Taklimat Pengurusan Pusat Tanggungjawab (PTJ)-Siri 2	23 - 26 Mei 2011
4	Kursus Pengurusan Bayaran Mengikut Keperluan eSPKB dan Audit - Siri 1	27 - 29 Mei 2011
5	Taklimat Pengurusan Pusat Tanggungjawab (PTJ)-Siri 3	30 Mei - 1 Jun 2011
6	Bengkel BITK	3 - 5 Jun 2011
7	Bengkel Bagi Menghasilkan kerangka Keberhasilan Program Arkitektur Aktiviti (PAA) Berdasarkan OBB Siri 1 (Kementerian dan Jabatan)	12 - 15 September 2011
8	Bengkel Bagi Menghasilkan kerangka Keberhasilan Program Arkitektur Aktiviti (PAA) Berdasarkan OBB Siri 1 (Jabatan dan Agensi)	19 - 22 September 2011
9	Bengkel Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding Bagi Perolehan Kerajaan	10 - 11 Oktober 2011

Bil.	Laporan	Kekerapan
1	Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	4
2	Laporan Harta Modal dan Perjalanan Ke Luar Negara	4
3	Laporan Unjuran Perbelanjaan Suku Tahun Kepada Perbendaharaan	4
4	Laporan Data Sumbangan/Langganan Kepada Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa dan Perbelanjaan Di Luar Negeri	4
5	Laporan Prestasi Perbelanjaan Bulanan Kementerian	12
6	Laporan Penyata Penyesuaian Bulanan Kementerian	12
7	Laporan Kedudukan Harian Prosesan Bil-Bil Kementerian/Jabatan/Agensi	24
8	Maklum Balas ke atas Laporan/Teguran/Naziran Audit Dalam, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Audit Negara	14
9	Laporan Bulanan Pelaksanaan Perolehan secara eBidding kepada Jabatan Perdana Menteri	12
10	Laporan Bulanan Integrity Pact kepada Kementerian Kewangan	12

Anugerah Dan Pengiktirafan

Bahagian Kewangan telah meningkatkan imej KPWK menerusi pencapaian empat (4) bintang bagi Indeks Akauntabiliti tahun 2010 di mana KPWK mendapat tempat ketiga dengan markah sebanyak 95.2%.

Laporan-Laporan Kewangan

Laporan kewangan dilakukan bagi memastikan pengurusan kewangan KPWK dilaksanakan mengikut sasaran kerja yang telah dirancang. Laporan-laporan kewangan bagi KPWK dan Jabatan/Agensi di bawahnya bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 2:

Pengurusan Sumber Manusia

Pengenalan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bertanggungjawab menguruskan aktiviti sumber manusia bagi 8,148 personel di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Jabatan/Agensi sepanjang tahun 2011. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan adalah urusan pengambilan, pengesahan jawatan, pertukaran, urusan persaraan, kenaikan pangkat, latihan, tatatertib, penstrukturran dan pengiktirafan serta kaunseling.

Visi

Untuk menjadi organisasi terbaik dalam pembangunan sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai objektif organisasi.

Misi

Untuk memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif organisasi.



Objektif

Untuk menghasilkan anggota kerja yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti melalui perancangan pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan ke arah mencapai objektif organisasi

Pencapaian Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Selaras dengan Arahan Pembekuan Jawatan di dalam Sektor Awam, hanya enam (6) perjawatan baru telah diwujudkan iaitu lima (5) di Rumah Perlindungan Jalan Dewan Bahasa, Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian dan satu (1) pemandu di Pejabat Ketua Setiausaha, KPWKM. Selain itu, gred jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) juga dinaik taraf dari Gred Utama C ke Gred Utama B.

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan dan Pengisian Sehingga 31 Disember 2011

Perjawatan	KPWKM	JPW	ISM	NIEW	JKMM	LPPKN	Jumlah
Anggota Pentadbiran	3	0	0	0	0	0	3
Pengurusan Tertinggi	4	1	0	0	3	1	9
Pengurusan & Profesional	125	52	28	13	540	185	943
Sokongan 1	133	99	41	16	4230	791	5310
Sokongan 2	38	54	34	4	1565	191	1886
Jumlah Perjawatan	303	206	103	33	6338	1168	8151
Jumlah Pengisian	273	187	100	30	6020	1000	7610
Jumlah Kekosongan	30	19	5	3	318	168	543

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010 DAN JASAMU DIKENANG 2011

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan salah satu usaha menginstitusikan budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam demi mencapai usaha Kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik secara konsisten. KPWKM turut mengambil inisiatif untuk

memberi pengiktirafan terhadap jasa dan perkhidmatan cemerlang para pegawainya. Pada tahun 2011, seramai 593 orang warga KPWKM telah diraikan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan pada 19 Julai 2011 bertempat di Hotel Renaissance Kuala Lumpur.

PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri merupakan mekanisme pengiktirafan terhadap sumbangan dan jasa penjawat awam kepada negara dan perkhidmatan awam khususnya. Pada tahun 2011, Ketua Setiausaha KPWKM telah memperakarkan sebilangan pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi dan memberi sumbangan bermakna untuk dicalonkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri.

Pencalonan pada kali ini turut bergantung kepada tawaran daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri.

Pencalonan pegawai-pegawai Kementerian untuk penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Negeri	Tarikh Keputeraan	Tarikh Mesyuarat Percalonan	Bilangan Pencalonan
1	Kedah	16.01.2011	24.09.2010	12 orang
2	W.P. Kuala Lumpur	01.02.2011	24.09.2010	23 orang
3	Kelantan	30 & 31.03.2011	10.03.2011	10 orang
4	Perak	19.04.2011	05.01.2011	12 orang
5	Perlis	17.05.2011	26.01.2011	2 orang
6	Persekutuan	04.06.2011	25.11.2010	23 orang
7	Pulau Pinang	09.07.2011	21.02.2011	10 orang
8	Terengganu	20.07.2011	21.02.2011	12 orang
9	Melaka	08.10.2011	20.06.2011	6 orang
10	Pahang	24.10.2011	24.05.2011	13 orang
11	Selangor	11.12.2011	02.08.2011	13 orang

PELAN OPERASI LATIHAN (POL) 2011

Strategi pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan agar setiap Kementerian menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan. Justeru itu, bagi Tahun 2011, sebanyak RM 1,894,380.00 diperuntukkan untuk program latihan umum (generic) dan khusus (functional) termasuk RM 140,000.00 diperuntukkan untuk Program Latihan Luar anjuran Swasta, Badan Berkunun atau Jabatan Kerajaan lain.

Pada tahun 2011, sebanyak RM1,332,007.83 atau 70.31% daripada RM1,894,380.00 telah dibelanjakan untuk menganjurkan program-program yang telah diluluskan dalam Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2011. Perbelanjaan ini merangkumi perbelanjaan peruntukan di bawah BPSM, Bahagian Kewangan dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Pada tahun berikut, BPSM berjaya membuat penjimatan perbelanjaan sebanyak RM562,372.17 atau 29.69%.

Jadual 2: Perbelanjaan Pelan Operasi Latihan (POL) tahun 2011

Bil.	Bahagian	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan	
			RM	%
1	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1,528,900.00	1,039,552.83	67.99
2	Bahagian Kewangan	233,230.00	204,455.00	89.66
3	Bahagian Khidmat Pengurusan	132,250.00	88,000.00	66.54
JUMLAH		1,894,380.00	1,332,007.83	70.31

Dalam perancangan POL tahun 2011, sebanyak 100 kursus telah dirancang oleh BPSM, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Pembangunan, Bahagian Kewangan serta Bahagian Khidmat Pengurusan dan sebanyak 84 kursus telah berjaya dilaksanakan. BPSM juga telah melaksanakan sejumlah empat (4) siri Kursus Induksi Modul Umum yang melibatkan seramai 173 peserta.

PROGRAM LATIHAN JANGKA PENDEK ANJURAN JABATAN/AGENSI LUAR

Selain daripada kursus yang dirancang dalam POL tahun 2011, BPSM telah memperkenalkan program menggalakkan anggota mengikuti Program Latihan Jangka Pendek anjuran Jabatan/ Agenzi Luar dengan peruntukan sebanyak RM140,000.00. Seramai 185 orang warga Kementerian telah berpeluang mengikuti 157 kursus yang ditawarkan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM88,989.00 (63.56%). Jadual 3 memperincikan pecahan penawaran kursus mengikut Jabatan/ Agenzi Luar berbanding bilangan permohonan serta bilangan permohonan yang berjaya:

Jadual 3: Pecahan Tawaran Kursus Jangka Pendek anjuran Jabatan/Agenzi Luar

Jabatan/Agenzi	Bil. Penawaran	Bil. Permohonan	Bil. Permohonan Berjaya
ISM	10	27	12
NIEW	5	18	18
LPKKN	4	18	18
JPA	3	6	6
INTAN	35	5	5
FRIM	2	32	32
Inst. Lain	12	21	8
Jabatan/Agenzi Lain	31	34	33
Swasta	55	59	53
JUMLAH	157	220	185

Bagi meningkatkan lagi pembangunan sumber manusia, BPSM turut menggalakkan anggota KPWK dan Jabatan/Agensi di bawahnya untuk menyertai Program Latihan Jangka Pendek Luar Negara.

Jadual 4: Pecahan Tawaran Kursus Pendek Luar Negara

Agensi	Bil. Penawaran	Bil. Permohonan	Bil. Permohonan Berjaya
JICA	5	23	3
COTI	4	22	1
Korea Selatan	1	1	1
NIEW	1	3	3
EPU	1	1	1
Selain JPA	5	16	8
ILA	1	7	2
Republik Jerman	1	2	2
JUMLAH	19	75	21

HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)

KPWKM sentiasa menggalakkan anggotanya meningkatkan taraf pendidikan dengan memberi peluang mengikuti Program Latihan Panjang menerusi kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pecahan permohonan HLP adalah seperti di Jadual 5 dan Jadual 6 di bawah:

Jadual 5: Permohonan HLP Peringkat Sarjana dan Ph.D

HLP	Kumpulan Perkhidmatan	Sarjana		PhD	
		Mohon	Berjaya	Mohon	Berjaya
Melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Ph.D	Pegawai Gunasama	9	2	0	0
	Pegawai Bukan Gunasama	6	6	1	1
JUMLAH		15	8	1	1

Jadual 6: Permohonan HLP Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana

HLP	Kumpulan Perkhidmatan	Mohon	Dikemukakan ke JPA
Separa Biasiswa Sesi 2011/2012 untuk Pegawai Pengurusan dan Profesional	Pegawai Gunasama	2	2
	Pegawai Bukan Gunasama	1	1
Kemudahan Pinjaman Boleh Ubah Sesi 2011/2012 untuk Pegawai Kumpulan Pelaksana	Pegawai Gunasama	8	8
	Pegawai Bukan Gunasama	3	3
JUMLAH		13	13

PENCAPAIAN KEHADIRAN LATIHAN TAHUN 2011

Selaras dengan Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, semua anggota perlu memenuhi keperluan menghadiri program latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Sehubungan itu, usaha ke arah pencapaian tersebut giat dilakukan sepanjang tahun 2011. Pada tahun 2011, peratusan pencapaian kehadiran program latihan bagi anggota Kementerian yang menghadiri tujuh (7) hari atau lebih kursus adalah sebanyak 98.51%.


PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS) SEBAGAI PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KPWK TAHUN 2011

Pada tahun 2011, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan sejumlah lima (5) kriteria yang dinilai bagi menentukan markah KPI HRMIS 2011 bagi KPWKM. Kriteria yang ditetapkan beserta sumbangan markah adalah seperti di Jadual 7, manakala prestasi pencapaian KPI HRMIS 2011 sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti di Carta 1.

Jadual 7: Kriteria Penilaian KPI HRMIS 2011

Bil.	Kriteria	Sumbangan Markah
1	Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pelaksanaan peringkat Kementerian	10
2	Pengemaskinian Maklumat Profil Perkhidmatan & Rekod Peribadi	20
3	Pengemaskinian Maklumat Perjawatan Kementerian berbanding dengan Sistem MyPost	30
4	Pengemaskinian Maklumat Perisyntiharhan Harta	20
5	Pelaksanaan Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) (berakhir 31 Mac 2012)	20

Carta 1: Prestasi Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2011



Secara keseluruhannya, sejumlah sembilan (9) sesi taklimat, latihan dan bengkel telah berjaya dilaksanakan bagi menyokong pelaksanaan HRMIS sepanjang tahun 2011. Satu (1) Sesi Dialog telah julung kali diadakan bersama wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat negeri bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan isu dan masalah yang diahadapi bagi melaksanakan HRMIS di peringkat negeri. Sejumlah sembilan (9) sesi *task force* juga telah dilaksanakan bagi memantapkan pelaksanaan Submodul Perisyiharan Harta serta memurnikan maklumat perjawatan KPWK di dalam HRMIS.

Pada tahun 2011, Fungsi Permohonan Pertukaran bagi Pegawai Gunasama melalui Modul Perolehan Sumber Manusia telah berkuat kuasa pada 20 Oktober 2011 melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011.

Perkhidmatan Kaunseling

Kementerian melalui BPSM menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada semua warga Kementerian dan agensi di bawahnya. Maklumat perkhidmatan kaunseling boleh diperolehi melalui laman web Program Pengupayaan Kendiri (www.kpwkm.gov.my/ppk). Dengan melayari laman web ini, warga Kementerian dapat memperolehi maklumat berkenaan perkhidmatan kaunseling serta memilih Pegawai Psikologi untuk menjalankan sesi kaunseling. Pada tahun 2011, sejumlah 12 sesi kaunseling individu telah diadakan.

Pengurusan Pegawai Berprestasi Rendah dan Bermasalah (Program Pemulihan)

Kementerian sentiasa berusaha untuk mengekalkan fungsi dan kesejahteraan pegawai - pegawai serta kakitangan yang berkhidmat di Kementerian dan agensi di bawahnya. Oleh yang demikian, Garis Panduan Pegawai Berprestasi Rendah dan Bermasalah (PBRM) telah diberikan kepada Pengurus Sumber Manusia atau Ketua Jabatan dan Pegawai Psikologi dalam menguruskan pegawai berprestasi rendah (LNPT 70% ke bawah), pegawai bermasalah, aduan atau tindakan tatatertib.

Sebagai langkah pemulihan pula, sejumlah tiga Kursus Aspirasi Kasih telah dilaksanakan. Program ini merangkumi 126 peserta dari Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Timur.

Program Pembangunan Modal Insan (Program Pembangunan dan Pencegahan)

Program Pembangunan dan Pencegahan adalah program latihan yang dirancang secara sistematis berasaskan pendekatan psikologi bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian yang tidak dikategorikan di dalam PBRM. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam mengurus fizikal, mental dan spiritual serta membentuk sikap positif peserta dalam menghadapi tugas harian dan perhubungan interpersonal, intrapersonal secara khususnya.

Pada tahun 2011, sebanyak lima program telah dilaksanakan yang melibatkan 230 peserta yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari Gred 1 hingga Gred 52 seperti di Jadual 8.

Jadual 8: Program Pembangunan dan Pencegahan 2011

Bil.	Program	Tarikh
1	Bengkel Psikologi Klien	17 – 20 April 2011
2	Bengkel Akreditasi e-Psikologi	23 -27 Mei 2011
3	Retreat Psikologi KPWK	11- 13 September 2011
4	Kursus Spiritual Emotion Freedom Technique for Total Solution	20 -22 Oktober 2011
5	Kursus Pengukuhan Kendiri Siri 1	21 – 23 November 2011 (Zon Tengah)

Ujian Psikologi

Pada tahun 2011, seramai 42 warga Kementerian telah mengambil ujian psikologi yang melibatkan ujian The Keirsey Temperament Sorter. Hasil ujian tersebut digunakan untuk menganalisa personaliti responden yang terlibat malah turut berjaya membantu BPSM dalam meningkatkan potensi pekerja dalam organisasi dan memahami tingkahlaku mereka secara amnya.

Pementoran

Program pementoran dilaksanakan sebagai salah satu langkah mewujudkan persekitaran yang menggalakkan perkongsian ilmu terutama *tacit knowledge*. Pada tahun ini, Kementerian telah melantik seramai enam mentor dan enam menti untuk menjalankan proses pementoran selama enam bulan daripada Mei hingga November 2011.

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Pada tahun 2011, Kementerian dan agensi dibawahnya telah mentauliahkan 21 orang ahli baru AKRAB. Dengan pertambahan ini, KPWK kini mempunyai 53 orang ahli AKRAB. Sepanjang tahun 2011, AKRAB telah menjalankan aktiviti yang berkonsepkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban, keharmonian dan saling menghormati antara satu sama lain. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah memperkenalkan pegawai/kakitangan baru kepada setiap Bahagian/Unit, hebaan mutiara kata kepada warga Kementerian pada setiap hari Khamis, Program Pengupayaan Kendiri, penghebahan maklumat terkini melalui "Facebook" AKRAB, dan menyertai Retreat Psikologi KPWK 2011.

Khidmat Pengurusan

Pengenalan

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan penggerak utama kepada jentera pentadbiran KPWK melalui penyediaan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dalam membantu mencapai visi dan misi Kementerian. Bahagian Khidmat Pengurusan telah dibahagikan kepada 4 unit seperti berikut:

- (i) Unit Inovasi, Penyelaras dan Keurusetiaan
- (ii) Unit Logistik, Pentadbiran dan Keselamatan
- (iii) Unit Pengurusan Aset dan
- (iv) Unit Pusat Sumber

Visi

Memberi kemudahan perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran am yang berkualiti dan profesional bagi menyokong perkhidmatan teras Kementerian ke arah organisasi yang cemerlang.

Misi

Memberikan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang cekap dan berkesan kepada pelanggan dalaman dan luaran Kementerian.



RETREAT PSIKOLOGI KPWK 2011

Objektif

Memastikan perkhidmatan sokongan yang disediakan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan.

Fungsi Bahagian Pengurusan KPWK

Bahagian ini mengurus dan mentadbir hal ehwal pejabat termasuk urusan surat-menyurat, penyediaan kemudahan kenderaan Jabatan, tempahan bilik mesyuarat dan penyediaan makanan serta pengurusan fail dan rekod. Selain itu ia turut mengurus pembelian, kawalan, penyelenggaraan serta pelupusan aset dan inventori pejabat.

Pencapaian Bahagian Khidmat Pengurusan Bagi Tahun 2011

Pencapaian Bahagian Unit Inovasi, Penyelarasan Dan Keurusetiaan Ini Meliputi Tiga Sub-Unit Iaitu Sub-Unit Inovasi, Penyelarasan Dan Keurusetiaan.

SUB-UNIT INOVASI

- i. Sayembara Inovasi KPWK 2011 dianjurkan pada 9 November 2011 di Institut Sosial Malaysia (ISM). Program ini merupakan salah satu wadah kepada warga KPWK untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembudayaan inovasi dan kualiti KPWK.
- ii. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Anugerah Inovasi KPWK tahun 2011 telah diungguli oleh Kumpulan Sepeten dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan hasil inovasi Tomeker 1.3.
- iii. Pertandingan Penulisan Kreatif KPWK 2011 diadakan buat julung-julung kalinya pada tahun ini dan dilaksanakan sepanjang bulan Oktober-November 2011.
- iv. Kursus dan bengkel yang dikendalikan oleh Unit Inovasi pada 8-10 Mac, 3-5 Jun dan 28-30 Julai 2011. Bengkel Juruaudit Bengkel Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 1-2 April 2011. Bengkel Latihan Fasilitator dan Juru Audit Dalam 5S telah diadakan pada 21 April 2011.
- v. Mengkalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 Skop Penggubalan Dasar dan Perkhidmatan Sokongan Berkaitan KPWK Bagi Tahun Kedua.
- vi. Taklimat Kesedaran MS ISO KPWK telah diadakan pada 4 April 2011.
- vii. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) KPWK telah diadakan pada 12 Julai 2011 dan 2 Disember 2011.

viii. Lawatan Audit Dalam MS ISO KPWK 2011 yang diketuai oleh Ketua Pasukan Audit Dalam MS ISO KPWK, telah dilaksanakan pada 6 - 17 Jun 2011 dan 14-25 November 2011.

ix. Audit Pemantauan SIRIM 2010 telah diadakan pada 12 Disember 2011.


SUB-UNIT PENYELARASAN MAJLIS-MAJLIS RASMI

- i. Sambutan Ulang Tahun Ke-10 KPWK pada 17 Januari 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
- ii. Mesyuarat Pegawai Kanan KPWK pada 21 dan 22 Januari 2011 di Hotel Marriot, Putrajaya
- iii. Sambutan Maulidur Rasul KPWK pada 18 Februari 2011 di perkarangan Kompleks Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur
- iv. Mesyuarat Perancangan Strategik KPWK pada 23 Mei 2011 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur
- v. Majlis Apresiasi dan Penghargaan pada 23 Mei 2011 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur
- vi. Program Rahmat Ramadan pada 16 Ogos 2011 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- vii. Program Ihya' Ramadan pada 23 Ogos 2011 di Dewan Nur, KPWK
- viii. Sambutan Hari Raya KPWK pada 26 September 2011 di Restoran Seri Melayu, Kuala Lumpur.

SUB-UNIT KEURUSETIAAN PARLIMEN

Sepanjang 2011, KPWK telah menerima 265 pertanyaan berkaitan kumpulan-kumpulan sasar Kementerian serta inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi membantu kebajikan negara. Daripada jumlah 265 pertanyaan, sebanyak 206 merupakan pertanyaan lisan manakala 56 pertanyaan adalah bukan lisan. Berikut merupakan perbezaan pertanyaan yang diterima oleh KPWK pada setiap mesyuarat sepanjang 2011 mengikut pecahan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi pertanyaan lisan dan bukan lisan.

Pecahan Pertanyaan Parlimen KPWK Mengikut Mesyuarat Pada Tahun 2011



UNIT LOGistik, PENTADBIRAN DAN KESELAMATAN BAGI TAHUN 2012

Perpindahan Ke Bangunan Baru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

KPWK telah beroperasi secara rasmi di bangunan baru yang terletak di No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya pada 2 Januari 2012. Bangunan baru ini mempunyai 38 tingkat

setinggi 176 meter, berkeluasan 4693.8 meter persegi dan menempatkan lebih 700 orang pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Pembangunan Wanita dan Yayasan Kebajikan Negara. Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan di bangunan ini ialah 475 ruang letak kereta, Dewan Perdana Nur, Auditorium, TASKA, Kafeteria, Surau, Perpustakaan, Klinik Nur Sejahtera dan Gimnasium

UNIT PENGURUSAN ASET BAGI TAHUN 2011

Jumlah pembelian harta modal KPWKW pada tahun 2011 adalah sebanyak 9 item bernilai RM615,632.28 manakala bilangan inventori adalah sebanyak 72 item bernilai RM34,683.10

UNIT PUSAT SUMBER BAGI TAHUN 2011

- Sesi Pendidikan Pengguna telah diadakan pada 24 Januari 2011 bertempat di Dewan Nur, KPWKW. Seramai 16 orang kakitangan KPWKW dan agensi di bawahnya telah menyertai program ini. Pengisian program ini adalah penerangan tentang perkhidmatan, koleksi dan kemudahan pusat sumber kepada kakitangan.
- Hari Buku Sedunia telah diadakan pada 18 Mei 2011 bertempat di Dataran Taska, KPWKW yang bertemakan "Jom Kembalikan Budaya Membaca". Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Dr Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua

Setiausaha KPWKW. Pengisian program ini ialah pertandingan bercerita, pertandingan membaca, pameran dan jualan buku, bercerita bersama Wardina Saffiya dan Ustaz Zamri serta persembahan puppet show.

- Sehari Bersama Pusat Sumber dan Bicara Buku Bersama Novelis telah diadakan pada 23 November 2011 bertempat di Pusat Sumber, KPWKW. Pengisian program ini adalah beramah mesra dengan kakitangan pusat sumber KPWKW, pameran dan jualan buku dari PTS Publishing, pameran dan jualan novel dan komik dari Creative Enterprise Sdn. Bhd dan sesi melakar potret kartun bersama kartunis Majalah Gila-Gila. Kemuncak program ini adalah Bicara Buku Bersama Novelis dari PTS Publishing di mana dua novelis Bahruddin Bekri dan Zahiruddin Zabidi membicarkan karya masing-masing.



SAMBUTAN HARI BUKU SEDUNIA 2011

Dasar

Pengenalan

Bahagian Dasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKW) terbahagi kepada 2 cawangan iaitu Cawangan Dasar Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Cawangan Dasar Pembangunan Masyarakat. Cawangan Dasar Pembangunan Wanita dan Keluarga bertanggungjawab ke atas isu-isu berkaitan wanita dan keluarga. Manakala Cawangan Pembangunan Masyarakat pula bertanggungjawab ke atas isu-isu berkaitan pembangunan masyarakat seperti kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, orang papa dan hal-hal berkaitan kebijakan masyarakat.

Fungsi

Fungsi Bahagian Dasar KPWKW antara lain adalah untuk merancang, menggubal, memantau dasar dan pelan tindakan serta merangka strategi dan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat bagi memastikan perspektif gender, keluarga dan masyarakat diintegrasikan dalam dasar dan program pembangunan negara. Selain itu, Bahagian Dasar KPWKW juga mengkaji undang-undang dan peraturan sedia ada serta menggubal undang-undang baru, sekiranya diperlukan, bagi memastikan kebijakan dan kepentingan kumpulan sasar KPWKW dilindungi dan terpelihara.



Pencapaian Bahagian Dasar Bagi Tahun 2011

DASAR SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM SEKTOR KORPORAT

Kerajaan telah meluluskan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada 24 Jun 2011. Dasar ini berhasrat untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan bagi membolehkan mereka meningkatkan sumbangan dalam bidang ekonomi. Justeru, matlamat Dasar ini adalah untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan yang merangkumi peringkat pengurusan atasan dan Lembaga Pengarah dalam syarikat korporat.

PELANTIKAN SEORANG LAGI HAKIM SYARIE WANITA

Kesedaran terhadap pentingnya wanita memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan semakin meningkat. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Melaka telah melantik seorang wanita sebagai Hakim Mahkamah Syariah pada bulan Mac 2011.

JAWATANKUASA KHAS BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM SEKTOR AWAM

Jawatankuasa Khas Bagi Meningkatkan Penyertaan Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Awam telah ditubuhkan dan mesyuarat pertama yang dipengerusikan oleh Menteri KPWK telah diadakan pada 18 Oktober 2011. Jawatankuasa Khas ini adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Penyertaan Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan yang diumumkan pada tahun 2004. Pertubuhan Jawatankuasa Khas ini adalah untuk melaksanakan program kesedaran gender dalam sektor awam berkaitan dengan pengambilan, pembangunan kerjaya dan perancangan penggantian.

DASAR DAN PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA

Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang baru telah digubal dan diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011.

Matlamat DWEN adalah untuk mendaayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat bagi menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang memboleh dan membantu warga emas menjalani hidup yang sejahtera. Pelaksanaan DWEN dan PTWEN melibatkan peranan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta dan anggota masyarakat di peringkat nasional sehingga ke peringkat akar umbi.

PELAN TINDAKAN BAGI MENANGANI ISU PEMBUANGAN BAYI

KPWKM dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan telah menghasilkan Pelan Tindakan Bagi Menangani Isu Pembuangan Bayi. Pelan Tindakan ini merangkumi 4 aspek iaitu:

- **Advokasi** – menekankan kepada kesedaran dan juga penyampaian mesej yang berkesan kepada kakak-kanak, remaja, ibu bapa dan masyarakat mengenai isu pembuangan bayi;
- **Pencegahan** – mengurangkan pendedahan kanak-kanak dan remaja kepada pengaruh negatif;
- **Intervensi** – pelaksanaan program bagi individu yang terlibat secara langsung dengan remaja, pelajar atau individu bermasalah; dan
- **Pemulihan** – pembangunan sahsiah individu dan kemahiran individu yang terlibat dengan masalah sosial serta ahli keluarga mereka.

PINDAAN AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga telah diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2011. Pindaan Akta ini bertujuan meningkatkan tahap perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga. Antara lain, pindaan Akta ini meluaskan takrifan keganasan rumah tangga bagi meliputi kecederaan emosi, penderaan mental dan psikologi, membolehkan tuntutan pampasan bagi penderaan psikologi dan kecederaan emosi serta memudahkan permohonan perintah perlindungan. Selain itu, dengan pindaan yang dibuat, kini keganasan rumah tangga adalah merupakan kesalahan boleh tangkap.

KESERTAAN TERHADAP PROTOKOL-PROTOKOL PILIHAN KEPADA KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)

Kerajaan telah bersetuju pada 7 September 2011 supaya Malaysia menyertai kedua-dua Protokol Pilihan kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) iaitu:

- *Optional Protocol to the Convention on the Rights of the Child on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography; and*
- *Optional Protocol to the Convention on the Rights of the Child on the Involvement of Children in Armed Conflict.*

Kedua-dua Protokol Pilihan ini dapat dijadikan panduan oleh pelbagai pihak dalam usaha mempertingkatkan perlindungan bagi kanak-kanak di negara ini daripada menjadi mangsa pemerdagangan, eksloitasi seksual, pelacuran dan terlibat dalam konflik bersenjata.

SISTEM AMARAN AWAL KEHILANGAN KANAK-KANAK (NUR ALERT)

Sistem Amaran Awal Kehilangan Kanak-Kanak (NUR Alert) telah diwujudkan pada bulan Januari 2011. Sistem ini adalah merupakan kerjasama bersepada antara agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, pihak swasta (seperti bank perniagaan, syarikat telekomunikasi dan kompleks

membeli belah) dan pertubuhan bukan Kerajaan untuk menyebarkan maklumat berhubung kanak-kanak hilang kepada umum dalam masa yang singkat.

Pelaksanaan sistem NUR Alert ini diselaraskan oleh satu pasukan petugas yang diketuai oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Manakala KPWK bertindak selaku timbalan ketua.

SIDANG KEMUNCAK WANITA 2011

Sidang Kemuncak Wanita 2011 yang bertemakan *Milestones to Success: Empowerment.Innovation.Passion* telah diadakan pada 25 Julai 2011 di Pusat Persidangan Sime Darby, Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Seramai 1,400 orang peserta menghadiri Sidang Kemuncak Wanita 2011 ini. Mereka terdiri daripada wanita profesional dalam sektor awam dan korporat, pertubuhan bukan Kerajaan, ahli akademik dan individu. Sidang Kemuncak Wanita 2011 telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Sidang Kemuncak kali ini juga telah mengadakan sesi debat dengan tajuk *Women Makes Better Bosses* dan 3 tajuk utama dipilih bagi perbincangan panel iaitu *Empowerment for Global Transformation; Innovation for Entrepreneurial Success* dan *Passion for Excellence in the Corporate World*. Sebanyak 4 makmal pembelajaran turut diadakan dengan tajuk-tajuk seperti berikut: *Building Health to Create Wealth, 90 Minute Money Workout, Work Anywhere, Anyplace* dan *Show Me Where the Green Money Is*. Melalui makmal pembelajaran, para peserta berpeluang berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dengan fasilitator dan peserta lain yang mempunyai pelbagai latar belakang.

SEMINAR CHILD ONLINE PROTECTION

Seminar *Child Online Protection* telah diadakan pada 11 Oktober 2011 di Hotel Renaissance Kuala Lumpur dan melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan dari kalangan agensi Kerajaan, swasta, ahli akademik, ibu bapa dan pertubuhan bukan Kerajaan, termasuk pertubuhan-pertubuhan agama. Seminar

ini bertujuan meningkatkan kesedaran umum mengenai cabaran dunia siber terhadap kanak-kanak dan mengenal pasti langkah-langkah mengatasinya. Seramai 300 orang peserta, termasuk kanak-kanak menghadiri seminar ini.

Seminar ini dianjurkan oleh KPWK dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Polis Diraja Malaysia, CyberSecurity Malaysia, DiGi Telecommunications (DiGi), UNICEF, NGT Solution Sdn. Bhd., Childline Malaysia (Childline 15999) serta Persatuan Kebajikan Generasi Gemilang (Generasi Gemilang).

SEMINAR KELUARGA KOMUTER

Seminar Keluarga Komuter telah diadakan pada 20 Oktober 2011 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Objektif seminar ini adalah untuk mengenal pasti langkah-langkah bagi membantu keluarga komuter dan memperakurkan cadangan ke arah pengwujudan rangka kerja dasar dan program yang bersesuaian bagi mengatasi cabaran keluarga komuter. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 340 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan, ahli akademik dan individu termasuk individu daripada keluarga komuter.

SEMINAR AKSESIBILITI OKU KEPADA BANGUNAN DAN KEMUDAHAN AWAM

Seminar ini telah diadakan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 24 dan 25 November 2011 bertempat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para peserta khususnya dalam kalangan PBT, badan profesional dan penyedia perkhidmatan mengenai pentingnya penyediaan bangunan dan kemudahan awam yang bukan sahaja boleh diakses oleh OKU tetapi semua lapisan masyarakat. Selain itu, Seminar ini juga bertujuan meningkatkan pemahaman

para peserta berhubung kepentingan aplikasi reka bentuk sejagat dalam penyediaan kemudahan dan persekitaran bebas halangan.

Seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil PBT dari seluruh negara, badan profesional, pertubuhan bukan Kerajaan serta golongan OKU telah menghadiri Seminar ini.

TAPISAN KESELAMATAN UNTUK PIHAK YANG BERURUSAN DENGAN KANAK-KANAK

KPWKM dengan kerjasama agensi Kerajaan yang berkaitan, termasuk Polis Diraja Malaysia serta pertubuhan bukan Kerajaan telah menghasilkan *Standard Operating Procedure* (SOP) mengenai tapisan keselamatan ke atas individu yang berurus dengan kanak-kanak seperti pekerja di pusat penjagaan kanak-kanak.

PELANTIKAN OKU DALAM JAWATANKUSA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PBT DAN PENUBUHAN UNIT AUDIT AKSES DI SETIAP PBT

Cadangan supaya semua pihak berkuasa tempatan (PBT) melantik orang kurang upaya (OKU) sebagai ahli kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan di setiap PBT dan menubuhkan Unit Audit Akses di setiap PBT telah diluluskan oleh Kerajaan pada 7 September 2011.

Inisiatif ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan aksesibiliti golongan OKU selaras dengan peruntukan Seksyen 26 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Langkah ini juga merupakan satu batu tanda ke arah keadilan sosial secara inklusif kepada semua strata masyarakat, agar tiada golongan yang terpinggir daripada menikmati kemakmuran negara dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup mereka.

ANJUNG SINGGAH

Anjung Singgah - sebuah pusat intervensi setempat bagi golongan gelandangan telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada bulan April 2011. Pusat ini merupakan salah satu projek *touch base* KPWK dengan masyarakat. Anjung Singgah terletak di Bangunan Ehsan, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur dan ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara. Antara perkhidmatan yang disediakan di Anjung Singgah bagi golongan gelandangan, termasuk menyediakan tempat penginapan sementara, bantuan bagi mendapatkan peluang pekerjaan dan tempat tinggal serta perkhidmatan kaunseling.



PROGRAM KPWK YANG MELIBATKAN OKU

Perkhidmatan dan bantuan kepada golongan gelandangan disalurkan dengan kerjasama erat daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Tenaga Kerja, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan Agensi Antidadah Kebangsaan. Sehingga bulan Disember 2011, seramai 413 orang gelandangan telah menerima perkhidmatan yang disediakan oleh Anjung Singgah.



PARA OKU MENERIMA KAD OKU

Dasar Sosial Negara

Pengenalan

Dasar Sosial Negara (DSN) diluluskan Kabinet pada 19 Februari 2003 dan pelancaran rasmi telah dilakukan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 19 Ogos 2003. DSN ditubuhkan sebagai dasar perancangan, penilaian, pemantauan dan pelaporan yang bagi menyelaras pelaksanaan program/ aktiviti pembangunan sosial.

Visi

Menjadi peneraju utama pelaksanaan Dasar Sosial Negara.

Misi

Memastikan Dasar Sosial Negara dilaksanakan secara bersepada.



Objektif

Melaksana dan menyelaras Dasar Sosial Negara (DSN) di semua peringkat yang meliputi perancangan, penilaian, pemantauan dan pelaporan.

Strategi

Mempergiatkan pelaksanaan Dasar Sosial Negara, mengukuhkan jentera Dasar Sosial Negara, membangunkan instrumen-instrumen perancangan sosial dan mempertingkatkan pelaksanaan agenda integriti untuk Institusi Keluarga, Komuniti dan Masyarakat Sivil.

Pencapaian Bahagian Dasar Sosial Negara (DSN) Bagi Tahun 2011

Sepanjang tahun 2011, Bahagian DSN telah melaksanakan beberapa program antaranya Program NADI, Pusat Bantuan Khidmat Sosial Chow Kit, Kuala Lumpur Krash Pad, Pelan Strategik HIV/AIDS KPWKM 2011, Pasukan Petugas HIV/AIDS, Wanita dan Remaja Perempuan, Program Rumah Perlindungan untuk Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS dan Model Baru Sosial.

PROGRAM NADI 2011

KPWKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM10,000 kepada setiap Pengerusi NADI sebagai bantuan segera untuk mereka menjalankan khidmat kepada masyarakat setempat. Jumlah keseluruhan peruntukan kepada Pengerusi NADI di seluruh negara adalah sebanyak RM1.14 juta bagi tahun 2011. Setiap Pengerusi NADI telah menjalankan program pembangunan sosial di kawasan masing-masing melalui program pembangunan sosial yang dirangka khas untuk menangani isu-isu sosial yang dihadapi oleh kawasan-kawasan tersebut. Selain daripada itu, Kementerian juga telah menyalurkan peruntukan khas banjir berjumlah RM553,000 kepada 79 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dilanda banjir.

PUSAT KHIDMAT SOKONGAN SOSIAL CHOW KIT

Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS), salah sebuah pusat kendalian Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan sokongan sosial dan kebajikan kepada kumpulan terpinggir yang terdiri daripada orang yang hidup dengan HIV/AIDS (ODHA), pekerja seks wanita dan Mak Nyah di sekitar kawasan Chow Kit mula beroperasi pada Ogos 2007 di No. 326-328, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Tingkat 3-5, Wisma TANCOM, 50100 Kuala Lumpur. Pelaksanaan PBKS adalah kerjasama bestari antara KPWKM dan PT Foundation, sebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang dilantik untuk mengendalikan PBKS.

PBKS Chow Kit menyediakan tiga bentuk perkhidmatan utama iaitu:

Pusat Persinggahan (Drop-in Centre)
Di pusat persinggahan ini, klien disediakan sebuah ruang selamat jauh dari diskriminasi, penindasan serta gangguan. Klien akan diberi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan yang asas seperti merawat luka-luka kecil. Selain itu, PBKS juga menyediakan makanan percuma, latihan kemahiran (seperti jahitan manik dan komputer), kelas Bahasa Inggeris kepada anak-anak klien dan sebaran maklumat mengenai HIV/AIDS.

Temu Seru (Outreach)

Program *outreach* bertujuan untuk bertemu dengan klien yang tidak dapat datang ke Pusat Persinggahan tetapi memerlukan sokongan dan bantuan. Pekerja *outreach* dibahagi mengikut kumpulan dan kawasan yang ditetapkan seperti Chow Kit, Jalan Petaling, Bukit Bintang, Brickfields, Jalan Pudu, Jalan Ipoh dan Ampang. Outreach juga akan dibuat di rumah klien dan di hospital. Perkhidmatan bantuan sokongan ini lebih tertumpu kepada pekerja-pekerja seks di lorong, rumah pelacuran dan hotel mengenai langkah-langkah menghindari HIV/AIDS dan turut memberi khidmat sokongan kepada mereka yang hidup dengan HIV/AIDS. Klien akan diberi 'safe sex kit' dan set maklumat mengenai HIV/AIDS serta mendapat penerangan tentang pengamalan seks yang selamat.

Kaunseling, khidmat nasihat dan sesi informasi.

Di pusat ini juga, klien akan dibantu atau dirujuk untuk mendapatkan sebarang perkhidmatan yang diperlukan dari mana-mana agensi yang berkaitan. Bagi yang memerlukan bantuan kewangan, mereka akan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Jabatan Agama Islam. Bagi yang memerlukan rawatan perubatan, mereka akan di bawa ke hospital oleh pekerja-pekerja outreach.

KUALA LUMPUR KRASH PAD (KLKP)

Kuala Lumpur Krash Pad berfungsi sebagai pusat perlindungan kepada remaja berumur di antara 13 hingga 21 tahun bagi mengelakkan penglibatan dalam aktiviti berisiko tinggi. Program-program yang dijalankan di pusat aktiviti ini adalah seperti program pantry, perkhidmatan kesihatan, program kaunseling dan pendidikan dan latihan/aktiviti vokasional.

KLKP juga telah terlibat dalam pelbagai program seperti Sambutan 10 Tahun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Festival Capoeira, Kem Motivasi Remaja dan Himpunan Sejuta Belia. Sehingga hujung tahun 2011, KLKP merekodkan 373 ahli remaja.

PELAN STRATEGIK HIV/AIDS KPWKM 2011

Pada tahun 2011, Kementerian telah melaksanakan sebanyak 4 program di bawah Pelan Strategik HIV/AIDS KPWKM. Program-program ini telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Institut Sosial Malaysia (ISM). Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200,000.00 untuk pelaksanaan program-program tersebut.

PASUKAN PETUGAS HIV/AIDS, WANITA DAN REMAJA PEREMPUAN

Jawatankuasa Kabinet mengenai HIV/AIDS pada 18 Disember 2008 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan

supaya KPWKM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan UNICEF mengetuai satu Pasukan Petugas HIV/AIDS, Wanita dan Remaja Perempuan.

Pada tahun 2011, Kementerian telah mengadakan mesyuarat bersama tujuh Pasukan Petugas HIV/AIDS, Wanita dan Remaja Perempuan yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi, Unit Komunikasi Korporat KPWKM, LPPKN, Majlis Aids Malaysia NGO MyPlus dan NGO FHRAM bagi melaksanakan program untuk wanita dan remaja perempuan.

PROGRAM RUMAH PERLINDUNGAN UNTUK ORANG YANG HIDUP DENGAN HIV/AIDS

Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta dan telah diagihkan kepada 19 buah rumah perlindungan HIV/AIDS. Majlis AIDS Malaysia (MAM) telah dilantik sebagai pihak yang akan memantau dan menguruskan agihan dana bantuan kepada rumah perlindungan ini.

Pada 5 Ogos 2011, YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyempurnakan upacara penyerahan cek program ini berjumlah RM2 juta kepada MAM bagi membayai kos pengoperasian 19 buah rumah perlindungan HIV/AIDS. Skop perkhidmatan yang ditawarkan di rumah-rumah perlindungan ini meliputi perubatan, psikososial dan sokongan serta program kerohanian.

Bantuan kewangan kepada Persatuan PENGASIH sebanyak RM800,000 turut diluluskan bagi membantu pemulihan orang yang hidup dengan HIV/AIDS.

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian DSN juga melaksanakan program pembangunan modal insan yang khusus kepada kumpulan sasar Kementerian. Di antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 adalah:

- i. Program KARISMA Al-Furqani;
- ii. Program Motivasi dan Jati Diri Remaja di Luar Bandar; dan
- iii. Kempen Stop It Now Mencegah Penderaan Kanak-kanak.

PERANCANGAN BAHAGIAN DASAR SOSIAL NEGARA BAGI TAHUN 2012

Di samping program-program yang telah dilaksanakan, beberapa penambah baikan kepada program-program akan dilaksanakan pada tahun 2012 seperti berikut:

- Pelancaran Model Baru Sosial pada bulan April 2012
- Program Pemerksaan Klien/Peserta yang dinamakan Program Keusahawanan KARISMA Sosial melalui penubuhan/pengoperasian kedai dobi untuk klien PBKS
- Forum Perdana Bersama Kumpulan Sasar yang terdiri daripada klien PBKS
- Program Job Placement untuk sekurang-kurangnya 10 orang Penghuni Rumah Perlindungan
- Program KARISMA Sosial Fertigasi bagi memberi peluang menjana pendapatan kepada penghuni Rumah PENGASIH dan Rumah Perlindungan
- Penyelaras dan pemantauan pelaksanaan Greater e-Kasih bagi penerima bantuan Kerajaan di seluruh negara.

PEMBANGUNAN MODEL BARU SOSIAL

Kementerian telah mewujudkan inisiatif Model Baru Sosial (MBS) yang bakal dilancarkan pada bulan April 2012 bagi menggantikan Dasar Sosial Negara yang diperkenalkan pada tahun 2003.

MBS bertujuan untuk mengimbangi dan meningkatkan kesejahteraan sosial di kalangan masyarakat. Antara langkah awal yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghasilkan MBS adalah:

- i. Mengadakan Sidang Meja Bulat Agenda Sosial Negara,
- ii. Mengadakan Bengkel Model Baru Sosial,
- iii. Perbincangan Bagi Menghasilkan Kerangka Model Baru Sosial, dan
- iv. Mesyuarat Persiapan Bengkel Pembangunan Model Baru Sosial bersama Majlis Profesor Negara.



SESI KAUNSELING



BERTEMU PELANGGAN PBKS

Hubungan Antarabangsa

Pengenalan

Globalisasi memerlukan setiap negara memperkuuhkan jalinan hubungan antarabangsa bagi mempertahankan kewibawaan dan pendirian negara ke atas isu-isu termasuk isu-isu sosial di mana hak asasi manusia termasuk kesaksamaan gender dan perlindungan wanita dan kanak-kanak merupakan fokus utama sedunia.

Visi

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

Misi

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkuuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

Objektif

- Untuk memastikan komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa dilaksanakan sepenuhnya.
- Untuk memperkuuhkan jaringan di peringkat antarabangsa, hubungan dua hala dan pelbagai hala.



Fungsi Bahagian Hubungan Antarabangsa

- i. Merealisasikan komitmen kerajaan terhadap resolusi, keputusan, pelan tindakan dan konvensyen yang dipersetujui di peringkat antarabangsa.
- ii. Menyelaraskan pelaksanaan komitmen kerajaan terhadap instrumen antarabangsa dengan agensi pelaksanaan di peringkat nasional.
- iii. Mewujudkan dan mempertingkatkan jaringan kerjasama peringkat antarabangsa, serantau dan dua hala.
- iv. Menyelaraskan pelaksanaan program kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman dalam bidang pembangunan wanita dan keluarga.
- v. Merancang aktiviti yang membolehkan Malaysia memainkan peranan penting dan bekesan di peringkat antarabangsa.

Pencapaian Bahagian Hubungan Antarabangsa Bagi Tahun 2011

TERBAHAGI KEPADA TIGA UNIT IAITU UNIT PELBAGAI HALA, UNIT SERANTAU SERTA UNIT ASEAN DAN DUA HALA

UNIT PELBAGAI HALA/ MULTILATERAL (AM)

Dipertanggungjawabkan untuk persediaan persidangan dan mesyuarat serta menyelaras maklumat untuk pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Unit AM juga merupakan penyelaras kepada isu-isu berkaitan instrumen antarabangsa yang telah ditandatangani oleh KPWKM seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Pada masa yang sama, Unit AM perlu menyelaras maklumat/ dokumentasi Hak Asasi Manusia yang berkaitan dengan kumpulan sasar KPWKM dan menjadi Urusetia kepada Jawatankuasa Tetap Sains Sosial (JKTSS) di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

UNIT SERANTAU/REGIONAL (AR)

Bertanggungjawab membuat persediaan persidangan atau mesyuarat yang berkaitan dengan kerjasama atau pertubuhan yang bercorak serantau seperti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP), Commonwealth, serta Regional Steering Committee on the Advance of Rural Women Asia Pacific (RSC-AP).

UNIT ASEAN DAN DUA HALA / BILATERAL (AB)

Menyelaras persidangan atau mesyuarat yang melibatkan enam (6) badan sektor ASEAN yang menjadi tumpuan KPWKM

iaitu ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD), Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD), ASEAN Committee on Women Meeting (ACW), ASEAN Social Work Consortium (ASWC) dan ASEAN Commission For the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) dan ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW). Unit ini juga memantau dan menyelaras program kerjasama dua hala dengan negara-negara luar. Di antara program kerjasama dua hala yang diuruskan ialah Memorandum Persefahaman dengan negara-negara terpilih dalam bidang pembangunan wanita dan keluarga dan menguruskan lawatan delegasi luar negara ke KPWKM.

Unit Pelbagai Hala

SURUHANJAYA MENGENAI STATUS WANITA (COMMISSION ON THE STATUS OF WOMEN (CSW))

Sesi Ke-55 Suruhanjaya Mengenai Status Wanita telah dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada 22-24 Februari 2011. Persidangan ini telah dihadiri oleh 97 buah negara yang terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Duta Besar, pakar gender serta pegawai kanan kerajaan dan 3500 peserta badan-badan bukan Kerajaan (NGO). Selaras dengan tema sesi iaitu *Access and participation of women and girls to education, training, science and technology, including for the promotion of women's equal access to full employment and decent work*, perbincangan tertumpu kepada inisiatif meningkatkan golongan wanita dalam pasaran pekerjaan ke arah mencapai kesaksamaan gender dan hak asasi wanita.

Sewaktu membuat pembentangan di dalam persidangan ini, Menteri KPWKM telah memaklumkan bahawa kepimpinan negara telah memberikan fokus utama kepada bidang pekerjaan, pembangunan modal insan, sains, teknologi dan inovasi ke arah Malaysia mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di bawah konsep 1Malaysia ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi (MBE).

Kerajaan Malaysia komited untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja wanita daripada 47.3% kepada 55% pada tahun 2015. Selaras dengan kepentingan sains, teknologi dan inovasi sebagai asas kemajuan, tahun 2010 telah diisytiharkan sebagai Tahun Inovasi dan Kreativiti. Manakala tahun 2011 dan 2012 pula diisytiharkan sebagai Tahun Sains dengan tema ‘Amalkan Sains dan Cintai Matematik’.

PELANCARAN UN WOMEN

Penubuhan *UN Women* merupakan sebahagian daripada usaha Malaysia selaku *President of the Economic and Social Council* (ECOSOC) di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kini Malaysia merupakan salah satu negara Kumpulan Asia yang telah dipilih menganggotai *Executive Board of UN Women*.

Semasa berada di New York, Menteri KPWKM telah mengadakan perbincangan dengan Michelle Bachelet, Pengarah Eksekutif, *UN Women*. Michelle Bachelet telah menyatakan rasa kagum beliau terhadap pencapaian Malaysia sebagai model negara Islam yang progresif berhubung hak wanita dan kesaksamaan gender. Beliau juga menawarkan bantuan kepakaran teknikal kepada Malaysia dalam isu-isu gender dan pembangunan wanita. Menteri KPWKM turut menyatakan Kementerian bersedia menjadi *focal point* dan rakan aktif untuk bekerjasama dengan *UN Women* dalam penggubalan Pelan Strategik *UN Women*.

PERBINCANGAN DENGAN PENGARAH EKSEKUTIF UNITED NATIONS POPULATION FUND (UNFPA)

Menteri KPWKM telah mengadakan perbincangan dengan Dr. Babatunde Osotimehin iaitu Pengarah Eksekutif *United Nations Population Fund* (UNFPA). Dr. Osotimehin telah memuji pencapaian Malaysia dalam bidang pembangunan keluarga dan kependudukan. Melihat kepada kapasiti negara dan pencapaian Malaysia yang memberangsangkan, beliau menyarankan supaya Malaysia memainkan peranan aktif sebagai peneraju bidang ini di kalangan Negara Kerjasama Selatan-Selatan.

SIDANG KEMUNCAK WANITA GLOBAL 2011 (GLOBAL SUMMIT OF WOMEN 2011)

Sidang Kemuncak Wanita Global merupakan forum tahunan bagi tokoh dan pemimpin wanita merangka hala tuju, strategi dan program ke arah meningkatkan pencapaian wanita dalam bidang ekonomi dan keusahawanan. Sejak diperkenalkan, Sidang Kemuncak ini telah dilihat sebagai satu forum antarabangsa yang penting dan berjaya menemukan tokoh serta pemimpin wanita dari sektor awam dan swasta dalam pelbagai bidang dari seluruh dunia.

Sidang Kemuncak Global Wanita 2011 telah berlangsung dari 5 hingga 7 Mei 2011 di Istanbul, Turki. Bertemakan *Women: Bridging Solutions to the 21st Century*, ia dihadiri oleh lebih 1,000 orang peserta dari 81 buah negara. Para peserta terdiri daripada 3 orang Wanita Pertama, menteri, timbalan menteri, duta, ahli akademik, tokoh dan ahli perniagaan wanita, pegawai kerajaan serta wakil pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Sidang kemuncak ini menjadi platform global untuk tokoh dan pemimpin wanita merangka hala tuju, strategi dan program ke arah meningkatkan pencapaian wanita dalam bidang ekonomi dan keusahawanan serta membincangkan topik-topik semasa global seperti pengurusan sumber,

tanggungjawab sosial korporat dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mempercepatkan pencapaian wanita dalam bidang ekonomi.

UCAPTAMA MAJLIS PERASMIAH SIDANG KEMUNCAK WANITA GLOBAL

Sewaktu menyampaikan ucaptama bertajuk “Kemajuan Wanita Malaysia Dalam Perniagaan dan Ekonomi” di Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Wanita Global, YABhg. isteri Perdana Menteri Malaysia telah menjelaskan kepada para peserta beberapa faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan wanita Malaysia dalam bidang perniagaan dan ekonomi.

Antaranya ialah capaian terhadap pendidikan yang merangkumi peringkat pendidikan awal sehingga peringkat universiti. Selain itu, peluang yang disediakan oleh pihak Kerajaan, misalnya menerusi penubuhan *SME Corporation* serta skim-skim kewangan dan kemudahan sokongan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan telah membantu meningkatkan bilangan usahawan wanita.

FORUM WANITA PERTAMA

YABhg. isteri Perdana Menteri Malaysia diberi penghormatan menjadi anggota panel Forum Wanita Pertama bersama Wanita Pertama Namibia Penehupifo Pohamba dengan editor eksekutif *International Herald Tribune*, Perancis, Alison Smale sebagai pengantara dalam perbincangan tentang peranan Wanita Pertama pada era globalisasi. Sewaktu sesi ini, beliau menyatakan bahawa menjadi Wanita Pertama bukannya hak istimewa, tetapi ia adalah satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh seorang isteri pemimpin.

PERBINCANGAN MEJA BULAT PERINGKAT MENTERI

Menteri KPWKM telah mengambil bahagian dalam sesi meja bulat peringkat Menteri, bertajuk *Public/Private Sector Partnership: Advancing Economic Opportunities for Women and Girls*. Beliau mengetengahkan inisiatif KPWKM dengan

Amanah Ikhtiar Malaysia untuk melahirkan 4,000 orang usahawan wanita bagi tempoh 2009 hingga 2012.

SESI PLENARI KHAS ACCELERATING BOARD DIVERSITY GLOBALLY

Menteri KPWKM telah dijemput sebagai salah seorang daripada 4 orang ahli panel bagi sesi plenari khas bertajuk *Accelerating Board Diversity Globally*. Sewaktu sesi ini, beliau memberikan perkembangan semasa peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Beliau juga menyentuh 3 cabaran utama yang dihadapi wanita korporat, iaitu fenomena siling kaca, isu keseimbangan kerjaya dan keluarga serta kurangnya penonjolan wanita di tempat kerja (*invisible woman*).

BURSA SAHAM ISTANBUL

YABhg. isteri Perdana Menteri Malaysia telah diberi penghormatan membentuk loceng pembukaan sesi dagangan di Bursa Saham Istanbul pada 4 Mei 2011, suatu peluang yang jarang diberi kepada wanita. Sewaktu menyampaikan ucapan, beliau menyatakan akan pentingnya penglibatan wanita dalam menyumbang dan mengembangkan pasaran saham serta menjadikannya lebih dinamik. Beliau menyeru golongan wanita merebut peluang yang ada untuk menempatkan diri mereka sebagai pemilik atau pengurus kanan syarikat broker saham, peniaga saham, pengurus dana, penganalisis pasaran dan pengawal atur.

SIDANG KEMUNCAK KELUARGA +7, PERTUBUHAN KELUARGA DUNIA

Sidang Kemuncak Keluarga merupakan sebuah forum antarabangsa yang telah diasaskan pada tahun 2004 oleh Pertubuhan Keluarga Dunia. Sidang kemuncak ini diadakan secara tahunan untuk merangka hala tuju, strategi dan program untuk mengukuh, memantap dan mengupayakan institusi kekeluargaan. Persidangan ini juga telah memperoleh reputasi sebagai sebuah forum

antarabangsa yang mempunyai pengaruh penting ke atas negara-negara anggota bagi menghadapi perubahan dan cabaran semasa institusi kekeluargaan.

Sidang Kemuncak Keluarga+7 telah dihadiri oleh Menteri KPWKM pada 5 hingga 7 Disember 2011 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. Sidang Kemuncak ini bertemakan *Families in Balance: Working Our Way Towards Sustainable Development - Making Decent Work and Social Protection a Global Reality for All Family Members* dan telah dihadiri lebih 500 orang peserta dari kalangan menteri, pegawai kerajaan, ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin sektor swasta yang bertanggungjawab dalam bidang keluarga, gender dan perlindungan sosial.

Sidang kemuncak ini menjadi platform global bagi merangka hala tuju, strategi dan program untuk mengukuh, memantap dan mengupayakan institusi keluarga khususnya dalam mencapai *Millennium Development Goal* (MDG) 1 iaitu membasi kemiskinan dan kebuluran. Persidangan ini juga mengambil kira isu krisis ekonomi global dan kesan kepada institusi keluarga serta jaminan perlindungan sosial dalam masyarakat.

UCAPTAMA MAJLIS PERASMIAN SIDANG KEMUNCAK KELUARGA+7

Sidang kemuncak ini telah dirasmikan oleh Dr. Anwar Mohammad Gargash, *Minister of State for Foreign Affairs*, Emiriah Arab Bersatu. Beliau telah membacakan teks ucapan PYT Shaikha Fatima binti Mubarak, *President General Women's Union and Family Development Foundation* dan *President Supreme Council for Motherhood and Childhood*. Melalui teks ucapan tersebut, PYT Shaikha Fatima binti Mubarak menegaskan bahawa semua negara perlu memberi keutamaan kepada keselamatan keluarga dan jaminan perlindungan sosial dalam masyarakat.

PYT juga menyeru semua negara berganding bahu dalam menyelesaikan masalah sosial dan krisis ekonomi global yang memberi kesan besar terhadap institusi kekeluargaan bagi mencapai kesejahteraan dunia.

PERBINCANGAN MEJA BULAT PERINGKAT MENTERI

Sesi Perbincangan Meja Bulat Peringkat Menteri telah disertai oleh 14 orang Menteri dari benua Afrika, Amerika Selatan dan Asia. Melalui sesi ini, Menteri KPWKM telah berkongsi pengalaman berhubung usaha dan inisiatif Kerajaan Malaysia untuk memastikan keselamatan keluarga dan jaminan perlindungan sosial dalam masyarakat dijadikan agenda utama pembangunan sosial negara.


Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada golongan wanita melibatkan diri dalam bidang ekonomi kerana percaya golongan wanita mampu menambah pendapatan keluarga. Dalam hal ini, pihak KPWKM selaku agensi peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah telah bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk membangun dan menghasilkan usahawan wanita menerusi pembiayaan skim mikro-kredit. Menteri KPWKM turut menyatakan Kerajaan telah menyediakan Skim Pencen untuk kakitangan awam serta mewujudkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk membantu golongan pekerja.

Terkini, Kerajaan telah melancarkan inisiatif baru di bawah program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) bagi membantu golongan miskin dan mereka yang memerlukan.

SESI PLENARI KHAS

Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel dalam satu panel khas yang dipengerusikan oleh Dr. Deisi Noeli Weber Kusztra, *President World Family Organisation* iaitu pengajur utama Sidang Kemuncak ini. Ahli panel memberi pandangan mengenai isu konflik serta keamanan dunia dan kaitannya dengan institusi keluarga. Ketua Pengarah LPPKN telah berkongsi beberapa program yang telah berjaya dilaksanakan untuk menangani konflik dalam keluarga seperti program pra perkahwinan SMART dan program mengimbangi kerjaya dan keluarga *Parenting@Work*.

Beliau juga menyatakan bahawa Kerajaan telah memulakan usaha membina pusat keluarga di setiap negeri sebagai perkhidmatan sokongan kepada keluarga. Sehingga kini, 4 buah Pusat Keluarga telah dibina di Seremban 2 (Negeri Sembilan), Anak Bukit (Kedah), Bertam (Pulau Pinang) dan Shah Alam (Selangor). Selain itu, LPPKN mempunyai 56 buah klinik yang berfungsi sebagai pusat keluarga berskala kecil. Perkongsian maklumat ini telah menarik minat wakil Kerajaan Emiriah Arab Bersatu dan *Family Development Foundation* untuk melawat Malaysia.



HARI UNESCO MALAYSIA 2011

Buat julung kalinya, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) telah mengadakan Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2011 pada 18 hingga 19 November 2011 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IFDR) dan Pasar Seni Kuala Lumpur.

Sambutan Hari UNESCO bertujuan mengetengahkan kepada masyarakat penglibatan aktif serta kejayaan-kejayaan Malaysia dalam organisasi UNESCO. Idea sambutan Hari

UNESCO Malaysia ini dicadangkan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri (yang juga Menteri Pelajaran) pada 12 April 2011 semasa mempergerusikan Mesyuarat Agung SKUM (Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia) kali ke-37.

Kementerian melalui Jawatankuasa Tetap Sains Sosial (JKTSS) yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Setiausaha KPWKM, telah terlibat secara langsung dalam sambutan tersebut serta dilantik sebagai Jawatankuasa Makanan dan Kebajikan yang bertanggungjawab di atas penyelarasan tempahan makanan peserta dan tetamu VIP serta penyediaan perkhidmatan perubatan dan keselamatan sepanjang sambutan ini berlangsung.

KPWKM juga diberi peluang untuk membuat pameran mengenai pencapaian sains sosial di Malaysia. Beberapa ahli JKTSS seperti Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), JKM, JPW, NIEW, ISM telah terlibat dalam menjayakan booth pameran JKTSS.

Unit Serantau

PERSIDANGAN WANITA DIGITAL, LIFE, DESIGN, MUNICH, JERMAN, 29 JUN HINGGA 1 JULAI 2011

Menteri KPWKM mengetuai delegasi Kementerian menghadiri Persidangan Wanita Digital, Life, Design di Munich, Jerman sebagai ahli panel dan melakukan lawatan kerja ke *Federal Association for People with Physical and Multiple Disabilities* di Berlin, Jerman dari 29 Jun 2011 hingga 1 Julai 2011.

Selaras dengan tema persidangan iaitu *Innovation and Authenticity*, persidangan ini membincangkan mengenai peranan wanita dalam bidang ekonomi, cabaran wanita dalam era digital dan pemerkasaan peranan wanita dalam proses transformasi sosial. Persidangan ini dihadiri oleh lebih daripada 70 orang panel pembentang berprofil tinggi dan lebih daripada 500 orang peserta yang terdiri daripada pegawai

kerajaan dan swasta, tokoh dan pakar gender, ahli akademik, pihak media serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari seluruh dunia.

Menteri KPWKM terlibat dalam sesi panel persidangan dan menumpukan perbincangan *Advancing Women in Decision Making Level and Accelerating Women's Workforce and Business Diversity*. Ini penting bagi mengetengahkan pencapaian wanita Malaysia di peringkat pembuat keputusan serta berkongsi pengalaman negara berhubung peluang perniagaan yang diberikan kepada golongan wanita bagi menyumbang secara signifikan dalam pembangunan ekonomi dan negara.

Lawatan kerja ke *Federal Association for People with Physical and Multiple Disabilities* di Berlin memberikan peluang kepada delegasi negara meneliti dan meninjau amalan terbaik yang dilaksanakan oleh NGO Jerman dalam memperkasakan orang kurang upaya (OKU) fizikal dan OKU pelbagai. Lawatan kerja juga telah dilakukan ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi Mengenai Hak Asasi Manusia, PBB di Geneva, Switzerland untuk meninjau sejauhmana kerjasama dalam merangka program untuk Malaysia melaksanakan obligasinya secara lebih berkesan di bawah konvensyen-konvensyen antarabangsa yang telah diratifikasi oleh Malaysia yang berkaitan dengan KPWKM.

SIDANG KEMUNCAK WANITA DAN EKONOMI, KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC)

Menteri KPWKM telah mengetuai delegasi negara untuk menghadiri Sidang Kemuncak Wanita dan Ekonomi, APEC di San Francisco, Amerika Syarikat dari 13 hingga 16 September 2011.

Seramai 21 orang menteri atau timbalan menteri dari semua negara anggota APEC serta lebih 800 orang peserta dari kalangan pegawai kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal ekonomi, perdagangan serta dasar industri kecil dan sederhana, tokoh dan pakar gender, ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin sektor swasta dan ahli perniagaan telah menghadiri persidangan ini.

Delegasi Malaysia turut melibatkan TYT Duta Besar Malaysia ke Washington DC, pegawai kerajaan dari KPWKM, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Kesihatan dan wakil sektor korporat.

Sidang kemuncak ini telah membincangkan hala tuju dan kaedah terbaik bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi, sekaligus menyumbang kepada perkembangan ekonomi rantau Asia Pasifik. Hasil sidang kemuncak ini dibawa untuk perhatian Mesyuarat Ketua-ketua Negara APEC yang dijadualkan di Honolulu, Hawaii pada 12 dan 13 November 2011 supaya agenda pembangunan wanita dalam bidang ekonomi diberi perhatian dan mendapat komitmen di peringkat tertinggi.

SESI HIGH LEVEL POLICY DIALOGUE

Sesi High Level Policy Dialogue yang dipengerusikan oleh Senator Hillary Clinton, Setiausaha Negara Amerika Syarikat selaku tuan rumah, sebulat suara bersetuju betapa pentingnya penglibatan dan peranan golongan wanita dalam memberi impak kepada perkembangan ekonomi rantau Asia Pasifik. Sehubungan itu, Deklarasi San Francisco telah dihasilkan bagi mengarusperdanakan gender di kalangan negara anggota APEC untuk menangani sebarang rintangan yang menyekat penglibatan sepenuhnya wanita dalam bidang ekonomi.

Deklarasi San Francisco memberi tumpuan kepada 4 bidang keutamaan iaitu inisiatif ke arah meningkatkan akses kepada modal, akses kepada pasaran, pembangunan kapasiti dan kemahiran serta kepimpinan wanita.

Sewaktu menyampaikan intervensi negara, Menteri KPWKM telah menyatakan bahawa golongan wanita adalah kuasa utama masa kini dalam memacu serta melonjakkan perkembangan ekonomi rantau Asia Pasifik. Menteri KPWKM berkongsi pengalaman berhubung inisiatif Kerajaan Malaysia dalam merangka dan melaksanakan Dasar Sekurang-kurangnya 30% Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang diluluskan pada bulan Jun 2011. Dasar ini sudah mula menunjukkan

perkembangan positif di mana sebuah bank terbesar di Malaysia telah pun melantik seorang wanita sebagai ahli lembaga pengaruhnya.

SESI BREAKFAST POLICY DISCUSSION

Sebagai ahli panel untuk membincangkan tajuk *The Economic and Political Impact of Educated Women* dalam sesi Breakfast Policy Discussion pada 15 September 2011, Menteri KPWKM telah menjelaskan akan komitmen Kerajaan Malaysia dalam menyediakan persekitaran yang kondusif menerusi dasar, perundangan dan program bagi memperkasakan golongan wanita di Malaysia.

Beliau juga menyentuh mengenai pendekatan kerajaan *investing in women is smart economics*. Konsep ini dapat dilihat dalam bidang pelajaran iaitu pelajar wanita kini merupakan hampir 70% daripada jumlah penuntut di institusi pengajian tinggi awam. Selain itu, Menteri KPWKM telah menyatakan kesan pendidikan berterusan dan tanpa diskriminasi di Malaysia telah berjaya melahirkan golongan wanita yang berkaliber dan mampu berdaya saing dalam pekerjaan. Keupayaan wanita mendapat pengiktirafan kerajaan yang telah melantik ramai wanita memegang jawatan dalam sektor awam, termasuk bidang ekonomi.

ANUGERAH WOMEN INNOVATORS

Dalam persidangan ini dua orang usahawan wanita dari setiap negara anggota APEC turut mendapat pengiktirafan APEC di atas inovasi mereka dalam bidang perniagaan. Usahawan wanita Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan APEC ialah Puan Shahnas Oli Mohamed, Pengarah Urusan Natural Wellness Industries Sendirian Berhad (bidang bioteknologi) dan Puan Zabedah Mohamed, Pengarah Urusan Transmaris Techno-Sciences Sendirian Berhad (bidang teknologi maklumat dan komunikasi). Kedua-dua usahawan wanita ini dipilih berdasarkan kepada inovasi dan impak perniagaan mereka yang berupaya menjadi contoh kepada wanita lain untuk berdaya saing dalam dunia perniagaan dan bidang ekonomi.

PERBINCANGAN 2 HALA DENGAN MENTERI HAL EHVAL WANITA KANADA DAN VIETNAM

Menteri KPWKM telah mendapat undangan daripada PYT Ronna Ambrose, Menteri Hal Ehwal Wanita Kanada dan PYT Pham Thi Hai Chuyen, Menteri Hal Ehwal Wanita Vietnam untuk mengadakan perbincangan 2 hala (bilateral) semasa Sidang Kemuncak Wanita dan Ekonomi, APEC pada 15 September 2011. Selain mengeratkan hubungan baik 2 hala, kedua-dua sesi ini membolehkan menteri-menteri terbabit bertukar nota dan mengetahui kedudukan semasa pelaksanaan program kesaksamaan gender dan pembangunan wanita.

Unit ASEAN Dan Dua Hala

ASEAN

Isu pemerksaan wanita, perlindungan kanak-kanak dan pembangunan kebajikan untuk golongan orang kurang upaya (OKU) telah menjadi fokus utama Negara-negara ASEAN pada tahun 2011.

Pelan Induk Sosio Komuniti Budaya ASEAN (*ASEAN Socio-Cultural Community Blueprint - ASCC*) yang menjadi fokus ke arah pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 seperti yang dipersejui negara-negara ASEAN telah dipersejui dan dibincangkan dengan lebih terperinci pada tahun 2011. Pembangunan insan, perlindungan kebajikan sosial, hak keadilan sosial, persekitaran yang mampan, pembentukan identiti ASEAN dan merapatkan jurang pembangunan adalah enam tumpuan KPWKM dalam ASCC.

KPWKM selaku badan sektoral untuk *ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD)*, *Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD)*, *ASEAN Committee on Women Meeting (ACW)*, *ASEAN Social Work Consortium (ASWC)* dan *ASEAN Commission For the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)* serta badan sektoral yang

baru iaitu ASEAN Ministerial Meeting on Women AMMW, telah menyumbang ke arah pembangunan kumpulan sasar yang banyak memberi faedah di peringkat serantau mahupun di peringkat nasional.

Tahun 2011 telah menyaksikan penubuhan sebuah badan sektoral tertinggi untuk golongan wanita iaitu AMMW di mana negara Lao PDR akan menjadi Hos Pertama AMMW untuk tahun 2012. Satu mesyuarat persediaan untuk AMMW telah diadakan semasa Mesyuarat ACW ke-10 di Bogor, Indonesia pada bulan Oktober tahun 2011.

Setelah tertubuhnya ACWC pada tahun 2010, sebanyak 3 mesyuarat telah diadakan pada tahun 2011. Semua wakil ACWC dari setiap negara anggota ASEAN seramai 20 orang telah bersepakat dalam memastikan Pelan Kerja 5 tahun ACWC dimuktamadkan dalam menunjukkan kesungguhan ASEAN dalam menjaga hak wanita dan kanak-kanak agar terus terpelihara.

MESYUARAT PERTAMA ACWC DI JAKARTA, INDONESIA, 16 HINGGA 18 FEBRUARI 2011

Ketua Setiausaha KPWK bersama dengan wakil ACWC Malaysia (bidang wanita) telah menghadiri mesyuarat ini yang merupakan platform penting dalam penubuhan ACWC. Mesyuarat Pertama ini turut dihadiri oleh Presiden Early Childhood Care and Educators (ECCE) Malaysia selaku wakil ACWC (bidang kanak-kanak). Mesyuarat Pertama telah menyaksikan wakil ACWC Thailand dan Indonesia dilantik sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi selama 3 tahun mulai tahun 2010.

MESYUARAT ACWC KE-2 DI JAKARTA, INDONESIA, 15 HINGGA 16 JUN 2011

Mesyuarat Ke-2 ACWC telah membincangkan dengan lebih lanjut Peranan ACWC, Pelan Kerja 5 Tahun ACWC dan kerjasama yang boleh dijalin dengan ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR). Selain itu, ACWC juga telah bertemu dengan wakil tetap ke ASEAN dari setiap negara anggota ASEAN.

MESYUARAT THE ASEAN COMMISSION FOR THE PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN (ACWC) KE-3 DI SOLO, INDONESIA, 5 HINGGA 6 SEPTEMBER 2011

Mesyuarat Ke-3 ACWC telah membincangkan dengan lebih lanjut Pelan Kerja 5 Tahun ACWC dan bidang Thematic untuk pelan kerja ACWC telah dimuktamadkan. ACWC telah menyediakan kertas cadangan mengenai hala tuju dengan AICHR dan perjumpaan dengan NGO-NGO serantau dalam usaha memartabatkan peranan dan pembelaan hak wanita dan kanak-kanak telah diadakan.

MESYUARAT ACWC KE-2 DI JAKARTA, INDONESIA, 15 HINGGA 16 JUN 2011

Mesyuarat Ke-2 ACWC telah membincangkan dengan lebih lanjut Peranan ACWC, Pelan Kerja 5 Tahun ACWC dan kerjasama yang boleh dijalin dengan ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR). Selain itu, ACWC juga telah bertemu dengan wakil tetap ke ASEAN dari setiap negara anggota ASEAN.

MESYUARAT THE ASEAN COMMISSION FOR THE PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN (ACWC) KE-3 DI SOLO, INDONESIA, 5 HINGGA 6 SEPTEMBER 2011

Mesyuarat Ke-3 ACWC telah membincangkan dengan lebih lanjut Pelan Kerja 5 Tahun ACWC dan bidang Thematic untuk pelan kerja ACWC telah dimuktamadkan. ACWC telah menyediakan kertas cadangan mengenai hala tuju dengan AICHR dan perjumpaan dengan NGO-NGO serantau dalam usaha memartabatkan peranan dan pembelaan hak wanita dan kanak-kanak telah diadakan.

7TH ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (SOMSWD), BANGKOK, THAILAND (24 HINGGA 25 SEPTEMBER 2011)

KPWKM telah menyertai Mesyuarat-mesyuarat berkala ini yang telah diadakan secara tahunan demi membincangkan hal ehwal kebijakan di mana fokus utama

mesyuarat ini adalah kepada golongan kurang upaya (OKU). Satu deklarasi OKU telah disediakan untuk diangkat dan dimuktamadkan oleh Ketua-ketua Negara ASEAN kelak. Selain itu, KPWK juga telah memaklumkan akan menjadi pengajur untuk 3 projek ASEAN dan telah diluluskan oleh SOMSWD.

10TH ASEAN COMMITTEE ON WOMEN (ACW) MEETING DAN MESYUARAT PERSEDIAAN AMMW, BOGOR, INDONESIA (3 HINGGA 6 OKTOBER 2011)

Penyertaan KPWK bersama dengan negara-negara ASEAN dalam mesyuarat berkala ini telah menyentuh hal-hal berkaitan hak asasi manusia di rantau ASEAN juga bagi membincangkan hala tuju penubuhan ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW) yang pertama. Mesyuarat ini juga telah memperhalusi cadangan 5 tahun pelan kerja ACW dengan membangkitkan isu-isu berkaitan yang memberi kesan kepada hak pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-19, BALI, INDONESIA (16 HINGGA 19 NOVEMBER 2011)

KPWKM telah menghadiri mesyuarat berkala ini di mana beberapa bidang utama di bawah ASCC telah dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara ASEAN. Mesyuarat ini juga telah meluluskan Deklarasi Pembangunan OKU dan mengambil maklum akan penubuhan AMMW. Sidang Kemuncak ini merupakan mesyuarat tertinggi dan merupakan penutup untuk semua mesyuarat ASEAN di mana Indonesia telah menyerahkan Jawatan Pengerusi kepada Cambodia untuk tahun 2012.

Dua Hala

LAWATAN KERJA YB MENTERI KE REPUBLIK INDONESIA DARI 21 HINGGA 26 APRIL 2011

Menteri KPWK telah melakukan lawatan kerja ke Indonesia dari 21 hingga 26 April 2011 sebagai lawatan balas ke atas PYT. Ibu Linda Amalia Sari Gumelar,

Menteri Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak Indonesia yang telah mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 10 hingga 13 Oktober 2010. Selain itu, Menteri KPWK turut mengadakan kunjungan hormat ke atas T.Y.T. Bapak Salim Segaff Al-Juffri, Menteri Hal Ehwal Sosial Indonesia. Lawatan ini telah memberi fokus kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga serta membuat tinjauan ke atas rumah perlindungan di Indonesia serta bertemu dengan Kongres Wanita Indonesia (KOWANI).

LAWATAN KERJA YB MENTERI KE REPUBLIK KAZAKHSTAN DARI 7 HINGGA 9 JUN 2011

Kerjasama untuk mempertingkatkan pengupayaan wanita dalam bidang keusahawanan merupakan fokus utama hubungan dua hala antara Malaysia dengan Kazakhstan. Perkara ini diperkuuhkan sewaktu perbincangan di antara Menteri KPWK dengan PYT. Gulshara Abdykalikova, Menteri Buruh dan Perlindungan Sosial Republik Kazakhstan.

Perbincangan ini merupakan pertemuan kali pertama Menteri KPWK ke atas PYT. Gulshara Abdykalikova dalam rangka lawatan kerja beliau dan delegasi KPWK ke Republik Kazakhstan. Malaysia dan Kazakhstan bersepakat bahawa pengupayaan wanita dalam bidang keusahawanan dapat membantu golongan wanita untuk menjana pendapatan bagi meningkatkan taraf hidup keluarga.

Kerajaan Malaysia dan Kazakhstan bersetuju secara prinsipnya untuk menjalin hubungan dua hala dalam bidang pembangunan wanita di mana satu Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pembangunan wanita akan dibincangkan. Kerjasama dua hala ini akan membuka ruang pengupayaan wanita khususnya dalam bidang keusahawanan.

Selain daripada itu, Menteri KPWK juga menghadiri The World Islamic Economic Forum ke-7 dan menjadi salah seorang ahli panel Forum Perniagaan Wanita yang dihadiri oleh peniaga-peniaga wanita daripada 35 negara Islam.

Pembangunan

Pengenalan

Bahagian Pembangunan KWPKM yang ditubuhkan pada 1 Mei 2007 bertanggungjawab dalam menyelaras penyediaan fasiliti dan prasarana yang terbaik kepada kumpulan sasar Kementerian melalui pelaksanaan program dan projek pembangunan yang disenaraikan di bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Visi

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender Pembangunan Keluarga dan Masyarakat yang sejahtera dan progresif sebagai asas pembentukan sebuah negara maju.

Misi

Mengintegrasikan perspektif wanita dan kumpulan masyarakat yang memerlukan dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkuatkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.



Matlamat

Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

Objektif

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Tahun 2011 hingga 2015 menggariskan pelaksanaan program dan projek pembangunan setiap Kementerian dilakukan secara Rolling Plan di mana setiap Kementerian dibenarkan untuk memohon projek-projek pembangunan setiap tahun di samping mengkaji semula keperluan pelaksanaan projek-projek sedia ada. Bagi tahun 2011, sebanyak 49 projek telah diluluskan di bawah KWPKM untuk Rolling Plan Pertama RMKe-10 (2011-2012).

Prestasi Bahagian Pembangunan Bagi Tahun 2011

Peruntukan pembangunan bagi tahun 2011 meliputi 49 projek yang diluluskan di bawah KWPKM untuk Rolling Plan Pertama RMKe-10 (2011-2012). Pemantauan setiap projek pembangunan Kementerian di bawah Rolling Plan Pertama RMKe-10 dilakukan menerusi Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) yang dikawal-selia oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Medan-medan yang sentiasa dipantau dan dilaporkan oleh pihak ICU adalah medan Maklumat Am dan juga Maklumat Aktiviti. Sehingga 31 Disember 2011, prestasi pengemaskinian kedua-dua medan maklumat ini adalah 100%.

Berikut adalah ringkasan bilangan projek mengikut bahagian dan agensi di bawah KWPKM:

BAHAGIAN/AGENSI	KOS PROJEK	JUMLAH PROJEK	SIAP	DISAMBUNG KE ROLLING PLAN KEDUA RMKe-10	DITANGGUH
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)	402,469,339	31	19	10	2
A PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA MALAYSIA	47,300,000	6	3	3	-
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA	3,180,000	2	1	1	-
INSTITUT SOSIAL MALAYSIA	54,000,000	1	1	-	-
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT	6,400,000	2	-	2	-
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	1,462,623	1	1	-	-
BAHAGIAN PEMBANGUNAN	221,200,000	2	2	-	-
UNIT DMO NKRA (LIH)	441,317,200	4	-	4	-

Prestasi Perbelanjaan Bagi Projek-Projek Pembangunan Tahun 2011 Mengikut Bahagian Dan Agensi KPWK

Di bawah Rolling Plan Pertama RMKe-10 (2011-2012), KPWK telah menerima siling peruntukan sebanyak RM360,862,623 manakala peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM191,214,070. Sehingga 31 Disember 2011, peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM181,485,965 atau 94.91%. Prestasi ini adalah lebih tinggi berbanding Purata Nasional iaitu 93.9%.

Berikut adalah rumusan prestasi pelaksanaan projek-projek Kementerian dan agensi di bawah Rolling Plan Pertama RMKe-10:

BIL.	KATEGORI PROJEK	BILANGAN	PERATUS (%)
1.	PROJEK SIAP	27	55%
2.	PROJEK DISAMBUNG KE ROLLING PLAN KEDUA RMKE-10 2012-2013	20	41%
3.	PROJEK DITANGGUH	2	4%
	JUMLAH	49	100%

Berikut adalah ringkasan peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tahun 2011:

BIL.	BAHAGIAN/AGENSI	JUMLAH SILING (RM)	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)	105,169,110	60,402,170	53,303,333	88.25
2.	A PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA MALAYSIA	17,370,140	11,709,060	11,273,754	96.28
3.	JABATAN PEMBANGUNAN WANITA	3,180,000	1,780,000	173,520	9.75
4.	INSTITUT SOSIAL MALAYSIA	140,000	140,000	5,404	3.86
5.	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT	5,600,000	1,680,000	1,285,640	76.53
6.	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	1,462,623	1,462,080	1,462,023	99.99
7.	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	140,750	140,750	122,756	87.22
8.	UNIT DMO NKRA (LIH)	227,800,000	113,900,000	113,859,536	99.96
	JUMLAH	360,862,623	191,214,070	181,485,965	94.91



RUMAH SERI KENANGAN CHERAS



RUMAH SERI KENANGAN CHERAS



RUMAH SERI KENANGAN CHERAS



RUMAH SERI KENANGAN KEMUMIN

Pengurusan Maklumat

Pengenalan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertangungjawab menguruskan hal-hal berkaitan ICT bagi KPWKM dan Agensi di bawahnya yang meliputi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan NAM Institute for The Empowerment of Women (NIEW).

Di awal penubuhan Kementerian, Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) berikutan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tentang perubahan nama daripada BTM kepada BPM berkuatkuasa 15 Ogos 2008 melalui surat no. Ruj. JPA(S)BPO 253/2/8-66 Klt. 11 (29) yang bertarikh 27 Ogos 2008. Ini merupakan salah satu inisiatif perubahan sektor awam ke arah pemodelan dan peningkatan penyampaian perkhidmatan untuk meningkatkan lagi accessibility, kemudahcapaian dan kualiti interaksi antara Kerajaan dengan sektor swasta serta masyarakat umum.

Pada masa kini BPM mempunyai seramai 24 orang kakitangan yang diketuai oleh Pengurus BPM dan dibantu oleh 3 unit iaitu Unit e-Masyarakat (e-Masyarakat), Unit Pembangunan dan Penyenggaraan Sistem (PPS) serta Unit Operasi dan Rangkaian (OR).

Visi

Membudayakan ICT sebagai pemboleh-daya strategik bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dalam mencapai kesaksamaan gender, pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.



Misi

Komit dalam memperkuuhkan sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang bagi mencapai kesejahteraan sosial melalui ICT-facilitated tools yang mesra pengguna, integrasi sistem dan rangkaian yang berkesan serta capaian perkhidmatan yang meluas.

Fungsi Bahagian Pengurusan Maklumat

- Memastikan pengurusan ICT Kementerian dan Jabatan/agensi berjalan dengan cekap dan berkesan.
- Membangun dan menyenggara sistem dan aplikasi; dan
- Memastikan operasi dan penyelenggaraan sistem ICT serta keselamatan rangkaian berjalan dengan baik dan *reliable*.


Pencapaian Bahagian Pengurusan Maklumat Bagi Tahun 2011

TALIAN NUR 15999

Pada tahun 2011, BPM telah mengendalikan sebanyak 83,478 panggilan yang diterima oleh Talian Nur 15999 KPWKM. Sebanyak 2,649 kes telah dimajukan kepada agensi di bawah KPWKM untuk tindakan.

Talian Nur KPWKM kini telah meluaskan perkhidmatannya dengan menambah perkhidmatan Childline (Talian Bantuan Kanak-Kanak) bermula 13 November 2010. Childline merupakan satu inisiatif untuk menyediakan kemudahan pusat panggilan bantuan kanak-kanak yang dilaksanakan dengan kerjasama di antara KPWKM dan MCTF.


PERATUSAN PANGGILAN YANG DITERIMA TALIAN NUR 15999 MENGIKUT AGENSI BAGI TAHUN 2011



RAJAH 2: PERATUS PANGGILAN YANG DITERIMA TALIAN NUR 15999 MENGIKUT AGENSI BAGI TAHUN 2011

AGENSI	KPWKM	JKMM	JPW	LPPKN	ISM	NIEW	PANGGILAN TIDAK PRODUKTIF (PTP)*	JUMLAH
BIL.	8,646	21,331	172	156	3	0	53,170	83,478

BILANGAN KES YANG DIMAJUKAN KEPADA AGENSI (JKM) BAGI TAHUN 2011



RAJAH 3: BILANGAN KES YANG DIMAJUKAN KEPADA AGENSI (JKM) BAGI TAHUN 2011

PORTAL RASMI KPWK

Laman Web Rasmi KPWK telah dinaik taraf kepada Portal Rasmi KPWK dengan ciri-ciri baru termasuk Web Accessibility (W3C) yang memudahkan capaian Laman Web kepada orang kelainan upaya (OKU) selaras dengan Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2006. Antara ciri-ciri penambahbaikan lain ialah seperti rekabentuk antaramuka yang lebih interaktif dan menarik, pengwujudan Sistem Pendaftaran Kaunselor Online, Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat dan Kenderaan, ruangan forum, permohonan kursus dan latihan serta pelbagai lagi ciri-ciri yang secara keseluruhannya memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi sesebuah Portal/Laman Web Rasmi Sektor Kerajaan. Portal Rasmi KPWK juga telah mendapat pengiktirafan 5 Bintang melalui Laporan Penilaian Portal & Laman Web Kerajaan Malaysia 2011 / Malaysia Government Portals and Websites Assesment (MGWPA) 2011 yang telah dikeluarkan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT ORANG KURANG UPAYA (SMOKU) FASA I

LATARBELAKANG

- SMOKU dibangunkan bertujuan untuk membantu Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) dalam pengurusan rekod-rekod OKU dan proses pendaftaran OKU
- Proses Pendaftaran OKU melibatkan proses permohonan OKU, proses kelulusan OKU dan proses pengeluaran Kad OKU;
- SMOKU boleh diakses secara online melalui internet dan OKU boleh membuat permohonan sebagai OKU berdaftar secara online.
- SMOKU telah digunakan dan diakses melalui internet bermula 1 Ogos 2011.

- Setakat 11 August 2011 sebanyak 779 OKU telah memohon, 774 permohonan telah diluluskan dan 4 keping Kad OKU telah dikeluarkan.

KOS PROJEK

- RM670,311.00

ISU DAN CABARAN

- Penghantaran Kad OKU yang mungkin mengambil masa kerana percetakan hanya dibuat secara berpusat
- SMOKU dan Sistem Percetakan Kad OKU adalah merupakan dua sistem yang berbeza kerana dibangunkan oleh pembekal yang berlainan.

PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT

Perolehan telefon pintar serta *gadget* terkini telah dibuat bagi memastikan Pengurusan Tertinggi di KPWK tidak ketinggalan di dalam arus perubahan ICT dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Secara keseluruhannya warga KPWK kini dilengkapi dengan perkakasan dan perisian ICT yang memuaskan dalam melaksanakan tugas harian.

PERPINDAHAN PUSAT DATA KPWK DAN AGENSI

Perpindahan Pusat Data KPWK melibatkan tiga lokasi, iaitu Pusat Data KPWK di Jalan Dato' Onn, Pusat Data JKM dan JPW (MTIMA) serta Pusat Data KPWK di Wisma Sime Darby. Aktiviti perpindahan telah dilaksanakan sepenuhnya pada Disember 2011 ke Pusat Data yang baru di Putrajaya.

Turut terlibat sama bagi aktiviti perpindahan tersebut adalah perpindahan pusat pemulihian data (Data Recovery Centre) KPWK yang terletak di AIMS Data Center ke Pusat Data di Jalan Dato' Onn setelah tamat kontrak dengan AIMS pada November 2011.

PROJEK 1GOV*NET

Perkakasan projek 1Gov*Net yang dilaksanakan oleh pihak MAMPU bagi semua sektor Kerajaan telah dilaksanakan bagi menggantikan rangkaian Agensi*Net sedia ada kepada satu talian rangkaian kerajaan KPWKM*Net.

KPWKM tidak terkecuali bagi menggunakan kemudahan tersebut. Sehubungan dengan itu, KPWKM dan Agensi telah menggunakan talian 1Gov*Net yang menggantikan KPWKM*Net bermula dari September 2011 dengan kapasiti talian 4mbps.

Agensi-Agenzi di bawah KPWKM seperti JKM, JPW,NIEW dan ISM turut terlibat sama bagi projek 1Gov*Net tersebut dengan kapasiti talian 4mbps minimum secara keseluruhan bagi setiap agensi.

PELUPUSAN

Lawatan pemeriksaan pelupusan aset ICT bagi tahun 2011 telah dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa Aset di 22 lokasi seperti berikut :

- i. LPPKN = 8 lokasi
- ii. JPW = 8 lokasi
- iii. JKM = 4 lokasi
- iv. YKN = 1 lokasi
- v. KPWKM = 1 lokasi

Aktiviti pelupusan aset telah dilaksanakan bagi lokasi-lokasi yang dinyatakan seperti di sebelah.

PROJEK eJKM FASA I

Projek eJKM Fasa 1 yang mengandungi 22 modul/perkhidmatan JKM telah dimulakan pada 18 Disember 2007. Projek ini bernilai RM4,988,531.50 dan dilaksanakan oleh Syarikat eNCoral Digital Solutions Sdn. Bhd. bagi tempoh dua setengah tahun. Pelaksanaan perintis telah dilaksanakan di Zon Tengah iaitu JKM WPKL dan JKM Selangor serta semua daerah terlibat secara berperingkat-peringkat mulai Ogos 2009. Di samping itu beberapa Change Request

terhadap Iapan modul telah dilaksanakan dengan kos RM120,150.00 sehingga 31 Dis 2010.

Perbincangan awal dengan JKMM mengenai Projek eJKM Fasa 2 telah diadakan pada 21 Oktober 2010. Di samping itu juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ejKM Bil. 1/2011 pada 13 Jan 2011 dan Bil. 2/2011 pada 17 Feb 2011. Maklumbalas serta input yang diperolehi ini digunakan bagi merancang serta menyediakan skop Projek ejKM Fasa 2.

OBJEKTIF PROJEK ejKM

- Memperbanyakkan perkhidmatan on-line.
- Melengkapkan proses kerja dalaman sehingga ke institusi.
- Menyediakan laporan dan statistik tambahan.
- Menyediakan fungsi perhatian dan peringatan.
- Selaras dengan saranan MAMPU semasa membuat lawatan pemantauan iaitu mengkaji semula proses kerja yang boleh diringkaskan dan menggunakan MYKAD/ID sebagai input kepada sistem.

SKOP PROJEK ejKM

- Memperbanyakkan perkhidmatan on-line.
- Melengkapkan proses kerja dalaman sehingga ke institusi.
- Menyediakan laporan dan statistik tambahan.
- Menyediakan fungsi perhatian dan peringatan.
- Selaras dengan saranan MAMPU semasa membuat lawatan pemantauan iaitu mengkaji semula proses kerja yang boleh diringkaskan dan menggunakan MYKAD/ID sebagai input kepada sistem.

BEBERAPA MODUL TAMBAHAN (UTAMA) JUGA DICADANGKAN IAITU:-

- i. Modul Pendaftar Besar
- ii. Modul Penasihat Mahkamah
- iii. Modul Badan Pendamai
- iv. Menggunakan Peruntukan Pembangunan 1st Rolling Plan sebanyak RM 3.6 juta.
- v. Perbelanjaan tahun 2011 sebanyak RM 1 juta dan perbelanjaan tahun 2012 sebanyak RM 2.6 juta.
- vi. Anggaran kos keseluruhan bagi Projek ejKM Fasa 2 adalah RM3.6 juta.

PDKNet

PDK (Pemulihan Dalam Komuniti) atau “community-Based Rehabilitation” merupakan pendekatan pembelajaran yang melibatkan kerjasama antara guru, ibubapa, keluarga dan komuniti tempatan terhadap usaha memulihkan kanak-kanak kurang upaya. Satu program PDKNet telah dibangunkan dalam usaha untuk membantu pembelajaran kanak-kanak kurang upaya menerusi penggunaan teknologi multimedia dan ICT. PDKNet ini telah diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia semenjak tahun 2000 dengan projek perintis melibatkan beberapa pusat PDK di negeri Melaka. Tujuan PDKNet ini adalah untuk membiasakan kanak-kanak OKU dengan teknologi Multimedia dan ICT, dan juga untuk mereka menggunakan PDKNet sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran secara interaktif. Selain itu, perisian PDKNet ini juga diharap akan dapat membantu sebagai salah satu teknik pemulihan penggunaan ICT oleh komuniti.

OBJEKTIF PROJEK PERINTIS PDKNeT ADALAH:

- Mewujudkan portal berinformasi bagi menghubungkan PDK kepada agensi-agensi berkaitan menggunakan rangkaian PDKNet.
- Menyediakan Modul Latihan Berkesan secara multimedia dan internet (web base).

OBJEKTIF KHUSUS

- Membangunkan OKU, Penjaga / Ibubapa, pekerja dan AJK PDK ke arah penggunaan ICT dan teknologi multimedia.
- Mengasah minda OKU dengan sistem Pembelajaran Kreatif.
- Megembangkan minda OKU, penjaga/ibubapa, pekerja-pekerja PDK dan AJK PDK kepada dunia luar melalui internet.
- Membina secara bersepadu rangkaian elektronik antara JKM dengan pelbagai pihak
 - PKMD
 - PDK
 - Ibubapa/penjaga OKU
 - Agensi-agensi kerajaan berkaitan

PROJEK PDKNeT DALAM RMK KE-10

Program Penambahbaikan dan ‘Roll-Out’ PDKNet ke beberapa buah negeri telah diluluskan di dalam RMK Ke-10 sebanyak RM 1.6 juta berasaskan pertimbangan seperti di bawah:-

- Perlaksanaan PDKNet ke seluruh Negeri Melaka telah memberi impak dan kejayaan seperti :-
- Jurang digital di kalangan komuniti PDK berjaya dikurangkan. Ini boleh dilihat secara kualitatif:
 - PDK telah berupaya untuk membangunkan dan memiliki laman web sendiri. Ia mampu mewujudkan rangkaian internet (portal) berinformasi bagi menghubungkan PDK-PDK kepada agensi-agensi berkaitan (rangkaian PDKNet)
 - PDK menggunakan peralatan dan perisian ICT (laptop, projektor, penggunaan emel dan sebagainya) dalam menguruskan PDK masing-masing.
 - Pekerja PDK dengan inisiatif sendiri mula mencari bahan pembelajaran interaktif multimedia yang terdapat di pasaran bagi mempelbagaikan teknik dan bahan pengajaran dan pembelajaran di PDK masing-masing.

- PDK memasarkan produk mereka secara Online melalui internet di portal PDKNet.

- Komuniti PDK telah menggunakan internet untuk berkongsi dan bertukar-tukar maklumat serta pengetahuan mengenai pelbagai perkara dan isu.

Secara kuantitatif, keberkesanan boleh dirujuk dari segi;

- peningkatan masa fokus belajar oleh pelatih PDK,
- peningkatan pelbagai jenis pengetahuan oleh pelatih PDK,
- peningkatan kebolehan menggunakan komputer oleh pelatih PDK,
- dan lain-lain aspek yang telah dijalankan kajiannya.



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PORTAL



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PORTAL

SKOP PROJEK PDKNET

Terbahagi 4 (empat) Skop Projek dalam RMK Ke-10 (1st Rolling Plan):

1. Menghantar, membekalkan dan menyelenggara peralatan dan perisian ICT di PDK.
2. Melaksanakan pembangunan komuniti PDK.
3. Menyelenggara dan menambahbaik portal dan koswer www.pdknet.com.my.
4. Menjalankan kajian impak pelaksanaan PDKNet.

Unit Audit Dalam

Pengenalan

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah ditubuhkan pada 30 Januari 2001. Peranan dan tanggungjawab UAD adalah berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004.

Visi

Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian dan Agensi

Misi

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha Kementerian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan

Objektif

UAD bertanggungjawab untuk melaksanakan pengauditan di 177 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah KPWKM terhadap semua Program dan Aktiviti Kementerian. Audit Dalam merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. UAD menjalankan pengauditan secara bebas dan melaporkan hasil pengauditan tersebut kepada Ketua Setiausaha KPWKM dan pihak yang berkaitan. UAD juga menentukan keberkesanan dan kecekapan semua sistem aplikasi ICT ke semua bahagian di bawah KPWKM.



Fungsi

- Menilai secara teratur dan sistematik operasi Kementerian / Jabatan dari segi kesempurnaan kecekapan dan berekonomi dengan mengesyorkan langkah pembetulan dan tindakan penambahbaikan;
- Memberi pendapat operasi pengurusan kewangan supaya dapat diuruskan dengan teratur serta memastikan dasar, undang-undang dan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi;
- Membantu menguahkan kesempurnaan semua rekod, perakaunan, sistem maklumat pengurusan dan kawalan dalaman;
- Melaporkan hasil pengauditan kepada Ketua Setiausaha Kementerian melalui laporan bebas; dan
- Memberi maklumbalas kepada Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan, Kementerian Kewangan untuk membantu mengkaji dasar umum kewangan, prosedur, sistem dan skop Unit Audit Dalam.


Pencapaian Unit Audit Dalam Bagi Tahun 2011

Rancangan Pengauditan Tahun 2011 memberi tumpuan kepada memantapkan pengurusan kewangan melalui penambahbaikan kawalan dalam selaras dengan visi UAD sebagai agen kecemerlangan bagi memastikan integriti dan akauntabiliti pengurusan kewangan KPWKM. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, UAD telah mengambil tindakan berikut:

- Membuat perbincangan awal dengan PTJ terlibat mengenai penemuan Audit dan bertukar pandangan/ulasan mengenainya.
- Membangkitkan pemerhatian Audit yang seimbang dan perlu dijawab dalam tempoh sebulan.

- Menghantar surat peringatan kepada PTJ yang belum menjawab pemerhatian Audit.
- Membentangkan hasil penemuan Audit secara terperinci dalam.

Sebanyak 8 Pengauditan Pengurusan Kewangan, 2 Pemantauan Indeks Akauntabiliti, 4 Pengauditan Prestasi, 11 Penampilan Audit dan 10 Susulan Audit telah dirancang bagi memastikan sistem pencapaian Perkhidmatan Awam diurus dengan cekap dan berkesan. Berikut adalah Jadual / Graf ringkaskan Rancangan dan Pencapaian Audit Tahun 2011.




RANCANGAN DAN PENCAPAIAN AUDIT TAHUN 2011

JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN DIRANCANG	BILANGAN PENCAPAIAN	PENCAPAIAN (%)
Pengurusan Kewangan	8	8	100
Pemantauan AI	2	2	100
Audit Prestasi	4	3	75
Penampilan Audit	11	11	100
Audit Susulan	10	10	100
Audit Khas	6 kes diterima	6	100
Bengkel Pengurusan Kewangan	6	6	100
JUMLAH	47	46	97

Nota: Satu rancangan Audit Prestasi telah selesai dilaksana dan pelaporan telah dilanjutkan tempoh sehingga tahun 2012.

PENCAPAIAN AUDIT TAHUN 2011



Unit Komunikasi Korporat

Pengenalan

Penubuhan unit ini bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan imej positif Kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur serta memastikan penyebaran maklumat dan mesej sampai kepada khalayak sasar melalui medium perhubungan awam. Unit Komunikasi Korporat (UKK) bertanggungjawab dalam mewujudkan strategik komunikasi yang berkesan menerusi pendekatan program perhubungan awam melibatkan kumpulan sasar Kementerian dan juga masyarakat.

MISI

Sebagai pusat rujukan utama dalam menyalurkan maklumat dan menterjemahkan hasrat Kementerian kepada golongan sasar secara kreatif dan efektif.

VISI

Menjadi medium utama komunikasi yang profesional melalui penyediaan saluran komunikasi pelbagai hala bagi mempromosikan Kementerian.



Objektif

Memelihara dan meningkatkan imej positif Kementerian melalui strategi perhubungan awam (PR) yang teratur dan memastikan penyebaran maklumat dan mesej sampai kepada khalayak sasar melalui kaedah dan medium perhubungan awam.

Fungsi

- Merancang dan menyelaras publisiti, promosi Kementerian serta pengurusan media
- Menyelaras program khidmat pelanggan menerusi aktiviti Hari Bersama Pelanggan
- Urusetia Mesyuarat Koordinasi Media
- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan dan Tinjauan Kepuasan Pelanggan
- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU

Pencapaian Bahagian Komunikasi Korporat Tahun 2011

Pengurusan Media

Sepanjang tahun 2011, terdapat kira-kira 153 program yang telah dianjurkan oleh KPWK oleh KPWK dan memerlukan liputan media. Justeru, pihak UKK telah menyelaras jemputan kepada semua agensi media bagi membuat liputan program-program tersebut yang telah dihadiri oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha KPWK.

Program Outreach

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjalankan hubungan erat dengan masyarakat, pihak Kementerian telah mengadakan Program Outreach yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya mendekati kumpulan sasar yang memerlukan bantuan di samping dapat meningkatkan perkhidmatan Kementerian dan agensi di bawahnya menerusi maklum balas yang diberikan oleh pelanggan.

Antara Program Outreach yang telah diadakan adalah Kempen Kami Prihatin yang telah diadakan di Pusat Pengajian Tinggi seperti di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Gombak dan Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Mantin, Negeri Sembilan. Selain itu, Program Outreach kumpulan sasar KPWK juga telah diadakan ketika Program Jom Heboh di Terengganu, Johor dan Sabah.

Melalui program tersebut, pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan termasuk pameran dari semua agensi di bawah Kementerian serta penglibatan agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO di lokasi program diadakan.

Pengurusan Aduan Awam

Seiring dengan hasrat KPWK iaitu untuk membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan, UKK telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia pengurusan aduan awam peringkat kementerian dan agensi di bawah kementerian. Pemantauan aduan awam dilakukan bertujuan untuk menyelesaikan aduan awam di peringkat jabatan dan agensi. Ini adalah bagi memastikan sistem perkhidmatan kerajaan berjalan dengan teratur dan membantu menyelesaikan setiap aduan yang berkaitan.

Pada tahun 2011, jumlah aduan yang telah diterima oleh KPWK ialah 653, dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 538 atau 82.4 peratus telah berjaya diselesaikan.



HARI BERSAMA PELANGGAN 2011 SEMPENA SAMBUTAN HARI BAPA

Berikut adalah ringkasan aduan yang diterima bagi tahun 2011:

Kementerian (Nama Kementerian)	Agensi	Jumlah Aduan				
		Terima	Dalam Tindakan	Dalam Tindakan %	Selesai	Selesai %
Januari	Kerajaan	18	0	0	18	100
	Swasta					
Februari	Kerajaan	13	6	46	7	54
	Swasta					
Mac	Kerajaan	46	16	35	30	65
	Swasta					
April	Kerajaan	64	15	23	49	77
	Swasta					
Mei	Kerajaan	89	12	13	77	87
	Swasta					
Jun	Kerajaan	76	8	11	68	89
	Swasta					
Julai	Kerajaan	41	24	59	17	41
	Swasta					
Ogos	Kerajaan	130	9	7	121	93
	Swasta					
September	Kerajaan	31	3	9.7	28	90.3
	Swasta					
Okttober	Kerajaan	65	8	12	57	88
	Swasta					
November	Kerajaan	31	7	22.6	24	77.4
	Swasta					
Disember	Kerajaan	49	7	14	42	86
	Swasta					
JUMLAH		653	115	17.6	538	82.4

BAHAN-BAHAN PENERBITAN

Sepanjang tahun 2011, terdapat beberapa bahan penerbitan yang telah diterbitkan oleh KPWK. Antaranya adalah Buku Wanita dan Politik Malaysia, Mengangkat Martabat Wanita, dan Kanak-Kanak Malaysia/The Children of Malaysia manakala bagi penerbitan risalah pula adalah seperti risalah berkenaan Keselamatan Kanak-Kanak dan Risalah Talian Nur.

PROGRAM PROMOSI DAN PENGIKLANAN

Sepanjang tahun 2011, UKK telah menyelaras aktiviti pengiklanan di media-media cetak, elektronik, billboard dan online secara agresif. Di antara perkhidmatan yang diiklankan adalah Talian Nur, 1Azam, Kami Prihatin, Utamakan Keluarga, Sambutan Hari Kumpulan Sasar seperti Hari Ibu, Hari Bapa dan Hari Wanita.

Hasil daripada aktiviti pengiklanan ini, KPWK telah mendapat banyak panggilan dan pertanyaan mengenai produk dan perkhidmatannya.



KPWKM BERSAMA ROTARY MEMPERKASA OKU
'A Climb Beyond Disabilities'
13 - 17 October 2011
Mount Kinabalu, Sabah

Despite the odds
you've reached the peak of Mount Kinabalu!

Congratulations to a fearless team of inspiring individuals on conquering the highest mountain in South East Asia.

You have demonstrated to the world that regardless of physical and mental disabilities, one can go on to accomplish great feats through self-belief and conviction. With courage and passion, all of you have made it to the top! Well done!

Info

Talian Nur 15999
DITUBUHKAN pada 5 Disember 2007 menyediakan perkhidmatan aduan berkenaan agensi KPWK.

Jabatan Kebajikan Masyarakat
■ Konseling dan psikologi
■ Warga emas dan keluarga
■ Sosial ekonomi dan kesejahteraan
■ Orang kurang upaya

Jabatan Pembangunan Wanita
■ Khidmat pengurusan

Lembaga Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
■ Reproduksi manusia

Institut Sozial Negara (ISN)

Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Dalam (IPWAD)
Pada bulan Disember 2009 aduan mengenai pekerja pembiayaan rumah warganegara dan disebutkan sebanyak 2000 aduan, tular bantuan kanak-kanak, childcare plus diperkenalkan.

TALIAN NUR mula diperkenalkan

KERATAN AKHBAR KPWKM MENJAYAKAN 'A CLIMB BEYOND DISABLED'

Unit Urusetia Lembaga Kaunselor

Pengenalan

Urus Setia Lembaga Kaunselor, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diwujudkan hasil penggubalan dan penguatkuasaan Akta kaunselor 1998 (Akta 580). Urus Setia ini bertanggungjawab terhadap semua urusan Lembaga Kaunselor berhubung penguatkuasaan dan pelaksanaan Akta Kaunselor 1998 yang merupakan satu mekanisme untuk mengawal dan membangunkan tahap profesionalisme kaunselor dan perkhidmatan kaunseling di negara ini.

Visi

Menjadikan perkhidmatan kaunseling sebagai penjanaan potensi modal insan ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang maju.

Misi

- Menggubal dasar perkhidmatan kaunseling selaras dengan kehendak semasa
- Mengawal selia tahap perkhidmatan kaunseling selaras dengan dasar dan peraturan-peraturan sedia ada
- Menasihati kerajaan berhubung peranan perkhidmatan kaunseling yang berkualiti
- Mengurus pentadbiran dan rekod profesional kaunselor di Malaysia.



Fungsi Urus Setia Lembaga Kaunselor

Urus Setia lembaga Kaunselor bertindak membantu Lembaga Kaunselor dalam melaksanakan fungsinya sebagaimana peruntukan Akta kaunselor 1998. Peruntukan seksyen 12 Akta Kaunselor 1998 menetapkan 11 fungsi yang perlu dilaksanakan oleh Lembaga Kaunselor. Berdasarkan kepada fungsi-fungsi tersebut Lembaga Kaunselor perlu memainkan peranan dalam :

- Penggubalan dasar yang merangkumi urusan seperti menilai keperluan perkhidmatan kaunseling di Malaysia, menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang didaftarkan di bawah Akta Kaunselor 1998, menentukan tahap latihan kaunseling dan membuat syor kepada kerajaan berhubung dengan tahap perkhidmatan kaunseling.
- Pemantauan dan pengawalseliaan merangkumi urusan menyelia perkhidmatan kaunseling, mengawal-selia latihan dan menentukan jenis dan tahap kaunseling di Malaysia, mengawal-selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor bagi perkhidmatan kaunseling dan mengawal-selia tata kelakuan profesional kaunselor termasuklah menetapkan kod etika bagi kaunselor Malaysia.
- Kerja-kerja operasi seperti mendaftar kaunselor yang berkelayakan, melantik anggota-anggota Lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesi kaunseling dan melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkan Lembaga menjalankan fungsinya dengan berkesan.

Keanggotaan Lembaga Kaunselor

YB Menteri KPWKM telah bersetuju melantik anggota Lembaga Kaunselor bagi sesi 2010 – 2012 berdasarkan peruntukan Seksyen 13(1) Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) berkuat kuasa bagi tempoh 15 Februari 2010 hingga 14 Februari 2012. Anggota-anggota Lembaga Kaunselor yang telah dilantik adalah seperti berikut:

Dato' Dr. Haji Ismail bin Alias Jabatan Perkhidmatan Awam	Presiden	Ahli
Puan Khatijah binti Abdullah Wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia		Ahli
Tuan. Haji Masbah @ Misbah bin Dato' Haji Mohd Taha Wakil Kementerian Pelajaran Malaysia		Ahli
Dr. Sarfraz bin Manzoor Hussain Wakil Kementerian Kesihatan		Ahli
Ustazah Saimah binti Mukhtar Wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia		Ahli
Dr. Aris bin Kasan Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia		Ahli
Encik Razak bin Drahman Wakil Kementerian Dalam Negeri		Ahli
Prof. Dr. Suradi bin Salim Wakil Institusi Pengajian Tinggi		Ahli
Prof. Madya Dr. Fatimah binti Yussoff Wakil Institusi Pengajian Tinggi		Ahli
Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar Wakil Institusi Pengajian Tinggi		Ahli

Jawatankuasa Lembaga Kaunselor

Lembaga Kaunselor telah menubuhkan lima (5) jawatankuasa bagi melaksanakan fungsi Lembaga Kaunselor seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 12 Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

JAWATANKUASA TAHAP KELAYAKAN DAN LATIHAN

Keahlian : Prof. Dr. Suradi bin Salim
Prof. Madya Dr. Fatimah binti Yussoff
Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar

Fungsi :

- Menilai keperluan bagi perkhidmatan kaunseling di Malaysia
- Menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang untuk didaftarkan di bawah Akta Kaunselor
- Menentukan standard program latihan kaunseling.

JAWATANKUASA PENYELIAAN & PEMANTAUAN AMALAN

Keahlian: Prof. Dr. See Ching May
Supt. Ong Ching Lan
Tuan Haji Masbah @ Misbah bin Dato' Taha

Fungsi:

- Menyelia pemberian perkhidmatan kaunseling.
- Mengawal selia latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling yang akan diadakan di Malaysia.
- Mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan kaunselingnya.
- Mengawal selia tatalaku profesi kaunseling, termasuklah menetapkan kod etika bagi profesi kaunseling.

JAWATANKUASA PENYELIAAN & PENERBITAN

Keahlian: Dr. Mohammad Nasir bin Bistamam
Dr. Safraz bin Manzoor Hussain

Fungsi:

- Menilai keperluan kajian yang berkaitan dengan perkhidmatan kaunseling di Malaysia.
- Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian.



AHLI-AHLI LEMBAGA KAUNSELOR

JAWATANKUASA PERHUBUNGAN & KERJASAMA

Keahlian: Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang
Dr. Aris bin Kasan
En. Razak bin Deraman
En. Selvadorai a/l Krisnasamy

Fungsi:
Menjalin hubungan kerjasama dalam merangka dan melaksanakan program-program Lembaga Kaunselor bersama NGO, IPTA/IPTS, Persatuan-persatuan Kaunseling dan Agensi-agensi yang bersesuaian.

JAWATANKUASA PERHUBUNGAN & KERJASAMA

Keahlian: Prof. Madya Dr. Mohamad Fadzil bin Che Din
Puan Khatijah binti Abdullah
Ustazah Saimah binti Mukhtar

Fungsi:
Menyelaras dan melaksanakan program-program Lembaga Kaunselor

Pencapaian Urus Setia Lembaga Kaunselor Bagi Tahun 2011

Secara keseluruhannya, Lembaga Kaunselor KPWKM telah berjaya melaksanakan fungsinya berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Kaunselor 1998 Akta 580 sepanjang tahun 2011 khususnya dalam urusan pendaftaran Kaunselor Berdaftar yang layak, menetapkan standard program latihan kaunselor di IPTA/IPTS, pemantauan dan penyeliaan amalan perkhidmatan kaunseling dan penetapan kod etika kaunselor di Malaysia. Di samping itu juga, Lembaga telah berjaya mendekatkan dan membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat melalui seminar dan bengkel yang diadakan di seluruh negara.

MESYUARAT LEMBAGA KAUNSELOR

Mesyuarat Lembaga Kaunselor merupakan suatu agenda penting yang menghimpunkan semua anggota Lembaga untuk membincangkan pelbagai perancangan aktiviti tahunan, isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang kaunseling dan profesionalisme Kaunselor Berdaftar. Melalui mesyuarat ini juga anggota Lembaga berpeluang untuk bertukar pandangan dan pendapat berkaitan isu-isu dan ilmu-ilmu baru dalam bidang kaunseling. Sepanjang tahun 2011 Lembaga Kaunselor telah mengadakan 8 Mesyuarat Lembaga Kaunselor. Mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

Bil 1/2011	10 Feb 2011	Hotel Quality, Kuala Lumpur
Bil 2/2011	31 Mac 2011	Hotel Legend, Kuala Lumpur
Bil 3/2011	26 April 2011	Hotel Legend, Kuala Lumpur
Bil 4/2011	31 Mei 2011	Hotel Quality, Kuala Lumpur
Bil 5/2011	28 Jun 2011	Hotel Legend, Kuala Lumpur
Bil 6/2011	18 Julai 2011	Hotel Renaissance, K. Lumpur
Bil 7/2011	7 Sept 2011	Hotel Legend, Kuala Lumpur
Bil 8/2011	23 Nov 2011	Aras 3, Wisma Sime Darby

DRAF PINDAAN AKTA KAUNSELOR

Mesyuarat Lembaga Kaunselor telah berjaya menyiapkan draf Pindaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Draf tersebut telah dikemukakan ke Unit Penasihat Undang-undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk tindakan selanjutnya.

PENERBITAN KOD ETIKA KAUNSELOR LEMBAGA KAUNSELOR

Lembaga Kaunselor telah berjaya menerbitkan Kod Etika kaunselor Lembaga Kaunselor yang bertujuan bagi mengawal dan menetapkan garis panduan tata kelakuan kaunselor berdaftar di Malaysia. Usaha ini adalah selaras dengan fungsi Lembaga untuk menyelia perkhidmatan

kaunseling, mengawal-selia latihan dan menentukan jenis dan tahap kaunseling di Malaysia, mengawal-selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor bagi perkhidmatan kaunseling dan mengawal-selia tata kelakuan profesional kaunselor berdaftar.

PENDAFTARAN KAUNSELOR BERDAFTAR DAN PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN AMALAN

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 280 permohonan kaunselor berdaftar telah diterima. Bagi tempoh tersebut juga, sejumlah 365 permohonan bagi Sijil Perakuan Amalan diproses iaitu 286 permohonan bagi pembaharuan dan 79 permohonan baru. Sehingga akhir tahun 2011, seramai 2,294 orang kaunselor telah didaftarkan dan 1,649 orang telah memiliki Sijil Perakuan Amalan.

Jawatankuasa Standard Kelayakan dan Latihan telah berjaya menjalankan 11 sesi pengesahan kelayakan bagi tujuan pendaftaran Kaunselor Berdaftar. Sesi pengesahan tersebut telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Suradi bin Salim. Ahli-ahli panel yang terlibat terdiri daripada Prof. Madya Dr. Fatimah binti Yussoff, Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar, Prof Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang, Prof. Madya. Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din, Tuan Haji Masbah @ Misbah bin Dato' Mohd. Taha dan Dr. Mohammad Nasir bin Bistamam. Bilangan permohonan yang disemak berjumlah 238 . Dari jumlah tersebut, seramai 170 permohonan telah didaftarkan, 62 ditangguhkan pendaftaran dan 6 gagal didaftarkan.

Sesi Pengesahan Kelayakan telah dijalankan mengikut zon iaitu Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang), Zon Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur& Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka), Zon Selatan(Johor), Zon Timur (Kelantan , Terengganu, Pahang) Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Butiran mengenai Sesi Pengesahan Kelayakan adalah seperti berikut : Mulai tahun 2011, Lembaga Kaunselor telah memperkenalkan sistem peperiksaan sebagai syarat bagi mendaftarkan permohonan yang telah ditangguhkan pendaftaran disebabkan pemohon tidak dapat memperbaiki pengetahuan yang boleh memuaskan hati Lembaga khususnya dalam bidang-bidang teori, ujian dan pengukuran serta kerjaya.

Bil 1/2011	21 & 22 Februari 2011	Kuala Lumpur
Bil 2/2011	15 Mac 2011	Kuching, Sarawak
Bil 3/2011	28 & 29 Mac 2011	Kuala Lumpur
Bil 4/2011	11 & 12 April 2011	K. Kinabalu, Sabah
Bil 5/2011	16 Mei 2011	Kuala Lumpur
Bil 6/2011	17 & 19 Mei 2011	Kangar, Perlis
Bil 7/2011	27 Jun 2011	Kuala Lumpur
Bil 8/2011	7 Oktober 2011	Pulau Pinang
Bil 9/2011	11 Oktober 2011	Kuantan, Pahang
Bil 10/2011	18 & 20 Oktober 2011	Kuala Lumpur
Bil 11/2011	14 November 2011	K. Kinabalu, Sabah
Bil 12/2011	24 November 2011	Kuala Lumpur

LAWATAN PEMANTAUAN PROGRAM LATIHAN KAUNSELOR

Lembaga Kaunselor telah menjalankan lawatan pemantauan Program Latihan Kaunselor ke 3 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan 2 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta bagi memastikan program-program yang dilaksanakan menerusi piawai sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga melalui Piawai Kelayakan dan Latihan Kaunselor Lembaga Kaunselor. Butiran lawatan pemantauan adalah seperti berikut :

UNIMAS	Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian	15 Mac 2011
USIM	Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)	13 Mei 2011
KUIN	Sarjana Kaunseling (Perspektif Islam)	18 Mei 2011
OUM	Sarjana Kaunseling	13 Jun 2011
UMS	Sarjana Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)	3 Jun 2011
	Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian (Psikologi Kaunseling)	8 Okt 2011

HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN MQA

Lembaga Kaunselor telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan MQA dan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal MQA yang mana Lembaga Kaunselor bertindak sebagai urus setia. Jawatankuasa ini adalah bertujuan bagi meneliti dan memperakarkan bagi tujuan pengiktirafan program-program kaunseling yang dicadangkan oleh manama IPTA/IPTS di Malaysia. Lembaga Kaunselor diwakili oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang, Prof. Dr Suradi bin Salim, Prof. Dato' Dr. See Ching Mey, Prof. Madya Dr. Fatimah binti Yussoff dan Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA PEMANTAUAN PERINGKAT ZON

Selaras dengan fungsi Lembaga Kaunselor seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 12(a), (h) dan (j) Akta Kaunselor 1998 (Akta 580), Jawatankuasa Pelaksana Pemantau Peringkat Zon telah dicadangkan untuk dilantik bagi tujuan menyelia pemberian perkhidmatan kaunseling, mengawal selia tata kelakuan profesion kaunseling, termasuklah dari aspek pematuhan akta dan peraturan-peraturan semasa, pematuhan kod etika bagi profesion kaunseling dan mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan kaunselingnya.

PEMANTAUAN PERKHIDMATAN KAUNSELING

Bagi memastikan perkhidmatan kaunseling mematuhi Akta Kaunselor 1998 (Akta 580), dua operasi pemantauan telah dijalankan di sekitar Lembah Klang pada tahun 2011. Pemantauan ini adalah selaras dengan bidang tugas AJK yang mana memerlukan mereka melawat ke premis untuk tujuan pemantauan pengurusan dan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling, melaporkan kepada pihak polis jika ada perlanggaran undang - undang dan mengemukakan laporan lengkap tentang hasil pemantauan (termasuk pelanggaran peraturan yang dilakukan oleh kaunselor berdaftar/beramalan) kepada AJK Pemantauan dan Penguatkuasaan Kebangsaan.

PENGGUBALAN GARIS PANDUAN DAN PERATURAN

Sepanjang tahun 2011 ini juga, Jawatankuasa Penyeliaan & Pemantauan Amalan telah menggubal beberapa draf garis panduan bagi tujuan penguatkuasaan. Draf garis panduan yang telah digubal pada sesi ini ialah :

- Draf Garis panduan pelaksanaan, pemantauan dan penguatkuasaan amalan (Akta Kaunselor 1998)
- Draf Garis panduan penetapan dan pengawalseliaan fi bagi perkhidmatan kaunseling

- Draf Tugas kerja Jawatankuasa Penyeliaan Dan Pemantauan Amalan
- Draf Peraturan – peraturan kaunselor kelakuan dan tatatertib 1999 (Pindaan 2010)

Semua draf tersebut telah dikemukakan kepada pihak Penasihat Undang-undang KPWKM untuk tindakan selanjutnya.

SEMINAR KAUNSELING LEMBAGA KAUNSELOR 2011

Rentetan daripada Seminar Kaunseling 1 Malaysia 2010 dan usaha Lembaga Kaunselor untuk menjalin kerjasama dengan organisasi-organisasi serta pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mempunyai hubungan dengan perkhidmatan kaunseling di negara ini, Lembaga Kaunselor telah menganjurkan Seminar Kaunseling Lembaga Kaunselor 2011, pada 17 - 18 Julai 2011 bertempat di Renaissance Hotel, Kuala Lumpur yang bertujuan untuk menyediakan wadah bagi menggembungkan tenaga dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat. Seramai 300 orang peserta dari seluruh negara telah menghadiri seminar ini.

JARINGAN KERJASAMA DENGAN IPTA

Bagi memantapkan lagi bidang kaunseling Malaysia, Lembaga Kaunselor telah menubuhkan Jawatankuasa Perkongsian Profesional yang dianggotai oleh beberapa orang ahli Lembaga dan wakil-wakil dari IPTA yang menawarkan program kaunseling di peringkat sarjana dan kedoktoran. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang. Sepanjang tahun 2011 jawatankuasa ini menumpukan usaha bagi mewujudkan satu pangkalan data kajian dan penulisan berkaitan dengan kaunseling. Lembaga mendapat kerjasama Institut Sosial Malaysia untuk menggunakan sistem SPDIIS di ISM bagi tujuan tersebut.

PENUBUHAN JAWATANKUASA KAUNSELING PERINGKAT NEGERI

Berdasarkan isu dan cadangan-cadangan semasa kolokium Seminar Kaunseling 1 Malaysia 2010, Lembaga Kaunselor telah menubuhkan pasukan kaunselor di setiap negeri yang berperanan sebagai jentera

atau mekanisme bagi membantu Lembaga untuk menyampaikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat akar umbi di mana perkhidmatan kaunseling diperlukan. Seramai 300 orang kaunselor berdaftar dan pengalaman kesihatan mental lain telah menyertai pasukan ini di seluruh negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Kaunselor. Pengurus-pengerusi di setiap negeri adalah seperti berikut:

Dato' Dr. Haji Ismail bin Alias	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tuan Haji Masbah @ Misbah bin Dato' Haji Mohd Taha	Terengganu
Dr. Aris bin Kasan	Selangor
Dr. Sarfraz bin Manzoor Hussain	Sembilan
Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar	Kelantan
Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang	Kedah & Perlis
Prof. Dato' Dr. See Ching Mey	Pulau Pinang
Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din	Pahang
Dr. Mohammad Nasir bin Bistamam	Perak
Encik Selvadorai a/l Krisnasamy	Johor
SUPT. Ong Chin Lan	Melaka

PROGRAM PSYCHO-EDUCATIONAL DAN KEMAHIRAN BARU SOSIAL

Lembaga Kaunselor melalui Jawatankuasa Kaunseling Peringkat Negeri telah berjaya melaksanakan 11 program psiko-pendidikan dan kemahiran baru sosial. Seramai 2,500 orang peserta mendapat manfaat hasil daripada pelaksanaan program tersebut. Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

Selangor	18 & 19 Jun 2011	Kuala Lumpur	16 Ogos 2011
Pahang	23 Jun 2011	Pulau Pinang	18 Ogos 2011
Terengganu	25 Jun 2011	Johor	01 Okt 2011
Kedah & Perlis	26 Jun 2011	Melaka	22 Okt 2011
Kelantan	26 Julai 2011	N. Sembilan	31 Okt 2011



LAWATAN AKREDITASI KOLEJ NEW ERA

Sekretariat Pembelaan & Pemerkasaan Wanita Islam (SENADA)

Pengenalan

Sekretariat Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam (SENADA) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah banyak menyumbang dalam membela dan memperkasa isu-isu yang berkaitan dengan wanita Islam di Malaysia. Pada tahun 2011, SENADA telah melaksanakan program-program yang melibatkan warga KPWK, generasi muda, kakitangan awam dan swasta, NGO, penduduk kampung, delegasi luar negara serta promosi berkaitan fungsi SENADA ke seluruh Malaysia.

SENADA, bersama-sama Majlis Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam (MPPWI) yang telah ditubuhkan pada 16 April 2010 melaksanakan pelbagai program bagi menyebarluas pengetahuan berkenaan kesedaran dan hak kepada wanita Islam dalam menjalankan advokasi di peringkat negeri. MPPWI diketuai oleh Pengurus (Amirah) dan Naib Pengurus (Naib Amirah) yang dilantik oleh Menteri KPWK.

Visi

Menjadi peneraju utama dalam memartabat, membela dan memperkasa wanita Islam supaya berpengetahuan tinggi, berdaya saing dan berperanan dalam pembentukan keluarga.

Misi

Memperkuuhkan pengetahuan wanita Islam ke arah peningkatan kesejahteraan sosial dan membentuk jaringan usahasama dalam mengarusk perdanakan wanita Islam.



Objektif

- Memastikan tidak wujudnya sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita Islam melalui peranan advokasinya dalam mempengaruhi pengubahan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan di negara ini;
- Menghalusi implikasi pelaksanaan dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut terhadap hak-hak, pembangunan dan kebajikan wanita Islam
- Meningkatkan pemerkasaan wanita Islam melalui inisiatif dan program-program berkaitan dengan hak-hak, akses dan peluang pembangunan diri serta keluarga di semua peringkat dan dalam pelbagai bidang.

Strategi

- Meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan wanita Islam melalui pengajuran program-program ilmiah khususnya dalam memahami hak-hak wanita.
- Mengadakan jaringan usahasama dan perbincangan berterusan bersama beberapa agensi-agensi kerajaan berkaitan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
- Menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat bagi membantu wanita Islam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- Menyebarluaskan informasi dan isu-isu berkaitan wanita Islam melalui media sosial Facebook, Twitter dan Blog SENADA.
- Menyediakan ulasan berhubung isu-isu wanita Islam bagi membantu KPWK sentiasa ke hadapan dan bertindak seiring peredaran zaman.

Pencapaian SENADA Pada Tahun 2011

PROGRAM TRANSFORMASI GENERASI MUDA 1MALAYSIA

Program ini bertujuan melatih dan mendidik generasi muda berkenaan ciri-ciri kepimpinan masa kini agar mereka menjadi pemimpin yang berkualiti dan berdaya saing pada masa hadapan. Ianya dijalankan sebanyak 4 kali sepanjang tahun 2011 seperti berikut:

- 19 hingga 21 Januari 2011 di Pusat Latihan dan Rekreasi FELCRA Tebing Tinggi, Segamat, Johor melibatkan 100 peserta berumur lingkungan 18 hingga 25 tahun dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sekitar negeri Johor.
- 28 Februari hingga 2 Mac 2011 di D'Village Air Keroh Resort, Melaka melibatkan seramai 106 orang peserta berumur lingkungan 18 hingga 25 tahun dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sekitar negeri Melaka.
- 26 hingga 28 Mei 2011 di The Regency Jerai Hill Resort, Gurun, Kedah melibatkan seramai 100 orang peserta berumur lingkungan 18 hingga 25 tahun dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sekitar negeri Kedah.
- 9 hingga 11 Disember 2011 di The Regency Tanjung Tuan Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan melibatkan seramai 102 orang peserta berumur lingkungan 18 hingga 25 tahun dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sekitar Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan.

KULIAH TAFSIR AL-QURAN

Diadakan setiap bulan sepanjang tahun 2011. Kuliah disampaikan oleh tokoh ilmuwan terkenal iaitu YBhg. Dato' Dr. Fatma Azzahra binti Mohd Ramadhan. Kuliah dijalankan selepas waktu pejabat

selama dua jam bagi setiap kuliah. Peserta terdiri daripada warga KPWK dan agensi serta lain-lain kementerian.

PROGRAM SENADA BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT

Melibatkan penduduk kampung di Kerdau, Pahang dan Merlimau, Melaka pada bulan Mac 2011. Program ini merupakan program bersama MPPWI Negeri Pahang dan MPPWI Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Sembang Petang dan gotong royong.

PROGRAM BERAMBEH DAN JALINAN SENADA NEGERI SARAWAK

Diadakan pada bulan April 2011, program ini merupakan program kemasyarakatan bersama penduduk setempat di Negeri Sarawak. Antara bahagian yang terlibat adalah Kuching, Mukah, Miri, Sri Aman, Limbang dan Lingga. Seramai 500 orang penduduk kampung dari setiap bahagian terlibat dalam menjayakan program ini. Aktiviti yang dijalankan adalah Jom Berambeh, Sembang Petang dan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat.

SEMINAR KEPIMPINAN WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dilaksanakan pada 29 April 2011 di ISTAC, Kuala Lumpur dengan kerjasama NIEW, KPWK dan dirasmikan oleh Menteri KPWK Masyarakat. Seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah menyertai seminar berkenaan ciri-ciri kepimpinan wanita berlandaskan agama Islam.

MAJLIS TAHLIL UNTUK MANGSA KEJADIAN TANAH RUNTUH DI HULU LANGAT

Berlangsung pada 30 Jun 2011. Mangsa kejadian tanah runtuh merupakan penghuni Rumah Anak-anak Yatim dan Anak-anak Kebajikan Madrasah al-Taqwa, Hulu Langat, Selangor. Majlis bacaan Yasin dan tahlil serta solat berjemaah telah diadakan melibatkan penghuni rumah anak yatim dan warga KPWK.

JARINGAN USAHASAMA DAN ADVOKASI SENADA

Merupakan siri jelajah SENADA ke seluruh Malaysia bertujuan untuk memberi penerangan kepada kumpulan sasar tentang fungsi SENADA serta penyediaan kaunter khidmat nasihat dan rundingcara berkenaan aduan sivil dan syariah. Antara program yang melibatkan SENADA adalah:

- Kembara Nur KPWK di Slim River, Perak (14 Julai 2011)
- Kembara Nur KPWK di Jeli, Kelantan (21 Julai 2011)
- Kembara Nur KPWK di Kuala Perlis, Perlis (9 Oktober 2011)
- Karisma Wanita di Balik Pulau, Pulau Pinang (15 Oktober 2011)
- Pameran Karnival Wanita IUPNM di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) (23 September 2011)

KUNJUNGAN DELEGASI NATIONAL COMMISSION ON MUSLIM FILIPINOS KE KPWK

Kunjungan diadakan pada 20 Julai 2011 diketuai Puan Bai Omera Dianalan-Lucman, Setiausaha National Commision On Muslim Filipinos. SENADA bersama Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWK mengadakan perbincangan bersama delegasi berkenaan isu-isu wanita Islam di Malaysia dan Filipina.

FORUM KEPIMPINAN WANITA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Telah diadakan pada 22 Julai 2011 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan kerjasama NIEW, KPWK. Program dirasmikan oleh Menteri KPWK dan dihadiri oleh 2,000 orang penonton.

PROGRAM RAMADHAN NUR KAREEM 1432H

Program ini dijalankan sepanjang bulan Ramadhan tahun 2011 melibatkan masjid-masjid di 14 buah negeri seluruh Malaysia. Majlis berbuka puasa, solat berjemaah dan solat tarawikh bersama penduduk kampung telah diimamkan oleh imam jemputan dari Syria. Seramai 500 orang

penduduk kampung dari setiap negeri telah menyertai program ini dengan kerjasama MPPWI seluruh Malaysia.

KARISMA AL-FURQANI

SENADA bekerjasama dengan Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara, KPWK mengajukan program berkenaan pada 27 hingga 28 November 2011. Peserta yang terlibat adalah 600 orang pelajar Tahfiz dari madrasah dan sekolah seluruh Malaysia. Program telah dirasmikan oleh Menteri KPWK. Pengisian program seperti perkongsian ilmu bersama Pengasas Imam Muda dan Imam Muda jemputan serta majlis bacaan Yasin dan solat hajat turut dilaksanakan.

Penyediaan Ulasan/Artikel Berhubung Isu-isu Wanita Islam

SENADA juga telah menyediakan beberapa ulasan berkenaan isu-isu yang dipaparkan di media cetak dan elektronik berkaitan wanita Islam. Ulasan SENADA akan dimuatnaik ke dalam Blog SENADA, Twitter dan Facebook untuk bacaan umum. Antara ulasan yang disediakan oleh SENADA adalah:

- Ulasan Kepada Kenyataan Akhbar Bertajuk 'Sorok Waris Dorong Penipuan Harta Pusaka'
- Ulasan 'Muslim Women Group Urge Govt To Consider Setting Up New Body'
- Ulasan Keratan Akhbar 'Undang-Undang Syariah Tidak Benar Lelaki Tukar Status Jantina'
- Ulasan Akhbar 'Berkahwin Sempurnakan Iman'

Khidmat Nasihat Dan Rundingcara

SENADA telah menerima sejumlah 229 aduan/ kes sepanjang tahun 2011. Jenis aduan/ kes dibahagikan kepada Kategori Syariah, Kategori Sivil dan Kategori Kebajikan/ Lain-lain. SENADA berfungsi menyediakan bantuan dari segi khidmat nasihat dan rundingcara kepada pengadu yang hadir. Sumber aduan adalah menerusi perjumpaan, emel, surat, telefon, blog SENADA, Twitter, Facebook dan rujukan daripada Pejabat Menteri KPWK. Kesemua aduan yang diterima telah diberikan maklumbalas dan tindakan. Pecahan aduan yang diterima setiap bulan adalah seperti berikut:

Statistik Penerimaan Aduan Dari Bulan Januari Hingga Disember 2011

BIL.	BULAN	ADUAN SYARIAH	ADUAN SIVIL	ADUAN KEBAJIKAN/LAIN-LAIN	JUMLAH
1.	JANUARI	7	2	2	2
2.	FEBRUARI	11	1	2	1
3.	MAC	12	4	4	4
4.	APRIL	7	4	3	4
5.	MEI	15	11	-	11
6.	JUN	12	7	4	7
7.	JULAI	8	9	3	9
8.	OGOS	18	4	1	4
9.	SEPTEMBER	15	11	1	11
10.	OKTOBER	9	13	-	13
11.	NOVEMBER	17	-	7	-
12.	DISEMBER	4	1	-	1
	JUMLAH	135	67	27	67



FORUM KEPIMPINAN WANITA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sumber Penerimaan Aduan Dari Bulan Januari Hingga Disember 2011

BIL.	BULAN	SUMBER						
		TELEFON	EMEL	SURAT	PERJUMPAAN	RUJUKAN	BLOG	JUMLAH
1.	JANUARI	2	2	2	4	1	-	11
2.	FEBRUARI	2	1	4	1	4	2	14
3.	MAC	7	2	2	2	7	-	20
4.	APRIL	5	1	2	1	4	1	14
5.	MEI	16	8	-	1	1	-	26
6.	JUN	11	2	2	7	1	-	23
7.	JULAI	5	10	4	1	-	-	20
8.	OGOS	9	10	2	2	-	-	23
9.	SEPTEMBER	13	10	1	2	1	-	27
10.	OKTOBER	5	15	1	1	-	-	22
11.	NOVEMBER	7	4	10	3	-	-	24
12.	DISEMBER	1	4	-	-	-	-	5
	JUMLAH	83	69	30	25	19	3	229

Tempoh Penyelesaian Aduan Dari Bulan Januari Hingga Disember 2011

BIL.	BULAN	1-3 HARI	4-7 HARI	>7 HARI	JUMLAH
1.	JANUARI	7	3	1	11
2.	FEBRUARI	14	-	-	14
3.	MAC	17	2	1	20
4.	APRIL	12	2	-	14
5.	MEI	23	2	1	26
6.	JUN	20	2	1	23
7.	JULAI	19	1	-	20
8.	OGOS	20	3	-	23
9.	SEPTEMBER	26	-	1	27
10.	OKTOBER	17	3	2	22
11.	NOVEMBER	24	-	-	24
12.	DISEMBER	4	-	1	5
	JUMLAH	203	18	8	229

Objektif

Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan kepada Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya berhubung dengan semua perkara melibatkan undang-undang yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya;

Menyemak, menggubal dan meluluskan semua dokumen perundangan seperti perjanjian, memorandum persefahaman, minit perbincangan dan lain-lain yang mempunyai implikasi perundangan kepada Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya;

Menyemak, menggubal dan membuat semakan semula pelantikan dan lain-lain yang bersangkutan dengan akta-akta yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya;

Mengendalikan dan memantau kes Mahkamah yang melibatkan Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya;

Memantau pelaksanaan perjanjian atau dokumen perundangan yang lain;

Memberikan ceramah dan penerangan mengenai perkara-perkara perundangan yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya; dan

Menangani aduan atau pertanyaan yang dibuat oleh orang awam yang melibatkan undang-undang yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

Penasihat Undang-Undang

Pengenalan

Unit Penasihat Undang-Undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk memertabatkan profesion kaunselor dan perkidmatan kaunseling yang dapat memberikan sumbangan kepada individu, masyarakat dan Negara melalui perkhidmatan kaunseling yang mempunyai tahap piawaian selaras dengan keperluan Negara. Unit ini memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan mengikut tahap kualiti dan kaedah yang betul serta memastikan semua perkhidmatan kaunseling dilaksanakan oleh kaunselor yang berkelayakan dan bertauliah mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada.

Visi

Visi Unit Penasihat Undang-Undang ialah untuk menjadi suatu Unit yang berwibawa dalam memberi nasihat undang-undang yang berkualiti tinggi kepada kerajaan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Malaysia.

Misi

- Diiktiraf kerana kecekapan, profesionalisme dan responsif dalam memberi nasihat perundangan; dan
- Mampu dalam membuat keputusan bernes yang mengambil kira kepentingan awam, keadilan dan manfaat yang berterusan kepada negara



Pencapaian Unit Penasihat Undang-Undang Bagi Tahun 2011

RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN 2011)

Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan 2011) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 4 Oktober 2011 dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011. Rang Undang-Undang ini kini sedang menunggu perkenan daripada Yang diPertuan Agong sebelum diwartakan serta perintah penetapan tarikh kuatkuasa oleh YB Menteri KPWKM.

PENGGUBALAN PERATURAN BARU DI BAWAH AKTA KPWKM DAN AGENSI-AGENSI DI BAWAHNYA.

P.U (A) 250/2011 Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak Kesalahan 2011 dan P.U (A) 253/2011 Peraturan (Pengkompauan Kesalahan) 2011 siap digubal dan dikuatkuasakan pemakaianya pada 15 Ogos 2011

PENGGUBALAN PEWARTAAN DI BAWAH AKTA DI BAWAH KEMENTERIAN DAN AGENSI-AGENSI DI BAWAHNYA.

Pewartaan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]

- P.U(B) 266/2011 Penetapan dan Pembatalan Tempat Tahanan.
- P.U(B) 481/2011 Penetapan dan Pembatalan Tempat Selamat
- P.U(B) 510/2011 Pelantikan Pegawai Akhlak.
- P.U(B) 524/2011 Pelantikan Pelindung.
- P.U(B) 530/2011 Pelantikan Pelindung.
- P.U(B) 531/2011 Pelantikan Pegawai Akhlak.

Pewartaan-pewartaan di bawah Akta-Akta yang dinyatakan ini telah digubal dan diwartakan mengikut no P.U(B) yang telah ditetapkan. Bagi memantapkan lagi penguatkuasaan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, seramai 67 orang Pegawai Kebajikan Masyarakat telah diwartakan sebagai Pelindung dan 66 orang telah diwartakan sebagai Pegawai Akhlak. Di samping itu, bagi menaiktaraf akan keperluan Tempat Perlindungan kepada kanak-kanak yang ditahan dan memerlukan perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, satu tempat telah diwartakan semula sebagai Tempat Selamat yang baru dan satu tempat telah diwartakan semula sebagai Tempat Tahanan yang baru.

Pewartaan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]

- P.U(B) 103/2011 Pelantikan Penolong Pendaftar.
- P.U(B) 106/2011 Pembatalan Pelantikan Ketua Pendaftar.
- P.U(B) 102/2011 Pembatalan Pelantikan Pendaftar.
- P.U(B) 501/2011 Pelantikan Ketua Pendaftar.
- P.U(B) 502/2011 Pelantikan Pendaftar.

Berikutan pembatalan seorang Ketua Pendaftar dan seorang Pendaftar serta untuk memantapkan lagi pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008, seramai seorang telah diwartakan sebagai Ketua Pendaftar, 3 orang sebagai Pendaftar dan 9 orang sebagai Penolong Pendaftar yang terdiri dari Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Pewartaan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]

- P.U(B) 532/2011 Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa.
- P.U(B) 533/2011 Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa.

Berikutan pembatalan seorang Ketua Pendaftar dan seorang Pendaftar serta untuk memantapkan lagi pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008, seramai seorang telah diwartakan sebagai Ketua Pendaftar, 3 orang sebagai Pendaftar dan 9 orang sebagai Penolong Pendaftar yang terdiri dari Pegawai Kebajikan Masyarakat. Manakala bagi memantapkan lagi penguatkuasaan dan pendakwaan di bawah Akta Taman Asuhan kanak-kanak 1984, seramai 68 Pegawai Kebajikan Masyarakat telah diwartakan sebagai Pegawai Diberi Kuasa.

Pewartaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]

- P.U(B) 248/2011 Pengecualian di bawah Seksyen 23.
- P.U(B) 509/2011 Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa.
- P.U(B) 525/2011 Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa.

Untuk memantapkan lagi penguatkuasaan dan pendakwaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993, seramai 66 Pegawai kebajikan masyarakat telah diwartakan sebagai Pegawai Diberi Kuasa. Selain itu juga, bagi mendekati dan memberikan perlindungan kepada golongan gelandangan, satu pengecualian telah diwartakan agar Yayasan Kebajikan Negara dapat mengendalikan Anjung Singgah.

BICARA SEMAKAN KES SEBATAN KANAK-KANAK DI BAWAH AKTA KANAK-KANAK 2001 [AKTA 611] DI MAHKAMAH TINGGI ALOR SETAR, KEDAH

- Mahkamah Tinggi Alor Setar Semakan Jenayah: 43-15-09/2011 (Mahkamah Majistret Alor Setar Kes Tangkap No: 84-17-2011)
Pendakwa Raya Lawan.Soon Lay Xung

- Mahkamah Tinggi Alor Setar Semakan Jenayah: 43-16-09/2011 (Mahkamah Majistret Alor Setar Kes Tangkap No: 84-18-2011)
Pendakwa Raya Lawan. Mohd Zuhdi Anwar Bin Mohamad
- Mahkamah Tinggi Alor Setar Semakan Jenayah : 43-17-09/2011 (Mahkamah Majistret Alor Setar Kes Tangkap No: 84-16-2011)
Pendakwa Raya Lawan.Muhamad Khairul Azman Bin Ismail
- Mahkamah Tinggi Alor Setar Semakan Jenayah: 43-18-09/2011 (Mahkamah Majistret Alor Setar Kes Tangkap No: 84-33-06/2011)
Pendakwa Raya Lawan.Mohammad Atif Bin A'uzair

MENGANJURKAN PROGRAM KESEDARAN UNDANG- UNDANG KEPADA KUMPULAN SASAR KPWKM DENGAN KERJASAMA DARI SENADA, KPWKM DAN JABATAN BANTUAN GUAMAN PAHANG.

Unit Penasihat Undang-Undang KPWKM telah menganjurkan sebuah seminar kesedaran Undang-Undang: "Tuntut Cerai, Tuntut Harta: senang atau susah?" pada 24 Mei, 2011 yang dihadiri oleh 250 orang peserta di Dewan UiTM Pahang Kampus Jengka.

PENCERAMAH ATAU FASILITATOR UNTUK BENGKEL UNDANG-UNDANG AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DAN AKTA PUSAT JAGAAN BAGI PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN.

Unit Penasihat Undang-Undang KPWKM memberikan input atau penjelasan serta latihan berkaitan dengan penguatkuasaan, siasatan, pendakwaan, hak dan tanggungjawab pegawai yang menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].



Agensi/ Jabatan

- JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)
- JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)
- LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
- INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)
- INSTITUT PENGUPAYAAN WANITA BAGI ANGGOTA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NIEW)



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Pengenalan

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sejak tahun 1990. Ianya diwujudkan di bawah kuasa yang diperuntukan P.U (A) 35, Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 dan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2000. Pada 27 Mac 2004 JKM telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Visi

Masyarakat Sejahtera dan Penyayang

Misi

Membangun Masyarakat Ke Arah Kesejahteraan

Piagam Pelanggan

Kebajikan Anda 
Komitmen Kami

Kami berjanji untuk memberi perkhidmatan berkualiti dengan mesra dan berintegriti berlandaskan teras utama iaitu perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasikan bagi kumpulan sasar seperti berikut:


- Kanak-kanak
- Orang Kurang Upaya
- Warga Emas
- Keluarga
- Orang Papa
- Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)
- Mangsa Bencana

Objektif

- Memberi perlindungan pemulihan dan kepada kumpulan sasar Jabatan
- Membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari.
- Mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang
- Meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang professional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.

Carta Organisasi

KETUA KEBAJIKAN MASYARAKAT



Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA)

Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia dibawah pengurusan KPWKm telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta memastikan tiada kelompok rakyat yang tercincir daripada menikmati faedah pembangunan dan kemakmuran negara.

Melalui KAR1SMA, sebanyak RM1.4 bilion diperuntukkan kepada 469,000 orang penerima bantuan kebajikan masyarakat serta program pembangunan kumpulan sasar KPWKm. Ini merangkumi peruntukan sebanyak RM290 juta bagi KAR1SMA kanak-kanak, RM332 juta bagi KAR1SMA orang kurang upaya, RM455 juta KAR1SMA bagi warga emas, dan RM303 juta bagi membiayai program-program kemasyarakatan di peringkat komuniti. Di bawah KAR1SMA ini juga, satu kategori baru bantuan kewangan diperkenalkan bagi bala anggota tentera dan polis yang layak, melibatkan peruntukan sebanyak RM4.1 juta. Skim ini diperkenalkan sebagai pengiktirafan Kerajaan ke atas jasa dan

pengorbanan anggota tentera dan polis menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Di bawah program KAR1SMA ini, pelbagai perkhidmatan disediakan kepada kumpulan sasar iaitu bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di institusi, pusat jagaan harian, Program Ziarah dan Bantu, insentif OKU produktif, Job Coach, latihan kemahiran kepada ibu tunggal dan golongan wanita, pemeriksaan kesihatan dan mamogram, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan perkhidmatan TASKA serta inisiatif kebajikan produktif.

Program KAR1SMA yang holistik dan bersepadan ini diyakini dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan Kerajaan kepada rakyat yang memerlukan. Program ini merupakan manifestasi komitmen Kerajaan dalam memastikan semua rakyat yang memerlukan mendapat pembelaan dan tidak terpinggir daripada arus perdana pembangunan negara.



Pencapaian Bagi Tahun 2011

Bahagian Kanak-Kanak

- Bengkel Penilaian Laporan Akhlak dan Pelindung pada 18-21 Feb 2011
- Program Naziran & pengujian Asas Fardhu Ain di Institusi Kanak-Kanak pada bulan Feb hingga Julai 2011
- Seminar Pendayaupayaan Perkhidmatan Kanak-Kanak dan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak kepada NGO Peringkat Negeri Johor pada 29 Februari 2011
- Mesyuarat Penempatan Anak Pelihara pada bulan Februari, Mei, Jun, Julai September dan November
- Program Naziran Vokasional di Institusi Kanak-Kanak pada bulan Mac hingga Julai 2011
- Majlis perasmian Rumah Kanak-Kanak (RKK) Sultanah Hajjah Kalsom, Kuantan sebagai pusat kecemerlangan kanak-kanak peringkat rantau ASEAN pada 4 April 2011
- Bengkel Penilaian Laporan Akhlak dan Pelindung pada 6-8 April
- Majlis Pelancaran Taska 1Malaysia oleh Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pada 11 April 2011
- Bengkel Penambahbaikan Sistem Pengurusan Klien (CMS) Institusi Kanak-Kanak pada 11-15 April 2011 dan 28-30 April 2011
- Mesyuarat Projek Management pada 9 - 13 Mei 2011
- Bengkel Pemurnian Piagam Pelanggan Institusi Kanak-Kanak pada 12 Mei 2011
- Sambutan Hari Susu Sedunia 2011 kerjasama antara JKM dan Dutch Lady Sdn Bhd pada 29 Mei 2011
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengiktirafan TASKA 1Malaysia sebanyak dua kali iaitu Bil. 1/2011 pada 30 Mei 2011 dan Bil 2/2011 pada 12 September 2011

- Bengkel Penyediaan Prosedur Kualiti Urus dan Arahan Kerja Sistem Pengurusan Kualiti (Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak) MS ISO 9001:2008 pada 30 Mei-3 Jun
- Kursus junior baker pada 13-22 jun 2011
- Bengkel Pemantapan Garis Panduan TASKA 1Malaysia pada 14-15 Jun 2011
- Program *Training of Trainers* pada 6-8 Jun dan 1-7 Oktober
- Program iftar ramadhan pada 20 Ogos 2011 di Asrama Akhlak Sentosa
- Permohonan anak pelihara melalui atas talian (*online*) mulai 1 September 2011 hingga 31 Disember 2011
Kursus Vocational Training Officer (VTO) Secara *Fast Track* pada 19 September 2011
- Program kerjasama JKM, Dutch Lady Sdn Bhd dan TESCO dalam meningkatkan perkhidmatan serta menjamin kepuasan kanak-kanak di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak pada 29 September 2011
- Majlis Penyerahan Cek Kepada Pusat Aktiviti Kanak-Kanak hasil Sumbangan Dutch Lady dan TESCO 29 September 2011
- Kursus Jahitan (Sistem Latihan Dual Nasional) pada Oktober 2011 – September 2012
- Taklimat Promosi Persijilan Kemahiran Malaysia dan SLDN pada 4 Oktober 2011
- Kursus Jahitan (Lanjutan) pada 10-11 Oktober 2011
- GMAW PROCESS 2 pada 10 Oktober – 14 Oktober 2011
- Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia (HKKS) Peringkat Kebangsaan tahun 2011 pada 22 Oktober 2011 dirasmikan oleh YB Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

- Kursus Team Building Tenaga Pengajar Kemahiran pada 29 November – 1 Disember 2011
- Bengkel Ketua Institusi dan Penyelaras Kanak-Kanak Negeri JKM pada 5-8 Disember 2011
- Bengkel majlis perwakilan kanak-kanak pada 19-21 Disember 2011

- Program Naziran Di Institusi Kanak-Kanak sepanjang tahun
- Projek Singgahan Kasih Maybank sepanjang tahun
- Gabungan Asrama Akhlak Kuching dan Sekolah Tunas Bakti Kuching
- Perpindahan STB (P) Miri ke Kuching



HARI KANAK-KANAK 2011

Bahagian Kaunseling Dan Psikologi

Sepanjang tahun 2011, bilangan kes yang dirujuk kepada Bahagian Kaunseling dan Psikologi dikategorikan kepada empat jenis perkhidmatan iaitu Kaunseling Komuniti sebanyak 26,275 kes, Kaunseling Organisasi sebanyak 2,775 kes, Kaunseling Institusi sebanyak 7,994 kes dan Bengkel Interaktif sebanyak 1,351 kes.

Selain itu Bahagian turut menganjurkan program-program berikut:

- Mesyuarat Persidangan Kes Bengkel Interaktif bersama pakar rujuk UKM pada 25 Januari 2011 dan 11 Nov 2011
- Mesyuarat Kes Bengkel Interaktif, JKM 28 Januari 2011, 28 Februari 2011, 2-4 Mac 2011, dan 27-29 April 2011
- Mesyuarat Kajian Kefungsian Kanak-Kanak dalam keluarga yang tamat mengikuti Bengkel Interaktif bersama Penyelaras Negeri dan Bahagian Kanak-Kanak pada 14 Februari 2011

- Kursus Pengurusan Intervensi Krisis di Pusat Pemindahan Bencana pada 14-17 Mac 2011
- Bengkel Pengurusan Kes Bengkel Interaktif pada 2-4 Mac dan 27-29 April 2011
- Kaunseling Institusi Persidangan Kes Kaunseling Institusi Kanak-Kanak JKM pada 24-25 Mac 2011
- Bengkel Pembangunan Modul Kaunseling Organisasi pada 4-6 April 2011, 20-22 April 2011, 11-13 Mei 2011,
- Kursus Pemantapan Aplikasi Ujian Psikologi Bengkel Interaktif pada 18-20 Mei 2011, 28-30 Jun 2011, 21-23 September 2011
- Kursus TOT Pemotoran Zon Utara pada 18-20 Mei 2011, 25-27 Mei 2011, 1-3 Jun 2011 dan 15-17 Jun 2011
- TOT Modul Psikoterapi Kanak-Kanak pada 25-27 Mei 2011 dan 27 Nov - 1 Disember 2011
- Persidangan Pegawai Psikologi Institusi Kanak-Kanak JKM pada 28 Julai 2011

- Modul ProMPT dan Modul Kelompok Sokongan pada 26-29 September 2011
- Bengkel TOT Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan di dalam Organisasi pada 12-14 Oktober 2011
- Bengkel TOT EQ Cemerlang pada 19-21 Oktober 2011
- Bengkel TOT Badan Pendamai pada 1-4 November 2011
- Bengkel TOT Intervensi Konflik Keluarga dan Perkahwinan dalam Organisasi pada 1-4 November 2011
- Bengkel Pemantapan Pembimbing Rakan Sebaya institusi JKM, pada 14 -16 Nov 2011
- Bengkel TOT (Training of Trainer) Modul Kepimpinan dan Penyeliaan Berkesan pada 14-16 November
- Bengkel Pengurusan kes kaunseling keluarga pada 12-14 Disember 2011

Unit Khidmat Pengurusan Kewangan Dan Perolehan

Pada tahun 2011, Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak RM 1,574,653,677.70 di mana pecahan peruntukan dan pencapaian keseluruhannya adalah seperti berikut:

Item	Jumlah Peruntukan (Dipinda) RM	Jumlah Perbelanjaan Sebenar RM	Peratus %
Belanja Mengurus	256,455,669.70	271,040,447.56	105.69
Dasar Baru	5,182,700.00	4,915,100.57	94.84
One-Off	1,309,781,140.00	1,294,873,286.43	98.86
Peruntukan Khas B11	2,400,000.00	2,400,000.00	100.00
Perbelanjaan Pembangunan	834,168.00	759,436.00	91.04
JUMLAH KECIL	1,574,653,677.70	1,573,988,270.56	99.96

Unit Pentadbiran Am Dan Pengurusan Sumber Manusia

Urusan Perkhidmatan Bagi Pegawai Dan Kakitangan Tahun 2011

Bil.	Perkhidmatan	Jumlah
1	Melapor diri	154
2	Pengesahan pelantikan	631
3	Pengesahan dalam perkhidmatan	1007
4	Pemberian taraf berpencen	1081
5	Pelanjutan tempoh percubaan	46
6	Pelepasan/peletakan jawatan	53
7	Pelarasan/kenaikan gaji	9
8	Penamatan perkhidmatan	13
9	Permohonan cuti	22
10	Semakan Kew.8 (Penyata Perubahan Pendapatan)	902
11	Opsyen Pertukaran Ketua Perkhidmatan	176
12	Permohonan Urusan Pengecualian Peperiksaan JPA	20
13	Permohonan Pengecualian Kursus Induksi	22

PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI KEBAJIKAN ASSESSMENT CENTRE (PKAC)

Pada awal tahun 2009, SPA telah menyarankan agar semua Kementerian dan Jabatan menggunakan kaedah pengambilan berdasarkan *Profiling Recruitement Model* (PRM) bagi pengambilan ke Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama yang mana calon-calon yang layak dapat dibuat penilaian terlebih dahulu oleh pihak Kementerian atau Jabatan melalui Pusat Penilaian (*Assessment Centre*) sebelum urusan temuduga oleh pihak SPA. Melalui kaedah ini, calon yang lebih sesuai akan dapat dikenalpasti berdasarkan kepada kompetensi dan personaliti / sikap sebelum seseorang calon itu dipanggil temuduga dan seterusnya dilantik sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41.

Atas kepentingan aspek profesionalisme dan peningkatan imej Skim Perkhidmatan Pembangunan Masyarakat di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), maka pihak Pengurusan JKM telah bersetuju dengan saranan SPA supaya Pusat Penilaian dilaksanakan dan dijadikan salah satu tapisan ke Perkhidmatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41. Pelaksanaan adalah seperti berikut :

Bil.	Pusat Penilaian	Tarikh Perlaksanaan
1	Rumah Seri Kenangan Taiping, Perak	27 - 28 Julai 2011
2	Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan	27 - 28 Julai 2011
3	Rumah Seri Kenangan Kuching, Sarawak	3 - 4 Ogos 2011
4	Holy Family Residence Papar, Sabah	3 - 4 Ogos 2011

Roadshow Taklimat SBPA Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bil.	Zon	Tarikh Perlaksanaan
1	Sarawak	09 Disember 2011
2	Sabah	09 Disember 2011
3	Zon Utara (Kedah)	12 Disember 2011
4	Zon Timur (Pahang)	13 Disember 2011
5	Zon Selatan (Melaka)	13 Disember 2011
6	Zon Tengah (PLPP)	14 Disember 2011
7	Taklimat Pemindahan Gaji dan Skim Perkhidmatan di dalam SBPA (peringkat JKM keseluruhan)	16 Disember 2011

PELAKSANAAN KURSUS

Sepanjang tahun 2011, JKM telah melaksanakan kursus seperti jadual di bawah

Bil.	Kursus	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1	Kursus Dalam Jabatan	54	1911
2	Kursus Induksi Khusus	7	349
3	Kursus Anjuran ISM	106	2732
4	Kursus Luar Jabatan	23	176
5	Kursus Luar Negara	5	19
6	Kursus Yang Dikendalikan Oleh Bahagian-Bahagian	137	4703
JUMLAH		332	9890

Unit Pengurusan Sumber Teknologi Maklumat

Cawangan Teknologi Maklumat JKM mempunyai perunitkan yang mencukupi bagi projek /CT. Projek-projek yang dirancang telah dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2011. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Naiktaraf e-mel rasmi JKM

E-mel JKM MyWorkSpace telah mula di gunakan pada 1 April 2009. Ianya telah dinaiktaraf ke versi terkini dan keupayaan storan juga telah ditingkatkan. Sehingga kini seramai 4323 emel telah diwujudkan. Semua anggota JKM seramai 6383 dijangka mempunyai alamat e-mel mereka secara berperingkat-peringkat.

Penyelenggaraan perkakasan rangkaian dan peralatan ICT

Terdapat 20 biji server di JKM yang perlu diselenggara dari semasa ke semasa untuk memastikan operasi harian JKM berjalan dengan lancar. Penyelenggaraan server-server dan peralatan ICT JKM dilaksanakan sepanjang tahun. Peruntukan mengurus sebanyak RM150,000.00 telah disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

Penyelenggaraan system rangkaian JKM*Net

Projek telah dipersebutui dan dimuktamad oleh Kementerian Kewangan pada 25 Julai 2011 dengan kos RM17,720,104.90 bagi tempoh 2 tahun bermula Januari 2011 - Disember 2012. Penyelenggaraan rangkaian dilakukan oleh Syarikat Jaring Communications Sdn. Bhd. Sebanyak 203 lokasi terlibat meliputi Ibu Pejabat, Negeri, Daerah dan Institusi Kebajikan JKM.

Peningkatan dan Penyelenggaraan Sistem e-Bantuan

Sistem e-Bantuan adalah satu sistem yang menyokong proses utama JKM. Oleh itu, sistem sepatutnya tidak ada *downtime*. Maka penyelenggaraan berterusan diperlukan untuk mengelak dari berlaku operasi terhenti. Status terkini sistem berjalan lancar dan cepat dan dapat membantu meningkat proses kelulusan bantuan kebajikan. Penyelenggaraan e-Bantuan telah tamat pada 12 Oktober 2011 dan sedang dalam proses untuk pengeluaran sebutharga untuk penyelenggaraan selanjutnya.

Pembaharuan Lesen Oracle

Lesen Oracle untuk penggunaanya di Sistem e-Bantuan telah diperbaharui bagi tempoh 29 Disember 2011 – 28 Disember 2012.

Penyelenggaraan Laman Web

Penyelenggaraan laman web berjalan lancar dan dibuat pengemasinan secara *inhouse*. Laman web JKM sedang ditingkatkan untuk penarafan ke lima bintang.

Terdapat projek-projek *ad-hoc* yang tidak dirancang tetapi tetap dilaksanakan kerana Caw. IT sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan penggunaan ICT di Jabatan. Di antaranya:

- Projek di bawah peruntukan Program Transformasi Ekonomi (ETP-NKEA), dalam Bidang Komunikasi, Kandungan & Infrastruktur (CCI), EPP

E-Government, MAMPU yang melibatkan kos sebanyak RM3,653,000.00 diperuntukan untuk agensi-agensi di bawah KPWKM. Projek JKM yang telah diluluskan adalah Sistem *MyResearch* telah dimuktamadkan dan dianugerah kepada Syarikat Unijaya Resources Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM170,000.00.

- Di bawah peruntukan RMK-10 (1st Rolling Plan 2011-2012) telah diluluskan sebanyak RM5.6juta dan sedang dilaksanakan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:
 - a) Perluasan PDK Net;
 - b) Penambahbaikan dan Perluasan eJKM; dan
 - c) Penambahbaikan dan Perluasan e-Bantuan

Bahagian Pembangunan Komuniti

- Program Team Building Sukarelawan JKM pada 5 Mac-27 Mac 2011 dan 15 April-17 April 2011.
- Bengkel dan Mesyuarat Pegawai Penyelaras Pembangunan Komuniti pada 23 Mac 2011 dan 20 Oktober-22 Oktober 2011.
- Program KARISMA Bersama Komuniti India W.P. Kuala Lumpur dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil pada 18 Oktober 2011 bertempat di Pusat Komuniti Sentul, Kuala Lumpur
- Anugerah Kesukarelaan Pringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2011 pada 12 November 2011

- Bengkel Pengurusan Dana bagi Pertubuhan Sukarela Kebajikan pada 16 November – 18 November 2011
- Seminar Pegawai Pembangunan Komuniti Zon Selatan pada 1 Disember 2011 – 4 Disember 2011
- Program KARISMA Krismas 2011 dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil pada 21 Disember 2011 di Little Sister of The Poor, St. Francis Xavier Cheras, Kuala Lumpur.

Bahagian Pembangunan Sosio Ekonomi Dan Bantuan

STATISTIK PERKHIDMATAN BANTUAN

Produktif/Welfare - TEMAN 1AZAM

Menyelaras pelaksanaan program Teman 1Azam Klien JKM di bawah Azam Niaga dan Khidmat.

Program 3(P) AZAM KERJA

Menyelaras Pelaksanaan Program 3(P) bagi Klien JKM di bawah Azam Kerja dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja, program ini telah diadakan di empat kawasan yang melibatkan tiga negeri.

Pengagihan Peruntukan Bantuan Kebajikan

Seramai 457,724 Klien Jabatan telah menerima bantuan pada 2011 dengan peruntukan RM 1,183,687,609

Bahagian Penyelarasan Hal Ehwal Antarabangsa Dan Keurusetiaan

UNIT KEURUSETIAAN

Pengurusan Mesyuarat dan Persidangan Jabatan

Bil.	Mesyuarat	Bil. Mesyuarat
1	Mesyuarat Pagi	9
2	Mesyuarat Ketua Bahagian	9
3	Mesyuarat Pengurusan Tertinggi	4

Persidangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2011

Telah diadakan pada 13 – 14 Jun 2011 di Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka. Persidangan ini melibatkan 136 orang peserta termasuk Urusetia dan Pengurusan Tertinggi.

Retreat Pengukuhan Struktur dan Fungsi Jabatan Kebajikan Masyarakat

Diadakan pada 17 – 20 April 2011 di Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu yang melibatkan 60 orang peserta.

PENGURUSAN KUALITI

Sambutan Hari Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2011

Telah diadakan pada 15 November 2011 di Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. Majlis telah dirasmikan oleh Dato' Zabidi Mohamad, Ketua Pengarah MAMPU dan melibatkan kehadiran seramai 900 orang. Pada majlis ini juga turut diadakan Pelancaran Kempen Senyum, Pelan Transformasi Organisasi dan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008.

Senarai Penerima Hadiah pada sambutan Hari Inovasi JKM 2011 adalah seperti berikut:

- **Kategori PKMN**

Johan	- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
Naib Johan	- Jabatan kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Ketiga	- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri P.Pinang

- **Kategori PKMD/J/B**

Johan	- Pejabat Kebajikan Masyarakat Hilir Perak, Perak
Naib Johan	- Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut P.Pinang
Ketiga	- Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Alor Gajah, Melaka

- **Kategori Institusi**

Johan	- Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi, Kuala Lumpur
Naib Johan	- Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Pulau Pinang
Ketiga	- Taman Sinar Harapan Jubli, Johor

- **Kategori Pengurusan Kewangan**

Johan	- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak
Naib Johan	- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu

- **Kategori KIK**
- | | |
|------------|---|
| Johan | - Asrama Bahagia, W.P. Kuala Lumpur |
| Naib Johan | - Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan |
| Ketiga | - Pejabat Kebajikan Masyarakat Kuala Langat |

- **Kategori Projek Inovasi**

Johan	- Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Tengah
Naib Johan	- Rumah Seri Kenangan Kangar, Perlis
Ketiga	- Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka

- **Kategori Edible Garden**

Johan	- Rumah Seri Kenangan Seremban
Naib Johan	- Taman Sinar Harapan Bukit Besar
Ketiga	- Asrama Akhlak Silibin, Perak

- **Juara Keseluruhan Anugerah Inovasi Tahun 2011**

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

UNIT HUBUNGAN ANTARABANGSA

Persidangan/Mesyuarat/Seminar/Bengkel yang diadakan di luar Negara

• **3rd Islamic Conference of Ministers in charge of Childhood** pada 7 hingga 11 Februari 2011 di Tripoli, Libya melibatkan seorang pegawai dari Bahagian Kanak-Kanak.

• **Mesyuarat Pertama ASEAN Commission on The Promotion and Protection of The Rights of Women and Children (ACWC)** pada 16 hingga 18 Februari 2011 di Jakarta, Indonesia melibatkan seorang pegawai dari Bahagian Kanak-Kanak.

• **Lawatan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)** pada 23 hingga 26 Februari 2011 di Phnom Penh, Cambodia melibatkan Pengetua Pusat Latihan Pemulihian dan Pembangunan (PLPP) Bangi.

- **Seminar Pengurusan Bencana Malaysia/Thailand** pada 24 Februari 2011 di Satun, Thailand melibatkan tiga orang pegawai dari JKM Perlis

- **Persidangan First ASEAN Social Work Consortium** pada 1 hingga 3 Mac 2011 di Manila, Filipina melibatkan dua orang pegawai dari Kementerian, tiga orang pegawai dari JKM, seorang pegawai dari MAKPEM dan seorang wakil dari Universiti Sains Malaysia.

- **Lawatan bermaklumat dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Kuala Terengganu** pada 2 hingga 5 Mac 2011 di Phnom Penh, Cambodia melibatkan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu.

- **Persidangan Kanak-Kanak 2011** pada 3 Mac 2011 di Hotel Concorde, Singapura melibatkan seorang pegawai dari Bahagian Kanak-Kanak.

- **The Senior Officials Committee For ASCC (SOCA) Meeting** pada 5 hingga 10 mac 2011 di Yogyakarta, Indonesia melibatkan seorang pegawai seorang pegawai dari KPWKM.

- **The 8th SOCA Meeting and The 5th ASCC Council Meeting** pada 25 hingga 29 April 2011 di Jakarta, Indonesia.

- **Sesi Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Bagi Rantau Asia Pasifik ESCAP ke 67** pada 19 hingga 22 Mei 2011 di Bangkok, Thailand.

LAWATAN DARI LUAR NEGARA

- **Lawatan Delegasi dari Dewan Bandaraya Anyang, Republik Korea** pada 25 Februari 2011 di Kompleks Penyayang Bakti, Sg. Buloh melibatkan seramai 9 orang ahli delegasi.

- **Lawatan Sambil Belajar Sekolah Chij Our Lady of The Nativity, Singapura ke Kuala Lumpur** pada 11 Mac 2011 di Rumah Kebajikan Tara Bhavan, Kpg. Kasipillay, Kuala Lumpur melibatkan 28 orang pelajar dan 5 orang kakitangan

- **Program Nelson Mandela International Day** Malaysia 2011 pada 12 Julai 2011 di Kompleks Penyayang Bakti, Sg. Buloh.

- **Lawatan Delegasi Korea Malaysia Exchange Programme 2011** pada 26 Julai 2011 di RSK Cheras melibatkan 20 orang ahli.

- **Lawatan delegasi State Council leading Group Office of Poverty Alleviation and Development Negara China** pada 20 September 2011 di Dewan Persidangan Nur, Menara TIMA.

- **Lawatan Kementerian Pembangunan Sosial Negara Oman** pada 27 September 2011 di Kompleks Penyayang Bakti, Sg. Buloh

- **Lawatan The National Cohesion and Integration Commission Republik Kenya** pada 28 September 2011 di Ibu Pejabat JKM.

- **Lawatan Delegasi dari The Korea Labor Force Development Institute For The Aged** pada 30 September 2011 di RSK Cheras.

- **Lawatan kerja Delegasi National Union Bank Employees (NUBE) Philippines** pada 27 Oktober 2011 di JKM.

- **Lawatan Dr. ATPL Abeykoon (Penyelidik Asia Pasifik Population Journal)** pada 30 Oktober hingga 2 November 2011 di LPPKN.

- **Lawatan Encik Lawrence Matemba dari Pejabat Timbalan Presiden Afrika Selatan** pada 1 November 2011 di JKM.

- **Lawatan Encik Peter Lacy dari Jabatan komuniti Kerajaan Queensland Australia** pada 4 November 2011 di Bilik Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JKM .

- **31st International Conference of the Red Cross and Red Crescent** pada 26 November hingga 2 Disember 2011 di Geneva, Switzerland.

- Kongres pemulihan Dalam Komuniti Peringkat Asia Pasifik ke-2 Tahun 2011 pada 29 November hingga 1 Disember 2011 di Bangkok, Thailand.
- Lawatan Kerja Agensi pengurusan Bencana Negara ke Thailand** pada 29 November hingga 1 Disember 2011 di Thailand.

PENYELARASAN PAMERAN JABATAN

Unit Keurusetiaan turut menyelaras dan menjayakan beberapa pameran sepanjang tahun 2011 seperti berikut :

- Pameran Ibu Pejabat JKM bersama JKMWP. Kuala Lumpur sempena Program Info 1 Malaysia Komuniti 1 Malaysia Kg. Pandan India anjuran Jabatan Penerangan pada 24 April 2011 di Kg. Pandan India
- Pameran sempena Hari Pekerja Peringkat Kementerian Pertahanan (Ibu Pejabat JKM bersama JKMWP. Kuala Lumpur) pada 10 dan 11 Mei 2011 di Wisma Pertahanan
- Pameran sempena Sambutan Hari Belia Negara 2011 pada 27 hingga 29 Mei 2011 di Persiaran Perdana, Putrajaya
- Pameran sempena Sambutan Hari Terbuka Pelaut 2011 (Ibu Pejabat JKM bersama PKMD Klang) pada 25 Jun 2011 di Wisma Pelaut, Pelabuhan Klang
- Pameran sempena NIEW Ladies Carnival 2011 anjuran NIEW pada 27 September 2011 di Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya
- Pameran sempena NIEW Ladies Carnival 2011 anjuran NIEW pada 27 September 2011 di Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya
- Pameran sempena Ampang Community Carnival 2011 (Ibu Pejabat JKM bersama PKMD Hulu Langat) pada 8 Oktober 2011 di Padang Kg. Pandan Indah
- Pameran sempena Karnival Merekayasa perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Peringkat Wilayah Persekutuan pada 20 Oktober 2011 di Sekolah Sukan Bukit Jalil

- Bengkel Key Indicators of ASEAN Socio Cultural Community (ASCC) Scorecard pada 8 hingga 9 Disember 2011 di Jakarta, Indonesia
- 6th Asean Para Games Surakarta 2011** pada 12 hingga 21 Disember 2011 di Solo, Indonesia.

- Pameran sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menangan Keganasan Terhadap Wanita anjuran Jabatan Pembangunan Wanita pada 25 hingga 26 November 2011 di Terminal Bersepadu Selatan
- Pameran sempena Perhimpunan Agung UMNO 2011 pada 29 November hingga 3 Disember 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra



Bahagian Perancangan Dan Pembangunan

- Latihan Penggunaan Bagi Perluasan Sistem e-JKM pada 7-11 Mac 2011 di Melaka dan N. Sembilan, 28 Mac-1 April 2011 di Kedah dan Perlis, 4-8 April 2011 di Pulau Pinang dan Perak, 11-15 April 2011 di Kelantan dan Terengganu, 18-22 April 2011 di Johor dan Pahang, 3-6 Mei 2011 di Sarawak dan 9-13 Mei 2011 di Sabah
- Latihan Modul Sistem Customer Relationship Management (CRM) Talian Nur 15999 Sistem Juris bagi Pegawai Penyelaras Negeri pada 18 April 2011
- Kursus Pegawai Latihan Vokasional Tahap 3 pada 23 Mei – 3 Jun 2011
- Sesi TOT Bertajuk ‘Foundational Child pada 24-26 Mei 2011
- Kursus Pembangunan Bahan Pembelajaran pada 13-17 Jun 2011

- Bengkel Semakan Semula Kod pada 15 Jun 2011
- Bengkel “Teaching Lab For Foundation Child pada 27-30 September 2011
- Kursus Perkembangan Menyeluruh Bayi, Toddler dan Kanak-kanak 3-4 tahun pada 10-14 Oktober 2011
- Bengkel Semakan dan Mermuktamadkan Draf Rang Undang - Undang Pekerja Sosial pada 1-3 Nov 2011
- Kursus Rutin Penjagaan Bayi, Toddler dan Kanak -kanak Berumur 3-4 th pada 5-9 Disember 2011, 12-16 Disember 2011 dan 26-30 Disember 2011.

Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat

- Bengkel laporan penyelaras penyelaras PKM Negeri, 7-9 Februari 2011
- Program pelatih: Keluarga harmoni generasi berpotensi 28 Februari, 3 April, 21 April, 23 April, 21 Mei, 29 Mei, 24-25 September, 22 Oktober, 13 November
- Bengkel perkhidmatan sosial di mahkamah , 14-16 Mac 2011
- Kursus penyediaan dan penyampaian notis usul bagi kes pelanggaran waran, 14-16 Mac 2011
- Bengkel pemantapan laporan PKM pada 21 Mac, 13-14 April, 25 April dan 14 Jun 2011
- Bengkel pemurnian laporan-laporan perintah khidmat masyarakat, 14-16 Mac, 29-31 Mac, 4-6 April dan 10-12 Mei 2011
- Perkhidmatan sosial di mahkamah pada 24-27 Mac dan 26 – 29 Mei 2011

- Perkhidmatan sosial di mahkamah, 25-28 Mac, 8-11 April, 22-25 April, 22-25 Julai dan 24-27 Jun.
- Program pelatih: Kem pemantapan kerohanian pelatih PKM, 8-10 April, 6-8 Mei, 17-19 Jun, 29-31 Julai dan 12-14 Oktober 2011
- Kursus kemahiran perhubungan komunikasi terapeutik dalam penyeliaan pelatih PKM 18-20 Mei, 23-25 Mei, 3-5 Oktober dan 1-3 November
- Program bersama BTN untuk pelatih 17-20 Jun, 15-18 Julai, 18-20 November dan 8-11 Disember
- Kursus penyediaan dan penyampaian notis usul 1 - 3 Julai, 22-24 Julai, 9 – 11 September dan 14 - 16 Oktober 2011
- Program pelatih: harga sebuah kebebasan, 6-8 Julai 2011

Bahagian Perundangan Dan Advokasi

Peningkatan Pendaftaran TASKA dan Pusat Jagaan

Bermula dengan majlis dialog dan perjumpaan YB Menteri KPWKM dengan pengusaha TASKA dan pusat jagaan pada 2 Jun 2011 di LPPKN, program advokasi yang dijalankan dan dipacu oleh Kempen Jom Daftar TASKA/Pusat Jagaan menghasilkan peningkatan pendaftaran seperti berikut:

Mesyuarat				Bil. Mesyuarat			
2010	2011	Peningkatan Pendaftaran	%	2010	2011	Peningkatan Pendaftaran	%
483	816	333	56.94	337	621	284	84.27

Penguatkuasaan Akta TASKA dan Akta Pusat Jagaan

Bagi tahun 2011, beberapa tindakan telah diambil terhadap TASKA dan Pusat Jagaan yang ingkar iaitu :

Telah Diperiksa	Diberi Surat Peringatan	Kertas Siasatan Dibuka	Dilak
651	91	2	3

Pusat Jagaan TASKA

Telah Diperiksa	Diberi Surat Peringatan	Tutup Secara Sukarela
814	23	5

Bahagian ini juga turut memberi latihan kepada Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) yang dilantik di bawah peruntukan Akta TASKA dan Pusat Jagaan seperti berikut:

Penyiasatan	Jurufoto Siasatan	Pegawai merekod, menyelenggara & melupus barang kes
180 Orang	90 Orang	85 Orang

Peningkatan Kualiti Penjagaan & Keselamatan Penghuni TASKA dan Pusat Jagaan

Sebanyak 6 bengkel dan 5 kursus penyediaan *course of study (COS), Written Instruction Material (WIM)* dan latihan pengajar *Vocational Training Officer (VTO)* telah dilaksanakan bersama-sama Bahagian Perancangan dan Pembangunan JKM dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Selain itu sebanyak 3 pusat bertauliah telah diiktiraf bagi melaksanakan NOSS pengasuhan awal kanak-kanak.

Seramai 7,590 pengasuh/pengusaha TASKA telah menghadiri Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) dan daripada jumlah tersebut, seramai 7,229 telah lulus KAAK (peratus kelulusan 95.2%).

Pelaksanaan Insentif 1Malaysia Bagi Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK)

Insentif 1Malaysia bagi bayaran yuran KAAK merupakan peruntukan one off yang memberi manfaat kepada peserta serta agensi latihan yang diiktiraf.

Pelancaran Portal eZi2Care

Portal eZi2Care telah dilancarkan pada 24 Julai 2011 oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil . Portal ini membolehkan pengguna di seluruh negara mendaftar untuk menyertai Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK), menyemak keputusan peperiksaan, membolehkan agensi memohon pengiktirafan JKM untuk mengadakan latihan KAAK secara atas talian.

Bahagian Warga Tua Dan Keluarga

Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh Kabinet pada 5 Januari 2011 bagi menggantikan Dasar Warga Tua Negara (DWTN) dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara (PTWNTN). Penggubalan DWEN dan PTWEN bertujuan memantapkan DWTN dan PTWNTN mengikut keperluan semasa warga emas.

Antara matlamat DWEN adalah mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang memboleh dan membantu supaya warga emas hidup sejahtera. Pada tahun 2011, Bahagian ini telah berjaya melaksanakan:

- Menganjurkan program pembelajaran sepanjang hayat Januari – Disember 2011
- Menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sosial & Rekreasi (JKKSR) dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat pada 1 Mei dan 29 November 2011.
- Menganjurkan Mesyuarat Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat pada pada 1 Jun 2011
- Menganjurkan Forum Perdana Islam pada 29 September 2011
- Menganjurkan sambutan Hari Warga Emas pada 1 Oktober 2011 dengan tema “Sihat, Positif, Aktif : Warga Emas Sejahtera”

Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Tahun 2011

Sambutan Hari OKU Tahun 2011 telah diadakan pada 4 Disember 2011 di Bernama TV. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Dato Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Sambutan ini merupakan suatu program bagi meraikan OKU yang disambut di peringkat Kebangsaan yang bertemakan 'KARISMA OKU: Melonjak Potensi'.

Antara pengisian program yang dijalankan adalah forum yang bertemakan KARISMA OKU: Melonjak Potensi. Siaran langsung ini telah diadakan selama 1 jam melalui saluran 502 Bernama TV dan mendapat rating penonton seramai 280,000 orang. Forum ini disertai oleh NGOs seperti Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Persatuan Orang Pekak Malaysia, Persatuan Orang –Orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM) dan lain – lain lagi pertubuhan dan persatuan OKU di seluruh Malaysia.

Bengkel Pemantapan Kerjaya Pekerja OKU

Diadakan di Wisma Sime Darby pada 3 Mac 2011, bengkel ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pekerja OKU dalam menyuarakan segala masalah yang dihadapi semasa bekerja. Di samping itu, bengkel ini juga adalah untuk memahami, memperolehi serta merancang jalan penyelesaian isu dan cabaran yang akan dihadapi oleh pekerja OKU semasa menjalankan tugas. Ianya telah dihadiri oleh pegawai OKU yang bertugas di JKMM.

Majlis Sesi Dialog YB Senator Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan OKU pada 11 Ogos 2011 di Dewan M AB, Briekfield, Kuala Lumpur.

Sesi Latihan SMOKU dan Perluasan Mengikut Zon

Pada tahun 2011, Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) telah diperluaskan ke seluruh negara. Beberapa siri latihan telah diadakan untuk memberi kefahaman kepada pengguna SMOKU khususnya Pegawai dibahagian Pendaftaran OKU di peringkat negeri dan daerah. Siri Latihan yang telah diadakan adalah seperti berikut :

- Allson Putra , Nilai, Negeri Sembilan (Zon Tengah) pada 11-14 April 2011
- Melaka (Zon Selatan) pada 25-28 April 2011
- Perak (Zon Utara) pada 9-12 Mei 2011
- Zon Timur pada 23-26 Mei 2011
- Zon Sabah pada 13-16 Jun 2011
- Zon Sarawak pada 27-30 Jun 2011

Kursus Motor Action Training (MAT) atau Dohsa Hou.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui JPOKU telah berkerjasama dengan JKMN bagi melaksanakan kursus Kursus Motor Action Training (MAT) atau Dohsa Hou. Melibatkan penyertaan OKU Masalah Pembelajaran, OKU fizikal, kakitangan institusi dan petugas PDK serta Ibubapa, ianya dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada bulan Julai dan Disember setiap tahun bertempat di Institusi Taman Sinar Harapan dan di perluaskan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).



Jabatan Pembangunan Wanita

Pengenalan

Pada tahun 1975, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (National Advisory Council on the Integration of Women in Development - NACIWID) sebagai jentera bagi memastikan penglibatan wanita dalam pembangunan. Urus setia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri atau HAWA diwujudkan bagi mengambil alih tugas sebagai Urus setia NACIWID pada tahun 1983. Pada 26 Ogos 1985, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya HAWA diperkuatkhan dengan menaikkan tarafnya kepada Bahagian. Pada 27 Oktober 1990 dan seterusnya dinaiktaraf ke sebuah Jabatan pada 29 Januari 1997. HAWA telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan pada 18 Dis 1999 dipindahkan semula ke Jabatan Perdana Menteri selepas rombakan kabinet. Pada 1 Julai 2001, HAWA distruktur semula dan dinamakan sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Visi

Mencapai kesaksamaan gender sebagai asas utama pembangunan masyarakat ke arah pembentukan sebuah negara maju.

Misi

Meningkatkan penglibatan dan kapasiti wanita dalam pelbagai sektor di semua peringkat bagi menyumbang dan menjadi agen pembangunan negara.

Objektif


Meningkatkan keupayaan wanita untuk lebih menyumbang kepada pembangunan negara melalui penyediaan perkhidmatan sokongan dan program-program membina kapasiti yang cekap dan berkesan.

Piagam Pelanggan

Kesejahteraan Wanita,  Kepuasan Kami

- Memaklumkan status permohonan Bantuan Khas Perpendaharaan dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh kelulusan Pegawai-Pegawai
- Memberi maklumbalas bagi setiap aduan/kes yang dirujuk dalam tempoh 3 hari bekerja iaitu dari tarikh aduan diterima oleh Jabatan
- Memberi layanan perkhidmatan kaunter dalam tempoh 10 minit dari tempoh pendaftaran.
- Melaksanakan program latihan pembangunan wanita untuk kumpulan sasar dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh kelulusan.
- Mengeluarkan Surat Makluman dalam tempoh lima hari selepas Surat Perjanjian lengkap diterima.

Carta Organisasi



Pencapaian Jabatan Pembangunan Wanita Bagi Tahun 2011

Sepanjang tahun 2011, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang telah memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan wanita. Pelaksanaan program yang dijalankan adalah selaras dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita serta obligasi terhadap Konvensyen bagi Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW).

Menerusi Jabatan di peringkat negeri iaitu 13 PPWN di seluruh negara termasuk Biro Wanita Sarawak dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA), JPW mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi wanita khususnya yang berpendapatan rendah dengan menggalakkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk perniagaan mikro (microenterprise) dengan tujuan supaya mereka mampu berdikari dari segi ekonomi. Selain itu, turut disediakan ialah program peningkatan sosial agar wanita dan keluarga mereka mampu mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Program dan aktiviti yang dilaksanakan dikategorikan seperti berikut:

- i. Pengupayaan ekonomi wanita menerusi aktiviti keusahawanan;
- ii. Pemerkasaan wanita menerusi pelaksanaan program pembangunan kapasiti; dan
- iii. Kesejahteraan emosi wanita menerusi penyediaan perkhidmatan kaunseling dan program pengurusan emosi.

PROGRAM PENGUPAYAAN EKONOMI WANITA MENERUSI AKTIVITI KEUSAHAWANAN

PROGRAM INKUBATOR KEMAHIRAN IBU TUNGGAL (I-KIT)

Program ini menggunakan pendekatan latih dan bimbing di mana seramai 30 orang ibu tunggal di setiap negeri diberi latihan kemahiran dan penyeliaan rapi dalam bidang

juru kecantikan; pembuat pakaian (lelaki dan wanita); pendandan rambut; penyedia pastri; penyedia roti; penyedia makanan; dan kraf tangan.

Selain itu, pertimbangan turut diberikan untuk pelaksanaan latihan dalam bidang pertanian dan penternakan seperti pengeluaran produk asas tanah (agro-based industry); perkhidmatan seperti pengurusan kediaman dan penjagaan kanak-kanak; peruncitan; pelancongan; perniagaan berasaskan konsep tele kerja seperti perkhidmatan pengurusan pejabat/kewangan, simpan kira, kemasukan data dan sebagainya; dan Pembuatan dan pengeluaran produk kraf tangan seperti alatan perkahwinan, aksesori, pakaian dan sebagainya.

Seramai 920 ibu tunggal berjaya dilatih pada tahun ini menerusi program yang dilaksanakan di seluruh negara.

JEJARI BESTARI

Program ini berbentuk *outreach* di mana tenaga pengajar turun sendiri ke kawasan Parlimen di seluruh negara untuk memberikan latihan kemahiran kepada para peserta. Program ini melatih seramai 30 orang peserta untuk setiap kawasan Parlimen selama dua hari. Antara Latihan kemahiran yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Jahitan (pakaian, langsir dan kusyen);
- ii. Pembuatan aksesori (kristal dan brooch);
- iii. Sulaman dan jahitan manik; dan
- iv. Gubahan hantaran.

Program ini berjaya melatih seramai 5,641 wanita di seluruh negara.

KRAF KREATIF

Dilaksanakan di 222 kawasan Parlimen di seluruh negara bagi membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang jahitan dan kraf tangan yang boleh dikomersilkan. Pengajuran program

ini memberi manfaat untuk lebih ramai wanita di kawasan luarbandar. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) selaku mekanisme pelaksana KPWKM dan telah berjaya memanfaatkan 6,066 orang kumpulan sasaran.

PROGRAM PEMERKASAAN WANITA MENERUSI PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

HARI WANITA ANTARABANGSA

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2011 merupakan refleksi kepada penerimaan satu resolusi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk kesemua negara anggota bagi menganjurkan *United Nations Day for Women's Rights and International Peace*. Sambutannya bertujuan mengiktiraf pencapaian dan kejayaan golongan wanita serata dunia dalam memperjuang kesaksamaan dan keadilan, selain bermatlamat mewujudkan kesedaran tentang kepentingan dan peranan semua pihak dalam menghapuskan segala bentukkekangan terhadap pembangunan wanita. Tema bagi tahun 2011 adalah ***"Equal Access to Education, Training and Science and Technology: Pathway to Decent Work for Women"***.

Dianjurkan dengan kerjasama Kumpulan Malayan Banking Berhad (Maybank) dari 8 hingga 10 Mac 2010 bertempat di Menara Maybank, Kuala Lumpur, acara ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Serentak dengan itu, sambutan turut dilaksanakan di negeri-negeri mengikut zon menerusi mekanisma PPWN, Biro Wanita Sarawak dan JHEWA dengan kerjasama Maybank di semua cawangan negeri.

HARI WANITA KEBANGSAAN

Disambut pada 25 Ogos 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur bertemakan ***"Wanita Penjalin Perpaduan"***, perhimpunan mega ini dihadiri lebih 5,000

wanita dari seluruh negara dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Sambutan kali ini menghargai sumbangan NGO kepada kemajuan dan pembangunan wanita di Malaysia khususnya NGO wanita yang telah memainkan peranan penting sebagai pencetus dan pemangkin kepada usaha memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat terutama generasi muda.

Acara yang diadakan termasuk Ramah Mesra dan Penyerahan Cek Bantuan oleh YAB Perdana Menteri kepada NGO. Peruntukan yang diagihkan adalah untuk pelaksanaan program pembangunan kumpulan sasar Kementerian di bawah bidang-bidang keutamaan seperti Latihan dan Peningkatan Kemahiran; Kepekaan Gender; Kekeluargaan; Kesihatan Reproduktif; Perlindungan dan Pemulihian Kanak-kanak; Kajian dan Latihan dalam Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat; dan bidang-bidang tambahan yang ditentukan oleh KPWKM mengikut isu-isu semasa.

SAMBUTAN ULANG TAHUN JPW KESEPULUH - SEDEKAD PEMERKASAAN WANITA

Pada 1 Julai 2011 JPW menyambut ulang tahun ke-10 penubuhannya setelah lebih sedekad memperjuang misi kesaksamaan gender dan memperdama golongan wanita di Malaysia. Dirasmikan oleh YB Senator Puan Heng Seai Kei, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat acara ini dihadiri oleh 1,000 peserta. Bertemakan ***Sambutan Sedekad Pemerkasaan Wanita***, sambutan turut membicarakan isu Wanita dan Kesihatan; Wanita dan Alam Sekitar; Wanita dan Ekonomi serta Wanita dan Undang-undang.

Pelbagai program dilaksanakan sempena sambutan acara ini untuk manfaat wanita dalam pelbagai bidang, antaranya gender, keganasan, pembangunan kapasiti dan seterusnya mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sosioekonomi wanita dengan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan

dan keusahawanan termasuk perniagaan mikro (*microenterprise*). Peranan yang dimainkan adalah selaras dengan usaha Kerajaan yang prihatin terhadap usaha mengarusperdana gender di negara ini.

ANUGERAH PERDANA MENTERI USAHAWAN WANITA DAN ANUGERAH PERDANA MENTERI PENGGIAT SOSIAL WANITA

Anugerah ini diilhamkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 25 Ogos 2010, bersempena Hari Wanita Kebangsaan 2010. Dua orang pemenang teah dipilih untuk menerima setiap anugerah yang dipertandingkan iaitu **Cik Hooi Lai Lin (Anugerah Usahawan Wanita)** dan **Y. Bhg. Datin Paduka Khatijah Sulaiman @ Suleiman (Anugerah Penggiat Sosial Wanita)** dalam satu majlis penyampaian oleh YAB Perdana Menteri pada 25 September 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Tujuan penganugerahan adalah memberi inspirasi kepada golongan wanita serta memberi kesedaran khususnya kepada usahawan atau penggiat sosial wanita yang lain mengenai pencapaian dan kejayaan yang mungkin mereka berjaya peroleh dengan usaha yang gigih dan semangat yang tinggi.

KONVENSYEN MAJLIS PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA (MPWK)

Konvensyen pada tahun ini diadakan di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak, dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri KPWKM. Konvensyen ini turut menjadi sebuah platform untuk Pengerusi MPWK Peringkat Negeri dan Kawasan Parlimen mengutarakan idea dan pendapat mengenai pelaksanaan program khususnya dari segi strategi pelaksanaan yang lebih berkesan untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Menerusnya, isu-isu yang timbul di peringkat akar umbi diketengahkan dan dibincangkan oleh Pengerusi MPWK untuk perhatian KPWKM.

IMARAH RUMAH NUR DAN DEWAN NUR

Menerusi 13 pejabat negeri di seluruh negara, pelbagai program peningkatan kemahiran serta pendapatan dilaksanakan untuk wanita di peringkat negeri dan kawasan Parlimen khususnya wanita berpendapatan rendah menerusi Imarah Rumah Nur dan Dewan Nur. Program lebih menumpukan kepada latihan kemahiran asas pelbagai bidang kepada wanita termasuk ibu tunggal dan suri rumah yang dilaksanakan di seluruh negara untuk mengkomersilkan kemahiran yang dipelajari bagi menambah pendapatan keluarga.

Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan Kepada NGO Wanita

JPW turut mengadakan jaringan kerjasama dengan NGO wanita untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti wanita melalui pengagihan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan.

Peruntukan yang diagihkan kepada NGO adalah untuk pelaksanaan program pembangunan wanita di bawah bidang-bidang keutamaan seperti:

- i. Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- ii. Peningkatan Kapasiti Wanita; dan
- iii. Latihan Peningkatan Kemahiran.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 104 program pembangunan kapasiti wanita diluluskan dan dilaksanakan oleh 46 NGO dengan peruntukan berjumlah sebanyak RM2,272,930.00 yang memanfaatkan seramai 19,220 peserta.

KESEJAHTERAAN EMOSI WANITA MENERUSI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN PROGRAM PENGURUSAN EMOSI

ADVOKASI MENGENAI HAK-HAK WANITA DAN UNDANG-UNDANG

Hari Antarabangsa Menangani Keganasan terhadap Wanita

KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menganjurkan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan terhadap Wanita 2011 pada 26 November 2011 di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur. Perasmian program dengan tema "From Peace in the Home to Peace in the World: Let's Challenge Militarism and End Violence Against Women" disempurnakan oleh YB Senator Datuk Heng Seai Kei, Timbalan Menteri KPWKM. Program ini telah dihadiri seramai 2,000 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan dan swasta, ahli-ahli pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, dan pemimpin masyarakat.

Penganjuran program menerusi jaringan kerjasama Amanah Raya Berhad (ARB); ABEX Manufacturing Sdn. Bhd.; Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD); Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri; Terminal Bersepadu Selatan (TBS); Prasarana Sdn. Bhd.; Avon; dan Majalah Harmoni berjaya menyebarluas maklumat mengenai isu keganasan terhadap wanita kepada masyarakat umum; menggembung komitmen semua pihak iaitu golongan wanita dan lelaki, sektor awam dan swasta serta NGO bagi menghapuskan keganasan terhadap wanita; dan meningkatkan kesedaran orang ramai bagi menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk wanita dan mewujudkan masyarakat yang bebas dari sebarang bentuk keganasan.

Penekanan utama yang diberikan bagi penganjuran program tahun ini ialah pelancaran **Teksi Wanita**. Projek ini

diadakan dengan kerjasama syarikat ABEX Manufacturing Sdn. Bhd. dan disokong oleh SPAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Objektif utama pelancarannya ialah sebagai langkah menjaga kebijakan dan keselamatan wanita di Malaysia yang menggunakan pengangkutan awam sebagai pilihan utama

Aktiviti lain yang diadakan termasuk sesi ceramah keganasan terhadap wanita, persembahan artis-artis jemputan daripada KakiSeni, Flash Mobs, Drumline, Demonstrasi Seni Mempertahankan diri dan sesi role play bagi menangani gangguan seksual dan pameran informasi daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Amanah Raya Berhad (ARB), AWAM, Utusan Melayu serta agensi-agensi di bawah KPWKM.

PROGRAM PENINGKATAN KUALITI HIDUP

Bengkel 'Mesejnya Kasih'

Bengkel ini diadakan menerusi kerjasama pintar JPW dan Amanah Raya Berhad (ARB) dalam mewujudkan program-program yang memberi manfaat kepada ibu tunggal. Penganjurannya bertujuan memberi pendedahan mengenai personaliti diri, pendekatan kemanusiaan, kemahiran asas kaunseling dan psikologi pengurusan keluarga serta meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan takanan emosi. Bengkel ini diadakan di seluruh negara.

DIALOG MEMPERKASA IBU TUNGGAL

Program diadakan untuk memberi penerangan kepada peserta mengenai skim bantuan, program dan aktiviti yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan ke arah membangunkan kapasiti dan modal insan ibu tunggal. Ia turut membantu membuka minda peserta agar lebih bermotivasi untuk mempertingkat taraf hidup dan ekonomi mereka selain menjadi platform kepada pihak Jabatan dan agensi Kerajaan yang terlibat mendapatkan maklum balas daripada peserta mengenai perkhidmatan, bantuan dan aktiviti yang mereka perlukan untuk peningkatan taraf hidup.

PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Selain menyediakan pusat aduan setempat bagi maklumat dan isu mengenai masalah wanita, program ini turut menjalankan siasatan mengenai kes-kes wanita bermasalah menerusi perkhidmatan bimbingan kaunseling. Aduan dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Jabatan secara bersemuka atau melalui panggilan telefon. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 1,245 aduan diterima. Aduan ini termasuklah secara bersemuka atau melalui panggilan telefon. Bilangan aduan yang diterima meliputi ibu

pejabat JPW dan juga pejabat-pejabat negeri. Butiran mengenai statistik aduan yang telah dicatatkan dari bulan Januari sehingga Disember 2011 bagi ibu pejabat JPW dan juga pejabat-pejabat negeri adalah seperti berikut:

Statistik ini meliputi 30 jenis kes, antaranya keganasan rumah tangga, penderaan, rogl, sumbang mahram, gangguan seksual, bantuan kewangan, bantuan perumahan, tuntutan nafkah, perkahwinan, poligami, warga asing, diskriminasi di tempat kerja dan sebagainya.

Senarai Program Yang Dilaksanakan

JANUARI

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Sambutan Ulang Tahun ke-10 KPWKM	17.1.11	Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur

FEBRUARI

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Mesejnya Kasih	17.1.11	Dewan Persidangan Nur, Menara TIMA, Kuala Lumpur

MAC

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Hari Wanita Antarabangsa	8 – 10.3.11	Menara Maybank, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur
2.	Hari Wanita Antarabangsa Zon Utara	8.3.11	Dewan Nur, Parlimen Nibong Tebal, Pulau Pinang
3.	Hari Wanita Antarabangsa Zon Tengah	8 – 10.3.11	Dataran Maybank, Bangsar, Kuala Lumpur
4.	Hari Wanita Antarabangsa Zon Timur	8.3.11	Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota, Kuantan
5.	Hari Wanita Antarabangsa Zon Selatan	10.3.11	Johor Bahru

MAC

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
6.	Hari Wanita Antarabangsa Zon Malaysia Timur	10.3.11	Kota Kinabalu
7.	Karnival Bijak Wang	12.3.11	Auditorium Angkasa, Kelana Jaya, Selangor
8.	Konvensyen MPWK Peringkat Negeri dan kawasan Parlimen Bil. 1/2011	15 – 16.3.11	Hotel Grand Margheritta, Kuching, Sarawak
9.	Hari Bertemu Pelanggan sempena Program Kami Prihatin	19.3.11	Dewan Anex, UiTM, Shah Alam
10.	Hari Bertemu Pelanggan sempena Pelancaran Dasar Keluarga Negara	19.3.11	Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM, Shah Alam
11.	Program Merisik Khabar KSU ke negeri Sarawak	29 – 30.3.11	Kuching, Sarawak

APRIL

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Pembangunan Wanita negeri Sarawak	5 – 15.4.11	Seluruh negeri Sarawak
2.	Hari Bertemu Pelanggan	13.4.11	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
3.	Bengkel Positive Thinking and Overcoming Anger	19.4.11	Dewan Nur, Shah Alam

MEI

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Anugerah Perdana Usahawan Wanita dan Anugerah Tokoh Penggiat Sosial Wanita Siri 1	6.5.11	Pusat Komuniti, Lembah Pantai, Kuala Lumpur
2.	Sambutan Hari Ibu	28.5.11	Hotel Legend, Kuala Lumpur
3.	Hari Bertemu Pelanggan sempena Himpunan Sejuta Belia	19.4.11	Dewan Nur, Shah Alam
4.	Bengkel Anugerah Perdana Usahawan Wanita dan Anugerah Tokoh Penggiat Sosial Wanita Siri 2	30.5.11 – 1.6.11	Hotel Hilton, Kuala Lumpur

JUN

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	3 – 6.11	Hotel Allison Putri, Nilai
2.	Perhimpunan Bulanan JPW	6.6.11	Dewan Persidangan Nur, Menara TIMA, Kuala Lumpur
3.	Program Pasangan sempena Dialog Antarabangsa Langkawi	19 – 21.6.11	Sekitar Kuala Lumpur & Putrajaya

JULAI

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Sambutan Ulang Tahun JPW ke-10	1.7.11	Menara Tun Ismail Mohamed Ali, Jalan Raja Laut, KL
2.	Pelancaran Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita dan Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita	29.7.11	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur

OGOS

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2011	25.8.11	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur

SEPTEMBER

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita dan Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita	25.9.11	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur

OKTOBER

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Bimbingan Keusahawanan I-KIT	7 – 9.10.11	Morib, Selangor
2.		14 – 16.10.11	
3.	Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Peserta Program I-KIT 2011	31.10.11	Hotel Concorde, Shah Alam

NOVEMBER

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Hari Antarabangsa Menangani Keganasan terhadap Wanita	26.11.11	Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur

DISEMBER

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat MPWK	29 - 31.12.11	Hotel Magelan, Kota Kinabalu, Sabah



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERDANA MENTERI USAHAWAN WANITA DAN ANUGERAH PERDANA MENTERI PENGGIAT SOSIAL WANITA



Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Pengenalan

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) ditubuhkan pada tahun 1966 dan pada masa itu dikenali sebagai Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN). Berikutnya pindaan kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan 1988), fungsi LPPKN telah diperluaskan dengan memberi fokus kepada 3 teras utama iaitu Pembangunan Keluarga, Kependudukan dan Reproduktif Manusia. Selaras dengan perubahan Akta ini, nama Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN) juga telah ditukar ke Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Berdasarkan Misi Nasional 1Malaysia, Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan, slogan “1Malaysia: LPPKN Utamakan Keluarga (Family 1st)” ditetapkan sebagai komitmen LPPKN untuk mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas kepada kestabilan sosial.

Visi

Mengukuhkan keluarga ke arah perwujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif.


Misi

LPPKN komited untuk bertindak sebagai agensi utama dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berperibadi mulia hasil daripada keluarga yang kukuh, berakhlik, sihat, berilmu dan harmoni.

Objektif

Mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program usaha sama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan penduduk yang berkualiti.

Carta Organisasi



Fungsi

Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan) 2006 menyatakan LPPKN bertanggungjawab atas perkara-perkara berikut:

- Menasihati kerajaan mengenai perkara-perkara berkaitan dasar dan program kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;
- Merancang, melaksana dan menyelesaikan program dan aktiviti kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;
- Menyebar pengetahuan, memberi didikan dan menggalakkan tingkah laku positif dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;
- Bertanggungjawab melatih individu yang terlibat dalam tugas-tugas berkaitan bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;
- Menyediakan latihan kepada jurulatih dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia melalui pembangunan kemahiran, pendidikan berterusan,

jaringan kerjasama, kerjasama teknikal di antara Negara dan perkongsian teknologi informasi dan komunikasi serta sumber teknikal;

- Bertanggungjawab dalam mengenal pasti serta menggalakkan keperluan dan keutamaan penyelidikan, menjalankan penyelidikan serta kajian dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia termasuk kajian perubatan dan bio perubatan;
- Menyediakan perkhidmatan berdasarkan keperluan semasa yang mungkin perlu disebabkan perubahan yang memberi kesan terhadap kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;
- Membangun dan mengekalkan sistem pemantauan dan penilaian program secara berterusan yang boleh dinilai keberkesannya dari semasa ke semasa ke arah pencapaian objektif nasional; dan
- Melaksanakan lain-lain program sampingan dan bersesuaian yang berupaya untuk meningkatkan prestasi fungsi LPPKN secara efektif.

Advisori

Menasihati kerajaan berkaitan isu-isu kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

Kajian Dan Penyelidikan

Mempertingkatkan kajian dan penemuan berkaitan kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan sebagai input bagi tujuan penggubalan dasar dan perancangan program.

Pendidikan Dan Latihan

- Meningkatkan pendidikan dan latihan kekeluargaan melalui peluasan perkhidmatan dan pembangunan modal insan yang selaras dengan keperluan masyarakat.
- Mewujudkan mekanisme struktur penyelarasan pelaksanaan program yang lebih tersusun.

Perkhidmatan

Menjadikan LPPKN sebagai pusat sumber maklumat yang berperanan sebagai rujukan utama dalam bidang kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

Hubungan Kerjasama Dan Antarabangsa

- i. Mempertingkatkan kerjasama dengan rakan agensi strategik menerusi program kerjasama dan perkongsian bijak dalam perkhidmatan kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan, latihan dan pendidikan, serta penyelidikan dan pembangunan.
- ii. Meningkatkan rangkaian hubungan kerjasama antara LPPKN dengan organisasi antarabangsa, agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi untuk memantapkan program LPPKN.

Advokasi Dan Promosi

- i. Mengelakkan ciri-ciri rakyat Malaysia yang berperibadi mulia.
- ii. Mempromosikan keperluan dasar mesra keluarga kepada para penggubal dasar dan perancangan program pembangunan.

Pemantauan Dan Penilaian

Memperkuuhkan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian sebagai langkah penambahbaikan dasar dan program kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

Pencapaian LPPKN Bagi Tahun 2011

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus melangkah dengan yakin di sepanjang tahun 2011 menerusi pelaksanaan program dan aktiviti selaras dengan hala tuju, peranan dan fungsinya. Slogan “**1Malaysia: LPPKN Utamakan Keluarga (Family 1st)**” menjadi tema LPPKN bagi tahun 2011 dalam memenuhi tanggungjawab agenda Nasional melalui pengukuhan institusi keluarga sebagai asas kepada kestabilan sosial.

Pelbagai usaha dan inisiatif dijalankan bagi mempertingkatkan keupayaan keluarga dalam menangani cabaran dan perubahan persekitaran semasa. LPPKN telah menyusun strategi terutama menerusi penetapan enam (6) Domain/ Outcome Keluarga iaitu (i) Perspektif Keluarga Dalam Pembangunan Negara; (ii) Memperkuuhkan Nilai Teras Keluarga; (iii) Memperkuuhkan Institusi Perkahwinan; (iv) Memenuhi Keperluan Keibubapaan; (v) Membina Asas Yang Kukuh Untuk Golongan Remaja’ dan Menyediakan Khidmat Sokongan Keluarga. Usaha bagi mencapai enam Domain/ Outcome tersebut adalah berlandaskan fungsi di dalam Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan 1988).

Tahun 2011 juga mencatat sejarah buat kali kedua apabila peranan LPPKN mendapat pengiktirafan tertinggi di peringkat antarabangsa. Pada 5 Julai 2011, YB Dato’ Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri KPWKM dipilih menerima Anugerah Keluarga United Nations Economic and Social Council/ World Family Organisations daripada UN ECOSOC/WFO di Geneva, Switzerland. Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan di atas sumbangan YB Menteri PWKM melalui LPPKN dalam memartabatkan dan melaksanakan polisi awam untuk manfaat wanita serta keluarga selain memperkuuh kerjasama serantau dalam memperbaiki mutu pendidikan. Pada tahun yang sama, LPPKN telah diterima sebagai ahli United Nations Commission On Population and Development mewakili Malaysia bagi kumpulan Asia (77 Negara dan China) untuk tempoh 2011-2014.

Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama MKPI 2011

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2011	Pencapaian Sebenar	Prestasi %
1	Meningkatkan aksesibiliti kepada perkhidmatan sokongan keluarga: - Khidmat Kaunseling di 55 Pusat Keluarga	55	55	100%
2	Ahli keluarga mendapat faedah daripada program pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif melalui: - Kemahiran Pra Perkahwinan - Kemahiran Keibubapaan - Kemahiran Kesihatan Reproduktif dan Sosial Remaja - Khidmat Kaunseling dan Kesihatan Reproduktif	290,000 230,000	356,234 256,533	123% 112%
3	Meningkatkan kesedaran mengenai Dasar Keluarga Negara (DKN) kepada agensi Kerajaan, Sektor Swasta dan masyarakat: - Kebangsaan (25 kementerian/ agensi, NGO dan Sektor Swasta) - Negeri (15 Kerajaan Negeri, NGO dan Sektor Swasta)	15	16	107%
4	Advokasi dan Promosi	20	45	225%

Di bawah Petunjuk Prestasi Utama YB Menteri KPWKM, LPPKN telah berjaya mencapai *quick wins* yang ditetapkan pada tahun 2011 seperti berikut:

- Khidmat kaunseling telah diperluaskan ke 55 buah Pusat Keluarga di seluruh negara;
- 356,234 ahli keluarga mendapat pengetahuan dan kemahiran mengenai perkahwinan dan keibubapaan, peningkatan 123% berbanding sasaran 290,000 ahli keluarga yang ditetapkan;

- 256,533 ahli keluarga menerima perkhidmatan kaunseling dan kesihatan reproduktif, peningkatan 112% berbanding sasaran 230,000 ahli keluarga yang ditetapkan; dan
- 16 Siri Jelajah Bual Bicara Dasar Keluarga Negara (DKN) kepada Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan, Sektor Swasta dan pemimpin masyarakat telah dilaksanakan, mencapai sasaran yang ditetapkan.

Pencapaian Pelaksanaan Program LPPKN Bagi Tahun 2011

Outcome #1: PERSPEKTIF KELUARGA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan komitmen penggubal dasar dan pengurus program supaya mengambil kira perspektif keluarga dalam perundangan, dasar dan perancangan program nasional, pelbagai program berbentuk persidangan, forum dan penyelidikan berkaitan kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan telah dijalankan. Antara program berkenaan adalah seperti berikut:

ADVOKASI DASAR KELUARGA NEGARA (DKN)

Seiring dengan kelulusan Dasar Keluarga Negara (DKN) pada tahun 2010, usaha meningkatkan kesedaran dan komitmen para penggubal dasar dan program untuk mengambil kira perspektif keluarga dalam perundangan, dasar dan perancangan program dilaksanakan melalui pelbagai program seperti bual bicara, forum, persidangan dan penyelidikan.

MAJLIS PELANCARAN DASAR KELUARGA NEGARA (DKN)

Majlis Pelancaran DKN telah disempurnakan oleh YB Menteri PWKM pada 19 Mac 2011 di UiTM, Shah Alam dengan kehadiran lebih 3,000 orang. Buku Dasar Keluarga Negara bagi memperkenalkan DKN telah diedarkan kepada orang ramai semasa majlis pelancaran tersebut.

SIRI JELAJAH BUAL BICARA DASAR KELUARGA NEGARA (DKN)

Sepanjang tahun 2011, Siri Jelajah Bual Bicara DKN telah berjaya dilaksanakan meliputi 16 buah negeri termasuk 1 sesi taklimat kepada Agensi/Jabatan Persekutuan melibatkan kehadiran seramai 1,587 peserta yang terdiri dalam kalangan Ketua-Ketua Jabatan dan pemimpin masyarakat di peringkat negeri. Siri jelajah berkenaan telah berjaya mendapat perhatian masyarakat dan liputan media menerusi penerbitan 45 artikel/ liputan dalam media cetak dan elektronik. Salah satu isu iaitu "ibu bapa kesunyian" telah mendapat bilangan carian tertinggi dalam BH Online.



BUKU DASAR KELUARGA NEGARA 2011

Prestasi Pelaksanaan Sesi Bual Bicara DKN 2011

Bil.	LPPKN Negeri	Tarikh	Bil Peserta	Maklumbalas/ Isu-isu Utama DKN
1	Negeri Sembilan	23 Mac 2011	40	Keluarga Komuter
2	Johor	21 April 2011	50	Kekurangan pusat jagaan harian
3	Kelantan	04 Mei 2011	120	One-Stop Center untuk penjagaan anak/ warga emas
4	Sarawak	23 Mei 2011	305	Trend perkahwinan lewat
5	Melaka	31 Mei 2011	157	Nisbah warga asing bagi setiap penduduk tempatan (1:20)
6	Selangor	16 Jun 2011	46	20.1% daripada 1.4 juta penduduk Selangor adalah keluarga sandwich
7	Pahang	20 Jun 2011	75	Peratusan lelaki di Pahang tinggi
8	Pulau Pinang	23 Jun 2011	60	Wanita (34.3%) di Pulau Pinang tidak berhasrat untuk berkahwin
9	W.P. Kuala Lumpur	29 Jun 2011	46	25.5% daripada 435,865 penduduk WPKL adalah keluarga sandwich
10	Perlis	23 Mac 2011	74	Lebih 10,000 warga EMAS 60+ di Perlis tidak pernah menerima bantuan kewangan dari anak-anak
11	Perak	28 Jul 2011	150	Penduduk Perak Tertua di Semenanjung Malaysia
12	Sabah	29 Jul 2011	154	Keluarga sandwich adalah tertinggi di Sabah
13	Terengganu	10 Ogos 2011	40	Kadar kesuburan wanita Terengganu lebih tinggi daripada paras nasional
14	Kedah	11 Ogos 2011	145	Bilangan warga emas melebihi 9.5% paras nasional 8.0%
15	Agensi Persekutuan	22 Ogos 2011	45	-
16	Labuan	10 Okt 2011	80	Fenomena keluarga sandwich
JUMLAH PESERTA				1,587

Program advokasi dan penyebaran maklumat terus diperkuuhkan sebagai usaha memastikan perspektif keluarga diambil kira dalam penggubalan dasar dan perancangan program di peringkat agensi Kerajaan. Penyebaran ini dilakukan melalui hebahan media massa, penyertaan dan penganjuran seminar dan persidangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara seminar dan persidangan yang dianjurkan dan disertai oleh LPPKN adalah seperti berikut:

FORUM KONSULTATIF DASAR PERANCANG KELUARGA KEBANGSAAN: ARAH TUJU MENANGANI KEPERLUAN SEMASA

Diadakan pada 15 Disember 2011 bertempat di Ibu Pejabat LPPKN, Kuala Lumpur. Seramai 136 orang telah hadir pada forum tersebut yang bertujuan untuk membentangkan cadangan pindaan Dasar Perancang Keluarga Kebangsaan dan mendapatkan pandangan agensi kerajaan, bukan kerajaan dan orang awam mengenai pindaan tersebut.

THE 44TH SESSION OF THE UNITED NATIONS COMMISSION ON POPULATION AND DEVELOPMENT (UNCPD)

Komitmen negara bagi pengintegrasian perspektif keluarga turut diketengahkan di peringkat antarabangsa. Satu kenyataan Negara berkaitan "Fertility, Reproductive Health and Development" telah dibentang oleh Ketua Setiausaha KPWK pada 11 - 15 April di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York. Di mesyuarat tersebut Malaysia telah dapat bertukar pengalaman dengan negara-negara anggota lain serta mengembangkan best practices dalam menangani isu-isu kependudukan yang berkaitan

SEMINAR PUNCA JENAYAH DI MALAYSIA

Seminar Punca Jenayah di Malaysia telah diadakan pada 10 Mei 2011 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak. Seramai 650 peserta terdiri daripada ahli akademik, pengubal dasar, pengamal

undang-undang, pengurus program, NGO, agensi Kerajaan dan individu telah menghadiri seminar sehari berkenaan. Hasil resolusi seminar berkenaan telah memperakui akan Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan DKN merupakan platform paling sesuai bagi memperkisasikan institusi keluarga ke arah peranan yang lebih efektif dalam menangani jenayah.

SEMINAR PENEMUAN KAJIAN PEKERJA INDONESIA DI BAHAGIAN TAWAU, SABAH - 29 SEPTEMBER 2011

Seminar Penemuan Kajian Pekerja Indonesia di Sabah telah diadakan pada 29 September 2011 dan dihadiri seramai 101 orang peserta. Bersempena dengan seminar berkenaan, tiga (3) poster kajian dipamerkan. Seminar berkenaan telah berjaya menyebarkan hasil penemuan kajian kepada agensi berkaitan untuk dijadikan input bagi tujuan penggubalan dasar dan program khususnya berkaitan migran antarabangsa ke Malaysia. Hasil seminar turut mendapat liputan meluas oleh media massa tempatan.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA KEPENDUDUKAN 2011 SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2011

Bersempena dengan sambutan Hari Penduduk Sedunia 2011, LPPKN telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa bertemakan Kependudukan Dinamik di Asia: Isu dan Cabaran Masa Hadapan pada 11 Julai 2011. Seramai seramai 108 peserta yang terdiri dalam kalangan perancang program, ahli akademik dari agensi/jabatan pusat dan IPTA/S telah menghadiri persidangan berkenaan. Hasil persidangan ini telah berjaya membina jaringan kerjasama dan perkongsian amalan terbaik di antara LPPKN dan Universiti Malaya dengan pakar-pakar demografi antarabangsa dan NGO antarabangsa berkaitan penyelidikan kependudukan. Sebuah buku extended abstract yang mengandungi 57 kertas kerja juga telah berjaya diterbitkan.

OUTCOME #2: PENGUKUHAN NILAI TERAS KELUARGA

SEMINAR KEBANGSAAN POLISI KELUARGA MALAYSIA 2011, 14 - 15 SEPTEMBER 2011

LPPKN dengan kerjasama Universiti Pertanian Malaysia telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Polisi Keluarga Malaysia 2011 pada 14 hingga 15 September 2011 bertempat di Fakulti Ekologi Manusia, UPM Serdang, Selangor. Hasil daripada seminar berkenaan telah berjaya merapatkan jurang dan kerjasama di kalangan para penyelidik dan penggubal dasar dalam bidang kekeluargaan dalam konteks pelaksanaan DKN.

SEMINAR KELUARGA KOMUTER

Seramai 300 peserta hadir Seminar Keluarga Komuter yang dilaksanakan secara usahasama antara KPWK dan LPPKN pada 20 Oktober 2011 di Hotel Sri Pacific, Kuala Lumpur. Hasil seminar telah memberi kesedaran akan kepentingan Perspektif keluarga diambil kira oleh majikan di dalam setiap perancangan di tempat kerja.

Penghayatan kepada nilai teras keluarga terus diperkuuhkan melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh LPPKN ke arah meningkatkan komitmen keluarga dan masyarakat terutama kepada generasi muda bagi menghayati dan memperkuuhkan amalan nilai-nilai murni kekeluargaan. Pelbagai program advokasi telah dilaksanakan antaranya seperti berikut:

• Program Ilmu Keluarga@LPPKN

Program penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan dilaksanakan menerusi siri kursus/ bengkel/ ceramah/ program Ilmu Keluarga@LPPKN di peringkat komuniti. Pada tahun 2011 sebanyak 1,837 program telah berjaya dilaksanakan melibatkan penyertaan 185,897 orang ahli keluarga. Selain itu juga, LPPKN turut menerima 469 jemputan dari pelbagai agensi Kerajaan dan swasta untuk menyampaikan ceramah mengenai kekeluargaan dan kesihatan reproduktif kepada 48,227 orang ahli keluarga.

• Program Pengukuhan Nilai Murni Keluarga

Soft launch Program Pengukuhan Nilai Keluarga "MyNILAI" telah diadakan pada 19 Mac 2011 serentak dengan Pelancaran Dasar Keluarga Negara. Seminar Mesra Keluarga 1Malaysia turut diadakan dengan penyertaan 300 peserta. Outcome daripada hasil penilaian seminar ini akan dijadikan input kepada Program MyNilai.

• Sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa 2011

Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2011 bertema "Sentiasa Ada Untukmu... Ibu" telah dirasmikan oleh YB.Menteri KPWK di Balai Seni Lukis Negara pada 10 Mei 2011. Seramai 1,000 peserta telah hadir ke program tersebut. Turut hadir sama YBhg. Tun Rahah Mohd Noah, ibu kepada Perdana Menteri. Antara pengisian utama adalah pemeriksaan kesihuan secara percuma, perkhidmatan Unit Bergerak 1Malaysia dan Pameran Seni Rupa bertemakan "Kasihnya Ibu".

Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan tahun 2011 bertema "Nikmatnya Menjadi Bapa Yang Baik". telah diadakan di Tapak Karnival Jom Heboh TV3 Kota Kinabalu, Sabah, pada 25 Jun 2011. Seramai 32,516 bapa khususnya golongan miskin menerima manfaat pakej saringan pemeriksaan kesihatan percuma melalui klinik-klinik Nur Sejahtera LPPKN di Kota Kinabalu, Sandakan, Semporna dan Khidmat Unit Bergerak LPPKN.

• Eco Family 2011

Tema "Healthy Planet, Healthy People" dipilih selaras dengan tema yang ditetapkan oleh UNFPA. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Dato Dr. Noorul Ainul Mohd Nur, KSU KPWK pada 17 Disember 2011, di Putrajaya. Antara lain, objektif utama program ialah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutama bagi ahli keluarga setempat agar prihatin terhadap alam sekitar, mengenai kepentingan menjaga alam sekitar, memberi kemahiran mengenai amalan dan cara hidup yang sesuai dengan penjagaan alam sekitar.

OUTCOME #3: PENGUKUHAN INSTITUSI PERKAHWINAN

Pengukuhan dan kestabilan dalam institusi perkahwinan merupakan asas kepada pembinaan keluarga yang sejahtera. Justeru, LPPKN telah mengambil langkah proaktif dalam usaha memperkuuh dan mempertingkatkan jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan dan NGO bagi melaksanakan program pendidikan perkahwinan. Sebanyak 53 program oleh NGO berkaitan berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,841 peserta pada tahun 2011.

OUTCOME #4: KEPERLUAN KEIBUBAPAAN KELUARGA DI PENUHI

Usaha untuk memenuhi keperluan keibubapaan dalam keluarga, pelbagai program dan aktiviti khususnya kepada kalangan keluarga muda dan keluarga terpinggir telah dilaksanakan. Program dan aktiviti ini berupaya membantu keluarga menguruskan kerjaya dan keluarga menerusi penerapan pendidikan pengetahuan dan kemahiran kekeluargaan serta panduan cara gaya keibubapaan bagi menghadapi cabaran keluarga di setiap kitaran hidup keluarga (family life cycle).

Aktiviti pendidikan kekeluargaan demi kesejahteraan keluarga terus dipertingkatkan melalui penganjuran program dan aktiviti pendidikan sedia ada seperti Kursus Keluarga@Kerja (Parenting@Work), Kursus SMARTbelanja@LPPKN, dan Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN. Sepanjang tahun 2011 seramai 356,234 orang ahli keluarga telah menghadiri program-program berkenaan terutama dalam kalangan keluarga “high risk” dan “at risk”. Hasil pasca penilaian program, 95 peratus daripada peserta menyatakan mereka mendapat lebih pengetahuan dan kemahiran keibubapaan.

OUTCOME #5: ASAS YANG KUKUH UNTUK REMAJA

Bagi mempersiapkan generasi remaja dengan jati diri yang kukuh, seramai 98,690 orang remaja telah diberi pengetahuan, kemahiran dan perkhidmatan berkaitan kesihatan reproduktif remaja menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN LPPKN. Usaha ini terus dimantapkan melalui pengintegrasian Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) dalam kurikulum Latihan Khidmat Negara mulai Jun 2011. Sebanyak 7 Kursus Kejurulatihan (Training of Trainers – TOT) kepada Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,303 Jurulatih Multiskill PLKN.

Seramai 43,487 orang pelatih PLKN telah mengikuti 2 sesi PLKN di semua 81kem. Hasil daripada pelaksanaan program PKRS@PLKN ini, modul yang dibangunkan oleh LPPKN dengan kerjasama NGO telah ditambah nilai untuk kegunaan pada tahun 2012. Susulan daripada itu juga, satu mesyuarat bersama LPPKN dan Kementerian Pelajaran telah diadakan untuk melaksanakan Program PKRS@Sekolah secara perintis untuk pelajar Darjah 6 dan Tingkatan 3 di Sekolah-sekolah terpilih.

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL PKRS@PLKN

Dalam melaksanakan Dasar Kesihatan Reproduktif dan Sosial Negara, KPWKM melalui LPPKN telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial PKRS@PLKN pada 17 Februari 2011 di Kem PLKN Sri Perkasa, Mantin, Negeri Sembilan. Majlis telah dirasmikan oleh YB Menteri PWKM dan dihadiri seramai 700 orang terdiri daripada pegawai kanan JLKN, pelatih PLKN dan penulis modul.

MAJLIS PENYERAHAN BUKU KERJA MODUL KESEJAHTERAAN HIDUP

Majlis Penyerahan Buku Kerja Modul Kesejahteraan Hidup kepada Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Dato' Hj. Abdul Hadi Bin Awang Kechil telah disempurnakan oleh Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua KPWKM pada 10 Jun 2011 di KPWKM. Buku Kerja Modul Kesejahteraan Hidup yang dibangunkan oleh LPPKN dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Badan-badan Bukan Kerajaan iaitu FRHAM, AWAM, WAO dan Pacific Outreach digunakan oleh peserta-peserta PLKN mulai 15 Jun 2011. Sehingga Disember 2011, seramai 42,292 orang peserta PLKN telah diberi ilmu/ tips mengenai isu gender, keganasan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif.

OUTCOME #6: PERKHIDMATAN SOKONGAN KELUARGA

Perkhidmatan sokongan keluarga yang mudah diakses amat perlu bagi membantu ahli keluarga menghadapi perubahan dan cabaran pada masa kini. LPPKN telah mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan sokongan keluarga menerusi pelbagai perkhidmatan yang berkaitan Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan dan Kekeluargaan; Perkhidmatan Kesihatan Reproduktif; Program Subsidi Ujian Mamogram; Unit Bergerak LPPKN; dan AIRIS Keluarga (Anjung Interaksi, Rekreasi, Intervensi, dan Sokongan Keluarga). Sepanjang tahun 2011, seramai 256,533 orang ahli keluarga telah mendapat faedah daripada pelbagai perkhidmatan kaunseling dan kesihatan reproduktif yang disediakan

oleh LPPKN. Pencapaian ini adalah peningkatan sebanyak 112% berbanding sasaran asal seramai 230,000 orang ahli keluarga.

Tahun 2011 turut menyaksikan persiapan bagi kerja-kerja pembinaan Pusat Keluarga LPPKN di Nusa Bestari, Miri dan Sibu. Ini menjadikan LPPKN mempunyai sebanyak 57 Pusat Kerja/ Klinik Nur Sejahtera di seluruh Malaysia. Bagi mempertingkatkan aksesibiliti terhadap khidmat sokongan keluarga, menerusi kerjasama pintar dengan NGO seperti MyKasih, PENGASIH, Petronas diadakan bagi membantu golongan keluarga yang berpendapatan rendah. Menerusi pendekatan tanggungjawab sosial korporat (CSR), LPPKN telah berjaya mendapat penajaan daripada Syarikat Exxon Mobil, MyDin dan Pharmaceutical bagi melaksanakan Khidmat Unit Bergerak LPPKN.

Tempoh	Penyertaan	Sasaran	Prestasi	Peningkatan +42,718 jumlah ahli keluarga berbanding tahun 2010
Tahun 2010	213,815	200,000	107%	
Tahun 2011	256,533	230,000	112%	

Secara keseluruhannya, pencapaian LPPKN bagi tahun 2011 adalah sealiran dengan visi dan misi organisasi dan mengikut peruntukan yang diluluskan. Pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan secara intensif telah berjaya meningkatkan kesedaran, serta kemahiran kekeluargaan dalam kalangan masyarakat umum. Inisiatif ini adalah selaras dengan bidang keberhasilan utama KPWKM iaitu mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas kestabilan masyarakat.

Perancangan LPPKN Bagi Tahun 2012

Bagi tahun 2012, LPPKN komited terhadap usaha untuk mengekalkan kesejahteraan keluarga sebagai asas kestabilan. Dengan berteraskan 6 outcome yang digariskan dalam pelan strategik LPPKN 2011 – 2014, sosial, strategi LPPKN tahun 2012 diterjemahkan melalui pelaksanaan program seperti berikut:

KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

- Melaksanakan kajian dan penyelidikan dalam bidang Kependudukan, Reproduksi Manusia dan Pembangunan Keluarga ke arah mempertingkatkan peranan LPPKN dalam menasihati kerajaan dengan menterjemahkan hasil kajian dalam bentuk dasar, undang-undang dan peraturan dan program. Hasil-hasil kajian yang dijalankan akan turut diterbitkan antaranya dalam jurnal-jurnal yang 'credible'.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TERUS KEPADA RAKYAT

- Pelaksanaan program secara holistik dan melibatkan semua kaum di negara ini selaras dengan konsep '1 Malaysia: Rakyat Diutamakan, Pencapaian Didahulukan'.
- Pendekatan *family approach* digunakan dengan memperbanyakkan Program *Outreach* menerusi smart partnership/jaringan kolaborasi dengan NGO, swasta dan komuniti.



PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN TEKANAN DARAH MENERUSI PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

PROGRAM- PROGRAM BERBENTUK TOUCH POINT AKAN DIJALANKAN SEPERTI

- Suntikan Percuma Imunisasi Human Papilloma Virus (HPV) bagi mencegah barah pangkal rahim.
- Perkhidmatan Kesihatan Reproktif dan Kaunseling yang disediakan di Pusat Keluarga LPPKN di seluruh Negara termasuk Unit Bergerak LPPKN.
- Gempur Subsidi Ujian Mamogram bagi pengesanan awal barah payu dara.
- Program Pencegahan Jenayah: Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita (SEKATA) bagi memberi kemahiran keibubapaan dan pembangunan remaja di dalam komuniti.
- Siri Penjelajahan Kesejahteraan Keluarga Untuk Rakyat (SPEKKTRA) bagi memberi perkhidmatan pendidikan keselamatan dan kesejahteraan keluarga di dalam komuniti.
- PKRS@SEKOLAH bagi memberi pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial (PKRS) kepada pelajar-pelajar sekolah.
- PKRS@PLKN bagi memberi pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial (PKRS) kepada pelatih PLKN di seluruh negara.



SIDANG MEDIA HARI KELUARGA KEBANGSAAN DAN PELANCARAN KAD ROYALTY LPPKN, KPWK



Institut Sosial Malaysia (ISM)

Penubuhan Institut Sosial Malaysia (ISM) adalah untuk menyediakan kemudahan latihan ikhtisas dalam pembangunan sosial kepada semua pengamal sosial daripada pelbagai peringkat dan kumpulan dari dalam dan luar negara termasuk dari kalangan pertubuhan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO). Institut Sosial Malaysia menggunakan pendekatan pendidikan sepanjang hayat yang membuka peluang kepada sesiapa yang berminat meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme dalam bidang perkhidmatan dan pembangunan sosial.

Visi

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang polisi dan pembangunan sosial.


Misi

Menggalakkan pertukaran idea, latihan berkualiti, penyelidikan dan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang polisi dan pembangunan sosial.

Objektif

- Melahirkan pengamal sosial yang mahir dan profesional;
- Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam pengurusan polisi sosial;
- Merancang dan menghasilkan kurikulum dan program latihan yang komprehensif dan relevan;
- Memperkembangkan rangkaian tempatan dan antarabangsa serta berkongsi ilmu dan idea;
- Menggalakkan penyelidikan dan penerbitan berkenaan polisi dan pembangunan sosial.

Carta Organisasi



Pencapaian Bahagian Institut Sosial Malaysia ISM

KURSUS

Sepanjang tahun 2011, ISM telah menjalankan 111 kursus dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 2811 orang. Sebahagian besar peserta adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan lain-lain agensi di bawah KPWKM, para akademik, NGO dan individu.

Bil.	Nama Kursus	Siri	Pusat Pengajaran	Jumlah Peserta (orang)
1	Kursus Asas Kerja Sosial Pegawai Dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat	1	Kemahiran Sosial	58
2	Kursus Asas Kerja Sosial Pembantu Pegawai Kebajikan Masyarakat	1	Kemahiran Sosial	53
3	Kursus Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	2	Kemahiran Sosial	52
4	Kursus Kerja Sosial Pegawai Dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat	7	Kemahiran Sosial	113
5	Kursus Model PAP Pegawai Dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat	5	Kemahiran Sosial	118
6	Kursus Kerja Sosial Pembantu Kebajikan Masyarakat	5	Kemahiran Sosial	126
7	Kursus Pengurusan Kes Bagi Kanak-Kanak Yang Memerlukan Pemeliharaan Dan Perlindungan dan Pengurusan Pengangkutan Anak Pelihara	4	Kemahiran Sosial	94
8	Kursus Pengurusan Kes bagi Kanak-Kanak Yang Memerlukan Pemulihan Dan Tidak Terkawal	3	Kemahiran Sosial	68
9	Bengkel Keberkesanan Dan Pemurnian Kursus Asas Kerja Sosial Pegawai Dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat	1	Kemahiran Sosial	25
10	Bengkel Pendidikan Kerja Sosial	1	Kemahiran Sosial	46
11	Bengkel Leostrat	1	Kemahiran Sosial	14
12	Bengkel Integriti Asas Khidmat Awam	1	Kemahiran Sosial	18

Bil.	Nama Kursus	Siri	Pusat Pengajian	Jumlah Peserta (orang)
13	Kursus Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	2	Pembangunan Komuniti	56
14	Kursus Pengurusan Kemasukan Kes Orang Papa Dan Warga Emas ke Institusi	2	Pembangunan Komunitil	59
15	Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak	2	Pembangunan Komuniti	44
16	Kursus Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga	2	Pembangunan Komuniti	55
17	Kursus Pengenalan Kehidupan Berdikari Bagi OKU	2	Pembangunan Komuniti	54
18	Kursus Perancangan Menu Taska Dan Pusat Jagaan	2	Pembangunan Komuniti	47
19	Kursus Pembangunan Komuniti Untuk Warga Emas	2	Pembangunan Komuniti	54
20	Kursus Perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat	2	Pembangunan Komuniti	52
21	Kursus Perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat	2	Pembangunan Komuniti	60
22	Kursus Pemantapan Pengurusan Kes Di Institusi OKU	2	Pembangunan Komuniti	51
23	Kursus Perkhidmatan Orang Kurang Upaya	2	Pembangunan Komuniti	87
24	Kursus Pendaftaran Orang Kurang Upaya	2	Pembangunan Komuniti	47
25	Kursus Asas Penjagaan Warga Emas di Institusi : Bantuan Pergerakan Dan Aktiviti Kehidupan Harian	2	Pembangunan Komuniti	69
26	Kursus Pengurusan Dan Pendayaupayaan Program Pemulihan Dalam Komuniti	2	Pembangunan Komuniti	58
27	Kursus Perkhidmatan Pembangunan Komuniti	2	Pembangunan Komuniti	46

Bil.	Nama Kursus	Siri	Pusat Pengajian	Jumlah Peserta (orang)
28	Kursus Bahasa Isyarat	2	Pembangunan Komuniti	51
29	Kursus Job Coach	2	Pembangunan Komuniti	52
30	Kursus Pemantapan Pertubuhan Sukarela (PSK)	2	Pembangunan Komuniti	54
31	Kursus Asas Pegawai Diberi Kuasa Taska Dan Pusat Jagaan	1	Pembangunan Komuniti	28
32	Kursus Pemeriksaan Di Taska Dan Pusat Jagaan	1	Pembangunan Komuniti	28
33	Kursus Para Kaunselor Warga Emas	1	Pembangunan Komuniti	29
34	Kursus Pembangunan Potensi Diri Kelas Pertama	1	Pembangunan Modal Insan	16
35	Kursus kecerdasan Emosi (EQ) dan Pembentukan Positive Attitude	1	Pembangunan Modal Insan	22
36	Kursus Transformasi Minda Dan Pemikiran Strategik	2	Pembangunan Modal Insan	54
37	Kursus pengurusan Intervensi Krisis Di Pusat pemindahan bencana	2	Pembangunan Modal Insan	53
38	Kursus Perundingan Berkesan	1	Pembangunan Modal Insan	22
39	Kursus Kepimpinan Kendiri Dan Berpasukan	1	Pembangunan Modal Insan	25
40	Kursus Pengurusan Majlis Dan Protokol	1	Pembangunan Modal Insan	20
41	Kursus Bahasa Mandarin	2	Pembangunan Modal Insan	52
42	Kursus Pengurusan Kewangan	2	Pembangunan Modal Insan	50

Bil.	Nama Kursus	Siri	Pusat Pengajian	Jumlah Peserta (orang)
43	Kursus Asas Kaunseling-Kemahiran Menolong	2	Pembangunan Modal Insan	69
44	Kursus Pengurusan Kanak-Kanak Mangsa Anti Pemerdagangan Orang (ATIP)	2	Pembangunan Organisasi Sosial	44
45	Kursus Penyiasatan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) Dan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)	2	Pembangunan Organisasi Sosial	56
46	Kursus Productive Welfare Dalam Pembangunan Pengusahaan Klien Kebajikan	5	Pembangunan Organisasi Sosial	174
47	Kursus Pengurusan Dan Pentadbiran Institusi Kanak-Kanak	2	Pembangunan Organisasi Sosial	61
48	Kursus Pengurusan Intervensi Dan Pendekatan Mengendalikan Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak	1	Pembangunan Organisasi Sosial	28
49	Kursus T.O.T Penyiasatan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) Dan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)	3	Pembangunan Organisasi Sosial	56
50	Bengkel SPDIIS	2	Unit Penyelidikan	30
51	Kursus Statistical for Statistical Package Science	2	Unit Penyelidikan	23
52	Kursus Asas Penyelidikan	1	Unit Penyelidikan	24
53	Kursus Asas Penyelidikan Zon Tengah	1	Unit Penyelidikan	24
54	Kursus Asas Penyelidikan Zon Selatan	1	Unit Penyelidikan	25
55	Kursus Statistical Package for Social Science	2	Unit Penyelidikan	17
JUMLAH		111		2811

SUKARELAWAN

Program Sukarelawan Jiwa Malaysia yang mula dilaksanakan pada tahun 2009 bertujuan untuk melatih orang ramai terutamanya golongan muda mudik dengan pengetahuan dan kemahiran sukarelawan bagi membolehkan mereka memberikan khidmat bantuan sekiranya berlaku bencana alam atau kemalangan seperti kebakaran, banjir dan sebarang kejadian di luar jangkaan. Latihan sukarelawan ini telah diadakan melalui penganjuran Program Sukarelawan Jiwa Malaysia di seluruh Negara dan juga melalui penganjuran Bengkel Kemahiran Sosial.

Bagi tahun 2011, sebanyak tiga program Sukarelawan Jiwa Malaysia telah diadakan termasuk di Melaka pada 6 Oktober 2011. Program ini bertujuan untuk memberi kemahiran dan kesedaran di dalam diri golongan belia mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang sukarelawan serta pendedahan untuk mengenali diri, memahami komuniti persekitaran ke arah menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara. Seramai 500 orang yang terdiri daripada guru-guru pelatih Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu Melaka telah menyertai program ini dan mereka telah digalakkan untuk merancang program sukarelawan di institusi-institusi kebajikan.

Seminar Sehari Mengenai Pembudayaan Kesukarelawan Di Kalangan Masyarakat Di Malaysia telah berlangsung di Sabah pada 24 November 2011. Seminar ini memberi fokus kepada kefahaman masyarakat tentang kesukarelaan, kebaikan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelaan dan faktor-faktor yang boleh mendorong penglibatan mereka ke arah pembangunan

sesebuah negara. Seminar ini adalah salah satu tindakan susulan ISM berdasarkan kajian Pembudayaan Kesukarelaan Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia pada tahun 2010 yang diadakan dengan kerjasama Unit Perunding Universiti Malaya (UPUM).

Sukarelawan Jiwa Malaysia (Kaum Cina) telah diadakan di Negeri Sembilan pada 23 Disember 2011. Objektif program ini adalah memberi kefahaman kepada golongan belia kaum cina berhubung konsep, tujuan, misi serta matlamat kerja sukarela, memberi pendedahan kepada golongan belia untuk mengenal diri, memahami komuniti persekitaran ke arah menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara, membina rangkaian Sukarelawan Jiwa Malaysia dalam kalangan kaum cina dan merangka pelan tindakan Sukarelawan Jiwa Malaysia mengikut kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

BENGKEL KEMAHIRAN SOSIAL

Bengkel Kemahiran Sosial telah dijalankan di setiap peringkat zon. Bengkel ini bertujuan memberikan kemahiran kaunseling yang merupakan salah satu aspek intervensi dalam menangani gejala sosial kepada pemimpin masyarakat, belia, pelajar dan wakil masyarakat setempat. Bengkel ini juga memberi pendedahan kepada para peserta untuk menjadi sukarelawan yang boleh yang memerlukan tenaga dan bantuan serta sokongan sukarelawan.

Bagi tahun 2011, sebanyak sembilan Bengkel Kemahiran Sosial telah diadakan dan telah berjaya memberi pendedahan dan pengetahuan kaunseling dan kesukarelaan kepada 2001 orang peserta.

Bil.	Nama Negeri	Tarikh	Lelaki (Jumlah)	Perempuan (Jumlah)	Jumlah (Orang)
1	Johor	19/5/11	69	103	172
2	Melaka	18/6/11	81	175	256
3	Perak	16/7/11	66	136	202
4	Selangor	23/7/11	29	92	121
5	Kedah/Perlis	10/9/11	127	143	270
6	Pinang	24/9/11	57	137	194
7	Kelantan	15/10/11	41	190	231
8	Terengganu/Pahang	12/11/11	83	227	310
9	Sabah	3/12/11	75	170	245
JUMLAH			628	1373	2001

Bengkel Kemahiran Sosial Sarawak telah diadakan sekitar bulan April 2011. Bengkel ini telah diadakan di setiap bahagian di negeri Sarawak. Seramai 1568 peserta telah menyertai bengkel ini.

Bil.	Nama Negeri	Tarikh	Lelaki (Jumlah)	Perempuan (Jumlah)	Jumlah (Orang)
1	Kuching	8/4/11	63	70	133
2	Serian	8/4/11	55	66	121
3	Kota Samarahan	8/4/11	30	68	98
4	Sarikei	10/4/11	99	100	199
5	Sibu	10/4/11	82	83	165
6	Dalat (Mukah)	10/4/11	70	80	150
7	Bintulu	13/4/11	73	85	158
8	Miri	13/4/11	94	110	204
9	Limbang	13/4/11	88	102	190
10	Lawas	13/4/11	70	80	150
JUMLAH			724	844	1568

SEMINAR/BENGKEL

Bengkel Pendidikan Kerja Sosial telah diadakan pada 20 hingga 21 Jun bertempat di ISM. Program ini mengumpulkan para pensyarah kerja sosial daripada tujuh buah universiti awam (USM, UM, UKM, UPM, UUM, Unimas dan UMS), Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) dan ISM bagi membincangkan isu-isu semasa dan pelan strategik untuk meningkatkan lagi penyeragaman dan kualiti kurikulum kerja sosial di peringkat institusi pengajian awam.

Bengkel ini diharapkan dapat menyumbang ke arah melahirkan lebih ramai lagi pekerja sosial yang terlatih dalam menangani isu-isu sosial semasa yang semakin kompleks. Penambahbaikan kepada corak latihan dan kurikulum kerja sosial sedia ada akan dapat menyumbang kepada peningkatan piawaian kecekapan kerja sosial kebangsaan dan ke arah penggubalan Akta Pekerja Sosial yang lebih menyeluruh.

Pada 27 Julai 2011, ISM telah menganjurkan Program Syarahan Perdana Sosial di Auditorium, ISM. Objektif program adalah untuk berkongsi isu-isu sosial semasa dan keperluan transformasi sosial ke arah kesejahteraan negara dalam mencapai matlamat Malaysia negara maju pada tahun 2020 serta untuk berkongsi mengenai dapatan-dapatan Laporan Sosial Malaysia dalam mengenal pasti nilai-nilai kesejahteraan yang diterima pakai oleh masyarakat dan melihat isu-isu tahap kesejahteraan hidup melalui indikator dan indeks sosial yang telah dibuat kajian.

Pada 15 November 2011, ISM telah menganjurkan Seminar Intervensi HIV/AIDS Melalui Kaunseling dan Kerja Sosial di Shah Alam. Seminar ini diadakan bertujuan untuk mendapat penglibatan komuniti, orang perseorangan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu Orang Yang Hidup Dengan HIV/Aids (OHDA). Seminar ini juga bagi mengelakkan diskriminasi terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV/Aids (OHDA).

Seminar ini turut memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai intervensi dan kemudahan-kemudahan perubatan yang diwujudkan oleh pelbagai pihak

dalam menangani peghidap HIV/Aids, gologan yang berisiko untuk dijangkiti dan ahli kelurga Orang Yang Hidup Dengan HIV/Aids (OHDA). Peserta seminar terdiri dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pelajar Institusi Pusat Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, pekerja sosial dan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan isu HIV/Aids.

PELAN TINDAKAN PEMBUDAYAAN AMALAN NILAI-NILAI MURNI PUTRAJAYA 2011 -2015

ISM telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi dua program di bawah Pelan Tindakan Pembudayaan Amalan Nilai-nilai Murni Putrajaya 2011 -2015 iaitu Program Mari Bercerita Pada Anak-Anak Putrajaya dan Program Latihan Tegas Diri. Program Mari Bercerita Pada Anak-Anak Putrajaya telah diadakan pada 20 Julai 2011 bertempat di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18(1). Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Puan Sri Dato' Wan Noorlina Wan Hussin, Yang DiPertua PUSPANITA. Program ini memberi fokus kepada pembangunan sahsiah dan pemerkasaan generasi muda dengan memupuk nilai-nilai murni dan memberikan kesedaran mengenai tanggungjawab sosial dalam diri kanak-kanak bagi mengelakkan mereka terlibat dengan gejala tidak bermoral. Program ini juga dapat menanam nilai-nilai murni dan membentuk jati diri kanak-kanak supaya mereka menjadi generasi yang baik dari segi fizikal dan mental.

Program Latihan Tegas Diri telah diadakan pada 28 September 2011 dengan penyertaan seramai 200 pelajar SMK Presint 16 Putrajaya bertempat di Dewan Sekolah SMK Presint 16 Putrajaya. Program ini bertujuan menanam sifat tegas diri dalam kalangan kanak-kanak dan remaja supaya dapat memantapkan jati diri apabila berhadapan masalah sosial di sekolah dan masyarakat sekeliling. Selain itu, pemantapan jati diri akan mengelakkan kanak-kanak dan remaja daripada terjebak atau terikut-ikut dengan kelakuan negatif dan penularan budaya asing dalam kalangan mereka.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pelancaran Sistem Pangkalan Data Isu-Isu Sosial (SPDIIS) telah diadakan pada 8 Ogos 2011. Pelancaran ini telah dilakukan oleh YB Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di auditorium ISM. SPDIIS adalah pangkalan data berpusat mengenai isu-isu sosial di Malaysia. SPDIIS telah mengintegrasikan pelbagai sistem maklumat daripada semua agensi di bawah KPWKM bagi memudahkan capaian kepada data serta membuat analisis berhubung isu-isu sosial. Sistem ini dibangunkan oleh ISM bagi meningkatkan keupayaan KPWKM dalam melaksanakan strategi-strategi pemerkasaan kumpulan sasarnya secara berpusat dan lebih berkesan.

PENGURUSAN KUALITI

ISM telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001: 2008 pada 2 November 2011 daripada SIRIM. Skop pelaksanaan adalah Pengurusan Latihan Pusat Pengajian Kemahiran Sosial. Dasar Kualiti terhadap standard ini adalah ISM komited di dalam menyedia dan melaksanakan pengurusan latihan secara cekap dan berkesan. ISM akan memastikan kepuasan pelanggan sentiasa ditingkatkan melalui pematuhan kepada keperluan-keperluan dan penambahbaikan berterusan Sistem Pengurusan Kualiti. Objektif Kualiti ISM merangkumi pengendalian latihan, penilaian program latihan, pengurusan penginapan, pengurusan sajian, pengurusan pusat sumber, aduan pelanggan, latihan anggota, perolehan bekalan dan perkhidmatan dan penyelenggaraan.

5S juga turut dijalankan di ISM. Satu jawatankuasa 5S telah dibentuk bagi memastikan 5S terus berjalan dengan lancar di ISM. Setiap unit telah mengenal pasti warna yang digunakan dan digalakkan menggunakan kreativiti masing-masing dalam melaksanakan 5S berkenaan. Setiap petang Jumaat telah diperuntukkan kepada warga ISM bagi menjalankan aktiviti 5S.

PENERBITAN

ISM telah menerbitkan 6 penerbitan pada tahun 2011 iaitu:



AKTIVITI ISM

- ISM turut menyertai Sambutan Ulang Tahun Ke 10 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 17 Januari 2011.
- ISM telah mengadakan aktiviti sukarelawan iaitu Amal Bersama Anak-Anak Yatim di Rumah Kanak-Kanak Arau, Perlis. Program ini disertai oleh para pegawai dan kakitangan ISM. Aktiviti yang dijalankan berbentuk sukarelawan yang dapat merapatkan hubungan antara anak-anak yatim dan ISM pada 3-5 Jun 2011.
- Sebuah Majlis Aqiqah dan Qurban telah diadakan di ISM bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada 8 November 2011. Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Noor turut hadir di majlis berkenaan. Majlis tersebut telah dapat menerapkan nilai-nilai murni peristiwa Qurban ke dalam diri dan juga tugasan harian pegawai dan kakitangan serta mengeratkan silaturahim di kalangan warga ISM.



MAJLIS PELANCARAN SISTEM PANGKALAN DATA ISU-ISU SOSIAL (SPDIIS)



Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW)

Pengenalan

Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2006 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia.

Visi

Untuk menjadi pemangkin di dalam membentuk visi dan kepimpinan termasuk menetapkan keutamaan dan arah tuju polisi yang meluas untuk NIEW dan cawangan-cawangannya bersama-sama Negara-negara Anggota NAM yang lain di dalam usaha untuk mempromosi dan meningkatkan kemajuan wanita.

Misi


NIEW adalah sebuah institusi NAM yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia yang dikhushuskan untuk menjalankan latihan, penyelidikan dan pengurusan pengetahuan dengan kerjasama dari pihak kedutaan, pertubuhan antarabangsa, sektor swasta, ahli akademik dan masyarakat awam dalam memastikan pengupayaan wanita dan kesaksamaan gender di Negara-negara Anggota NAM.

Objektif

- Meningkatkan kesedaran orang ramai dan mendapatkan komitmen mereka untuk memudahkan proses memperkasa wanita
- Meningkatkan bilangan wanita yang berkeupayaan
- Meningkatkan komitmen kumpulan sasar, orang yang terlibat dan boleh menyumbang kepada pengupayaan wanita dan
- Meningkatkan bilangan negara, agensi kerajaan, organisasi, syarikat dan individu yang bersedia untuk membiayai program-program memperkasakan wanita

Carta Organisasi

PENGARAH



Fungsi

- Mengendalikan kursus-kursus latihan dan bengkel-bengkel mengenai isu-isu wanita dan gender untuk faedah negara-negara Anggota NAM;
- Menganjurkan siri-siri ceramah dan syarahan berkaitan gender dan wanita kepada agensi-agensi kerajaan, organisasi awam dan negara-negara anggota NAM;
- Mengendalikan seminar-seminar dan program-program bertaraf antarabangsa mengenai isu-isu berkaitan gender dan wanita yang terkini dan diberi perhatian serius oleh negara-negara Anggota NAM;
- Menyelaras dan menjalankan kajian mengenai isu-isu gender dan wanita yang menjadi keutamaan kepada negara-negara NAM;
- Mengumpul dan menerbitkan artikel serta mencari bahan-bahan mengenai gender dan wanita;
- Meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta dan orang perseorangan bagi membolehkan mereka merangka, melaksana dan memantau undang-undang dan peraturan bagi memastikan ianya sensitif dan selari terhadap keperluan gender;
- Menyediakan perkhidmatan perundingan kepada negara-negara Anggota NAM bagi membantu di dalam usaha mereka untuk melatih dan membentuk keupayaan wanita di negara masing-masing;
- Merangka strategi, merancang dan melaksanakan program ke arah mencapai misi dan visi NIEW; dan
- Mencari sumber kewangan dan tajaan dari syarikat-syarikat da pertubuhan-pertubuhan lain bagi membolehkan penyertaan wanita dari negara-negara NAM yang miskin dipertingkatkan.

Pencapaian Bagi Tahun 2011

Sebagai sebuah institusi pembangunan wanita yang pertama bagi NAM, NIEW berhasrat untuk meningkatkan peranan wanita di negara-negara NAM melalui program-program yang dianjurkan. Sejak suku akhir abad yang lepas, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mencapai kesaksamaan gender. Wanita berhak untuk memperoleh hak dan perlindungan yang saksama, kebebasan bersuara, kesaksamaan dari segi undang-undang; termasuk hak untuk melibatkan diri dalam bidang politik, sosial dan ekonomi dan hak untuk memperoleh pendidikan. Pengupayaan wanita juga adalah perlu bagi mencapai kemajuan dalam pembangunan dan mengurangkan kemiskinan.

Penubuhan NIEW adalah amat penting bagi membantu mencapai tujuan tersebut. Ini adalah kerana NIEW memberi fokus kepada aspek latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti kritikal contohnya, Wanita dalam bidang Politik dan Ekonomi, Wanita dalam bidang Pendidikan dan ICT dan Wanita dalam bidang Kesihatan dan Anti-keganasan terhadap Wanita. Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Negara-negara Anggota NAM terhadap pelbagai pendekatan dan kaedah untuk menangani permasalahan dan isu-isu wanita khususnya di peringkat antarabangsa.

NIEW juga menjalankan program-program yang melibatkan kajian dan pembangunan, jalinan rangkaian perhubungan dengan institusi antarabangsa, pembinaan pangkalan data dan pelbagai aktiviti lain yang berupaya menyumbang terhadap proses pengupayaan wanita di Negara-negara Anggota NAM.

KURSUS PEMBANGUNAN KAPASITI

Bil.	Kursus	Bilangan Peserta	Tarikh
1	Course on Controlling Infectious Diseases for NAM Member Countries	25	25-29 April 2011
2	Course on Creative Entrepreneurship	25	20-24 Jun 2011
3	Course on Disaster Management	25	17-21 Oktober 2011

PROGRAM KHAS

Bil.	Tajuk Seminar	Bilangan Peserta	Tarikh
1	Kembara Sarawak: • Syarahan Ladies: Let's Break the Glass Ceiling • Celebrity Chit Chat with Youth • Forum: Women's Role for a Better Sarawak	500 500 1000	2-16 April 2011

BENGKEL/LATIHAN KHAS

Bil.	Bengkel/Latihan	Bilangan Peserta	Tarikh
1	Gender Focal Point Intensive Training (1st Series)	200	28 Julai 2011
2	Gender Focal Point Intensive Training (1st Series)	200	13-15 Disember 2011

PROGRAM - PROGRAM LAIN

Bil.	Program	Bilangan Peserta	Tarikh
1	WIEF Women Entrepreneurs Workshop	200	11 Februari 2010
2	Library Open Day	2000	2 & 3 Mac 2010

Bil.	Program	Bilangan Peserta	Tarikh
3	Roundtable on Achieving 30% Decision Making Positions for Women	10	18 Mac 2011
4	Workshop on Advancing the Cause of Women Through Public Relation Strategies Using the New Media	30	18-19 Mac 2011
5	Seminar on Women in Leadership From Islamic Perspective	220	29 April 2011
6	High Level Meeting on Achieving the Targets of Malaysia's National Policy on Women	33	31 Mei 2011
7	Seminar on The Role of ICT in Disasters Management and Recovery for Women	300	16 Jun 2011
8	Special Lecture on Gender Equality and the Life and Health of Women	250	27 Jun 2011
9	Forum on Women in Leadership from Islamic Perspective	400	22 Julai 2011
10	Breakfast Talk on Women in the Boardroom	300	13 September 2011
11	NIEW Open House	300	15 September 2011
12	International Forum on Women in Science & Technology in Muslim Countries	400	20-22 September 2011
13	NIEW Ladies Carnival	5000	27 September 2011
14	Workshop on English Writing Skills: Report and Letter	25	5-6 Oktober 2011
15	Forum on Budget 2012: What's There for Women	100	10 Oktober 2011
16	The Great Gender Debate	1000	8-13 November 2011
17	Festival Mahasiswa Nasional (FEMINA)	500	2-4 November 2011

LATIHAN-LATIHAN DALAMAN

Bil.	Kursus/Bengkel/Ceramah	Bilangan Peserta	Tarikh
1	Motivational Talk	33	10 Februari 2011
2	Hands on Workshop for Desk File	33	19 Mei 2011

LAWATAN-LAWATAN RASMI KE NIEW

Bil.	Delegasi	Tarikh
1	Lawatan oleh Delegasi Bangladesh	23 September 2011
2	Lawatan oleh Delegasi India	8 Disember 2011
3	Lawatan oleh Delegasi Vietnam	9-15 Disember 2011

PENERBITAN

Bil.	Penerbitan	Bil.	Penerbitan
1	Profil Korporat NIEW	6	Kompilasi Gender Related Laws in NAM Member Countries
2	Annual Report 2010	7	Book on Best Practices of Economic Empowerment in NAM Countries
3	NIEW Essentia Volume 4	8	Book on Women and Empowerment in NAM Countries
4	NIEW Journal Volume 3		
5	Srikandi Booklet		

PENGLIBATAN SEBAGAI JAWATANKUASA DI DALAM PROGRAM-PROGRAM KEMENTERIAN

Bil.	Program	Tarikh
1	Ministry's 10th Anniversary Celebration	17 Januari 2011
2	Maulidur Rasul Celebration	18 Februari 2011
3	Women Summit	25 Julai 2011
4	Rahmat Ramadhan	17 Ogos 2011
5	Majlis Berbuka Puasa Menteri Bersama Media	22 Ogos 2011
6	Ihya' Ramadhan	23 Ogos 2011
7	Malaysia's Women's Day	25 Ogos 2011
8	Pameran Hari UNESCO 2011	19 November 2011
9	Pameran Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita	25-26 Oktober 2011



LADIES CARNIVAL, UM



GENDER FOCAL POINT

Kabinet lulus 30 peratus wanita buat dasar

ANTARA KERATAN AKHBAR

KUALA LUMPUR – Jemaah menteri telah meluluskan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

NAJIB pada sidang media berhubung pembabitan wanita pada peringkat pembuat keputusan di lobi Parlimen, semalam.

Cara kita menghargai wanita

DARI MUKA 1

“Kehadiran ini hanya 91 orang atau 13 peratus wanita dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di lobi Dewan Negara, di sini semalam. Hadir sama dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahriazat supaya lebih ramai wanita berlakon peluang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat.

“Kehadiran ini adalah kesinambungan kepada dasar sekurang-kurang 30 peratus wanita pada peringkat Menteri Kewangan (Ditadbarkan). Daripada 200 syarikat tersebut, terdapat dalam Bursa Malaysia yang dikumpulkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga November tahun lalu pula, hanya 7.6 peratus wanita dilantik ahli lembaga pengarah.

Selain itu, maklumat Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan hanya 45 orang atau enam per-

wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Khazanah Nasional Berhad, Malaysian Alliance of Corporate Directors serta Malaysian Directors Academy akan menyampaikan program latihan bagi menyokong wanita berpotensi menjadi ahli lembaga pengarah syarikat.

“Inilah caranya kita menghargai peranan wanita dalam konteks pembangunan negara kerana kebolehan mereka mengendalikan jatah penting sudah terbukti. Saya percaya keputusan Kabinet ini adalah penting serta bersejajar yang akan mengubah penyerian wanita dalam negara kita ke tahap yang jauh lebih tinggi lagi.

“Saya ucapkan selamat maju jaya kepada wanita di negara kita. Perayalah kerajaan hari ini adalah penyokong kuat kepada pembangunan kejayaan wanita,” katanya.

Sektor korporat sentiasa beri ruang

KUALA LUMPUR: Kebanyakannya syarikat korporat yakin dapat melaksanakan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat itu, malah ada yang sudah mencapainya.

Sektor korporat juga mendakwa tidak menyekat hak wanita untuk mengisi jawatan kanan dan penting dalam organisasi masing-masing, malah ada juga syarikat yang mengisi sehingga 50 peratus wanita bagi jawatan peringkat pembuat keputusan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Kamaluzzaman Abu Kassim, berkata ketika ini, 10 hingga 50 peratus pegawai wanita menduduki pelbagai peringkat jawatankuasa dan pengurusan dalam JCorp.

“JCorp tidak berdepan dengan sebarang masalah dalam melaksanakan dasar kerajaan dengan melantik lebih ramai wanita berkelayakan memegang jawatan tinggi dalam syarikat yang diterajui JCorp,” katanya kepada *Berita Harian*.

Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dalam kenyataan berkata, pihaknya tidak berdepan dengan sebarang masalah dalam melaksanakan dasar itu, kerana syarikat berkenaan sejak dulu lagi sudah membuka ruang kepada wanita yang layak dan berpotensi untuk memegang jawatan tinggi.

Album 2011



ANUGERAH PERDANA MENTERI USAHAWAN WANITA 2011



PELANCARAN KARISMA



SAMBUTAN HARI WANITA 2011



HARI OKU KEBANGSAAN



SAMBUTAN HARI BAPA 2011



SAMBUTAN ULANGTAHUN KE 10 KPWKM



SAMBUTAN HARI WARGA EMAS 2011

Sambutan Hari Kanak-Kanak

Oleh ZUHAYATI YAZID

ANAK adalah anggeran paling berharga yang dimiliki ibu bapa.

Tidak ada bantuan yang selanjutnya dibangun dalam kehidupan.

Ibarat kain putih yang bersih, ibu bapa diberi tanggungjawab untuk mencarik anak yang diamongkan itu untuk berjaya.

Sejak dahulu lagi, para ibu bapa

menyatakan bahawa

“Jangan diambil

kelebihan dan

berikan kepada

orang lain”.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.

Menurut Datuk

Shahrizat Abdul Jalil ber-

ata, daripada jumlah itu Rm

juta disalurkan melalui P

ram Kebajikan Rakyat

(Karisma) melibatkan

8,156 penerima.

“Peruntukan lain ter-

suk sejumrah RM2.4 jut-

lai program Teman 1

ZAM bantu ibu tunggal,

kurang kemampuan mula bisnes

sebanyak RM600 seku-

bulan kepada keluarga mis-

kin rendah di negara ini.</p



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
No 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya, MALAYSIA.

Tel: 03 8323 1000
Faks: 03 8323 2000

www.kpwkm.gov.my
twitter.com/kpwkm
www.facebook.com/kpwkm